

Bil. 16

**Khamis
29 Mac 2018**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KEENAM
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

| | |
|---|--------------|
| JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN | (Halaman 1) |
| JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN | (Halaman 7) |
| RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT | (Halaman 30) |
| USUL-USUL: | |
| Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat | (Halaman 34) |
| Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat | (Halaman 89) |
| USUL-USUL MENTERI KEWANGAN: | |
| Akta Pendanaan Kerajaan 1983 | (Halaman 34) |
| Akta Kastam 1967 | (Halaman 38) |
| Akta Barang dan Perkhidmatan 2014 | (Halaman 41) |
| RANG UNDANG-UNDANG: | |
| Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018 | (Halaman 48) |

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin bin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, S.M.W., P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - UMNO
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N., S.S.A.P. [Kuala Krau] - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Orang Kaya Indera Shah Bandar, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.K., S.P.M.K., S.P.M.S., D.M.K., S.P.S.A., S.P.N.S., D.U.P.N., D.U.N.M, D.P. (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K., S.P.S.N., S.P.D.K., D.U.N.M., P.N.B.S., D.P.M.K., [Bagan Datuk] - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., S.P.M.P. [Bentong] – MCA
4. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, P.J.N., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., [Segamat] - MIC
5. “ Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong, A.M.P., D.P.M.P., S.M.W [Telok Intan] – GERAKAN
6. “ Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato’ Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T., D.J.M.K., [Padang Rengas] – UMNO
7. “ Menteri Pertahanan, Dato’ Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M., S.P.D.K. [Sembrong] – UMNO
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Sri Mustapa Mohamed, S.J.M.K., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S. [Jeli] – UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K., D.G.S.M., [Kota Marudu] – PBS
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Sri Ahmad Shabery Cheek, S.S.A.P., D.P.M.T. [Kemaman] – UMNO
11. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
12. “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K. [Kimanis] – UMNO
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato’ Seri Jamil Khir bin Baharom, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M., S.S.D.K., D.N.S. [Jerai] – UMNO
14. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, P.S.M., S.S.A.P., S.P.D.K., P.G.D.K., J.P. [Pensiangan] – PBRS

15. Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K., S.P.D.K. [Tuaran] – UPKO
16. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu anak Belaun, P.P.D., P.B.S., P.G.B.K. [Selangau] – PRS
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B., S.S.A.P. [Batang Lupar] – PBB
18. “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S., S.S.A.P., D.G.S.M. [Petrajaya] – PBB
19. “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Sri Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N., S.S.A.P. [Serian] – SUPP
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] – UMNO
21. “ Menteri Pendidikan Tinggi, Dato’ Seri Haji Idris Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] – UMNO
22. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim, S.P.M.P., S.S.A.P., A.M.P [Arau] – UMNO
23. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kuan, P.J.N., K.M.M. – *Senator*
24. “ Menteri Belia dan Sukan, Brig. Jen. Khairy Jamaluddin [Rembau] – UMNO
25. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K., P.G.D.K., S.M.W. [Kota Belud] – UMNO
26. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Hajah Nancy binti Shukri, K.M.N., P.G.B.K., S.S.A.P. [Batang Sadong] – PBB
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M., D.G.S.M. [Ayer Hitam] – MCA
28. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato’ Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] – UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M., P.N.B.S. [Santubong] – PBB
30. “ Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Mahdzir Khalid, S.H.M.S., S.S.D.K., D.P.M.P., J.P., B.K.M. [Padang Terap] – UMNO
31. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak, S.P.D.K. – *Senator*
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said, D.P.M.K., S.P.M.P., D.P.M.S., D.G.M.K., P.G.D.K. [Pengerang] – UMNO
33. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Dato’ Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. [Tanjong Malim] – MCA
34. “ Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari bin Abdul Ghani, P.J.N., D.S.I.S., S.M.W. [Titawangsa] – UMNO
35. “ Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Haji Noh bin Omar, P.S.M, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P., [Tanjong Karang] – UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri M. Saravanan, D.M.S.M., P.M.W., A.M.N. [Tapah] – MIC
2. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin, A.D.K., A.S.D.K., J.P., P.G.D.K. [Papar] – UMNO
3. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Wira Razali bin Ibrahim, D.I.M.P., P.K.C. D.C.S.M. [Muar] – UMNO
4. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
5. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato’ Sri Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D., S.S.A.P. [Mambong] – PBB
6. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. – *Senator*
7. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. [Labis] – MCA
8. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun, D.I.M.P., P.G.D.K. [Beaufort] – UMNO
9. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya, D.G.P.N., D.M.P.N. [Balik Pulau] – UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, P.J.N., P.I.S. D.C.S.M. [Tenggara] – UMNO
11. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi, P.J.N., A.M.N., P.I.S. [Sri Gading] – UMNO
12. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan, D.S.S.A., D.S.P.N. – *Senator*
13. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO
14. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri, K.M.N., P.P.N., P.J.N. [Ledang] – UMNO
15. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan, K.M.N., P.J.K., P.M.W. [Hulu Selangor] – MIC
16. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Seri Jailani bin Johari, D.S.M.Z., D.I.M.P. S.S.A.P [Hulu Terengganu] – UMNO
17. “ Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., J.P. [Tawau] – PBS
18. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P., D.S.A.P., S.S.A.P. [Maran] – UMNO
19. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] – PBB
20. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, D.M.S.M., D.C.S.M. [Tangga Batu] – UMNO
21. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Seri Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., J.P., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., S.S.A.P. [Kubang Pasu] – UMNO

22. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Wira Hajjah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M. D.C.S.M. [Masjid Tanah] – UMNO
23. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, P.G.D.K. [Pulai] – UMNO
24. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Asyraf Wajdi bin Dato’ Dusuki, D.I.M.P. – *Senator*
25. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Chong Sin Woon, D.P.S.M. – *Senator*
26. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Sri Reezal Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N., K.M.N. [Machang] – UMNO
28. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Masir Kujat, P.P.B., D.I.M.P., J.M.N. [Sri Aman] - PRS
29. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Nogeh anak Gumbek, D.I.M.P. [Mas Gading] – SPDP
30. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Devamany a/l S. Krishnasamy, S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., P.P.T. – *Senator*
31. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wira Othman bin Aziz, D.S.D.K., B.K.M., A.S.K., D.G.M.K. [Jerlun] – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato’ Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] – PBB
33. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur, P.G.D.K. [Silam] – UMNO

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang, P.J.N. [Kanowit] - PRS
2. “ Dato’ Abd. Aziz Sheikh Fadzir, D.S.M.S. [Kulim-Bandar Baharu] - UMNO
3. “ Datuk Dr. Haji Abd. Latiff Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] – UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K., S.J.M.K., S.S.A.P, D.H.M.S, D.C.S.M., P.J. [Baling] – UMNO
5. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh, P.G.D.K., J.P., S.P.D.K. [Kalabakan] – UMNO
6. “ [Kosong] [Paya Besar] – UMNO
7. “ Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
8. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] – UMNO
9. “ Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah, J.B.K., P.G.B.K [Igan] – PBB
10. “ Dato’ Ahmad Fauzi Zahari, D.P.T.J. [Setiawangsa] - UMNO
11. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., S.S.A.P. [Jasin] – UMNO
12. “ Dato’ Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, S.P.M.P., D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. [Tambun] – UMNO
13. “ Datuk Haji Ahmad Lai bin Bujang, J.B.K., P.B.S., A.B.S. P.J.N. [Sibuti] – PBB

14. Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris, D.I.M.P., [Jerantut] – UMNO
15. “ Datuk Amar Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S., D.A., P.N.B.S. [Betong] – PBB
16. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Ketereh] – UMNO
17. “ Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] – UMNO
18. “ Tuan Anyi Ngau [Baram] – SPDP
19. “ Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar] - UMNO
20. “ Dato' Sri Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., S.S.A.P. [Kinabatangan] – UMNO
21. “ Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh, A.M.N., P.S.K. P.J.N [Setiu] – UMNO
22. “ Datuk Dr. Ewon Ebin, P.G.D.K., J.M.N. [Ranau] – UPKO
23. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah, J.S.M. [Limbang] - PBB
24. “ Dato' Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
25. “ Dato' Sri Hasan bin Arifin, D.S.A.P., S.S.A.P. [Rompin] – UMNO
26. “ Dato' Sri Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., D.S.A.P., S.S.A.P., S.U.N.S., S.S.N.S. [Kuala Pilah] – UMNO
27. “ Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P, S.S.A.P. [Tanah Merah] - UMNO
28. “ Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim, S.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N., K.M.N., B.C.M., P.B.B., P.J.P., J.P. P.J.N. [Kuala Selangor] – UMNO
29. “ Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok] – UMNO
30. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.M.N., J.P., S.P.D.K., S.S.A.P., P.N.B.S., P.G.D.K. [Keningau] – PBS
31. “ Datuk Joseph Salang anak Gandum, D.S.P.N., A.M.N., P.G.B.K. [Julau] – PRS
32. “ Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar] – UMNO
33. “ Datuk Juslie bin Haji Ajirol, P.G.D.K., A.S.D.K. [Libaran] - UMNO
34. “ Datuk Koh Nai Kwong, D.M.S.M., D.S.M., B.C.M., P.J.K. [Alor Gajah] – MCA
35. “ Datuk Khoo Soo Seang, P.J.N [Tebrau] - MCA
36. “ Datuk Liang Teck Meng, P.J.N. [Simpang Renggam] - GERAKAN
37. “ Datuk Linda Tsen Thau Lin, J.M.N. [Batu Sapi] – PBS
38. “ Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik] -UMNO
39. “ Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. P.J.N. [Putatan] – UPKO
40. “ Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar] – UMNO
41. “ Datuk Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] – UMNO
42. “ Tan Sri Mohd. Isa bin Abdul Samad, S.U.M.W., S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C. [Jempol] – UMNO
43. “ Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. [Parit] – UMNO

44. Yang Berhormat Tan Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S., J.B.K. P.S.M [Mukah] – PBB
45. “ Dato’ Ir. Nawawi bin Ahmad, D.S.D.K., A.M.K., B.K.M. [Langkawi] – UMNO
46. “ Dato’ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali, D.P.M.P. [Bagan Serai] – UMNO
47. “ Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid, D.P.S.M. [Kota Tinggi] - UMNO
48. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman, P.J.N. [Tanjong Manis] - PBB
49. “ Dato’ Dr. Noraini binti Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] – UMNO
50. “ Dato’ Hajah Normala binti Abdul Samad, A.M.N., D.I.M.P. [Pasir Gudang] – UMNO
51. “ Dato’ Wira Othman bin Abdul, D.G.M.K., D.S.S.A., S.D.K., A.M.K. [Pendang] – UMNO
52. “ Datuk Seri Palanivel a/l K. Govindasamy, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K., S.M.W. [Cameron Highlands] – MIC
53. “ Datuk Raime Unggi, P.G.D.K. [Tenom] - UMNO
54. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] - UMNO
55. “ Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] - PBB
56. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Sipitang] – UMNO
57. “ Datuk Haji Shabudin bin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] – UMNO
58. “ Ir. Shahrudin bin Ismail, P.M.P., P.J.K. [Kangar] - UMNO
59. “ Tan Sri Shahrir bin Abdul Samad, P.S.M., S.U.M.W. [Johor Bahru] - UMNO
60. “ Dato’ Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] – UMNO
61. “ Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.G.S.M., D.S.A.P., D.S.N.S., S.P.M.P., A.N.S., J.P. [Tampin] – UMNO
62. “ Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] – UMNO
63. “ Dato’ Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P., P.J.N. [Bintulu] – SPDP
64. “ Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang] - PRS
65. “ Dato’ Sri Wee Jeck Seng, S.S.A.P., D.M.S.M. [Tanjong Piai] - MCA
66. “ Datuk William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S., P.J.N. [Lubok Antu] – PRS
67. “ Tan Sri William Mawan Ikom, P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S., P.P.D. [Saratok] – SPDP
68. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] - UMNO
69. “ [Kosong] [Jelebu] – UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Dato’ Abdullah Sani bin Abdul Hamid, D.S.P.N. [Kuala Langat]
2. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]
3. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]
4. “ Dato’ Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. [Indera Mahkota]
5. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]

6. Yang Berhormat Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]
7. “ Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]
8. “ Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]
9. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani]
10. “ Dato’ Haji Kamarudin bin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Tumpat]
11. “ Dato’ Kamarul Baharin bin Abbas, D.S.S.A. [Telok Kemang]
12. “ Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]
13. “ Dato’ Mansor bin Othman, D.M.P.N. [Nibong Tebal]
14. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]
15. “ Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, P.A.T., P.C.M., S.M.S., A.C.M., A.M.S., K.M.N., K.A.T., P.P.A., P.P.P. [Lumut]
16. “ Dato’ Seri Mohamed Azmin bin Ali, S.P.M.S, D.S.M.S. [Gombak]
17. “ Datuk Mohd Idris bin Jusi, A.M.N., A.M.S., D.S.M., D.M.S.M. [Batu Pahat]
18. “ Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]
19. “ Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]
20. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]
21. “ Tuan R. Sivarasa [Subang]
22. “ Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]
23. “ Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
24. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong, D.M.P.M. [Wangsa Maju]
25. “ Dato’ Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, D.P.P.N. [Permatang Pauh]
26. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
27. “ Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]
28. “ Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]
2. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]
3. “ Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]
4. “ Tuan Er Teck Hwa [Bakri]
5. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]
6. “ Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]
7. “ Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]
8. “ Dr. Ko Chung Sen [Kampar]
9. “ Tuan Liew Chin Tong [Kluang]
10. “ Tuan Lim Guan Eng [Bagan]
11. “ Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]
12. “ Tuan Lim Lip Eng [Segambut]
13. “ Tuan Loke Siew Fook [Seremban]

14. Yang Berhormat Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]
15. “ Dato’ Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz, D.I.M.P. [Raub]
16. “ Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]
17. “ Tuan Nga Kor Ming [Taiping]
18. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas]
19. “ Dr. Ong Kian Ming [Serdang]
20. “ Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]
21. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
22. “ Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]
23. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
24. “ Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]
25. “ Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]
26. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]
27. “ Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]
28. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras]
29. “ Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
30. “ Tuan Teo Kok Seong [Rasah]
31. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai]
32. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]
33. “ Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]
34. “ Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]
35. “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]
36. “ Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato’ Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, S.S.M.T. [Marang]
2. “ Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]
3. “ Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]
5. “ Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]
6. “ Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]
7. “ Dato’ Haji Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena]
8. “ Dato’ Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P., D.I.M.P. [Kuala Nerus]
9. “ Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh]
10. “ Dato’ Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad, D.J.M.K [Pasir Puteh]
11. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]
12. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]
13. “ Dato’ Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
14. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli, P.J.C., J.P. [Dungun]

AHLI-AHLI (AMANAH)

1. Yang Berhormat Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]
2. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]
3. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]
4. “ Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]
5. “ Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah, D.P.M.T [Kuala Terengganu]
6. “ Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]

PSM

1. Yang Berhormat Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]

AHLI-AHLI (BEBAS)

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, P.S.M., D.P.M.S., D.S.A.P., S.P.M.S. [Bandar Tun Razak]
2. “ Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]

PARTI PRIBUMI BERSATU MALAYSIA (PPBM)

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I., S.H.M.S., S.P.S.A., S.P.M.P., S.U.N.S., S.P.D.K., D.P., P.N.B.S. [Pagoh]

WARISAN

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P., S.P.M.P., S.P.D.K., P.G.D.K. [Semporna]
2. “ Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen
Datuk Awang Alik bin Jeman

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Amisyahrizan bin Amir Khan

**PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Halijah binti Mat Sin @ Mt Zain
Rosna binti Bujairomi
Alzian binti Baharudin

Siti Norlina binti Ahmad
Noraidah binti Manaf
Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Tengku Sofia Dora binti Tengku Mohamad
Nor Effazimmah binti Maliki
Nur Annisa binti Hamid
Sharifah Nazurah binti Wan Sahdi
Herdawati binti Mohd Amir Abbu
Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim
Nor Sakinah binti Samat
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Ismalinda binti Ismail
Hazliana binti Yahaya
Amir Arshad bin Ab Samad
Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed
Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman
Hizamihatim Maggisa bin Juara
Muhammad Firdaus binti Ahmad

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEENAM
MESYUARAT PERTAMA

Khamis, 29 Mac 2018

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Abd Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]** minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan apakah kadar kebolehpasaran graduan merujuk kepada dapatan hasil kajian Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) yang terkini dan langkah-langkah kementerian dalam memastikan graduan keluaran institusi pengajian tinggi awam (IPTA) memenuhi kehendak pasaran semasa.

Menteri Pendidikan Tinggi [Dato' Seri Haji Idris Jusoh]: *Assalamualaikum*, salam 1negaraku Malaysia Tuan Yang di-Pertua. Mengikut Kajian Pengesanan Graduan yang telah dilakukan, kita lihat ada peningkatan sebanyak 4.1 peratus kebolehpasaran graduan iaitu kebolehpasaran graduan pada tahun ini ialah 79.1 peratus. Saya katakan tadi, peningkatan sebanyak 4.1 peratus jika dibandingkan pada tahun 2013. Ini untuk universiti keseluruhannya tetapi untuk politeknik ialah 94.5 peratus.

Ini adalah hasil daripada langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh kementerian. Antaranya ialah memperkenalkan satu sistem penilaian pelajar yang dipanggil iCGPA ataupun *integrated CGPA* di mana pelajar-pelajar dinilai bukan sahaja daripada aspek akademik semata-mata tetapi juga pelajar-pelajar dinilai daripada aspek teknikal mereka, kemampuan pelajar-pelajar untuk menyelesaikan masalah, kemahiran berkomunikasi mereka, kemahiran pengurusan maklumat mereka di samping kemahiran pengurusan biasa dan nilai-nilai keusahawanan pelajar. Dengan ada satu sistem penilaian yang holistik, yang berciri keusahawanan dan juga seimbang ini, pelajar-pelajar boleh menjadi pelajar-pelajar yang lebih menyeluruh dan lebih mengetahui keperluan pasaran semasa.

Juga untuk memastikan pelajar-pelajar faham keperluan industri, beberapa program telah dilaksanakan antaranya ialah program 2u2i iaitu mana-mana pelajar berada dua tahun di universiti dan dua tahun di industri. Program *CEO@Faculty* juga dilaksanakan yang melibatkan 72 orang CEO daripada syarikat-syarikat MNC serta juga syarikat dalam negara, syarikat-syarikat seperti Intel, Samsung, Huawei, dalam negara seperti CIMB, AirAsia, Khazanah, Maybank yang bukan hanya mendampingi dan memberi syarahan kepada pelajar-pelajar tetapi juga mendampingi mereka, di samping mendampingi pensyarah-pensyarah dan juga pihak pengurusan universiti untuk memastikan kurikulum-kurikulum yang wujud di universiti masih relevan dan mereka bentuk semula kurikulum di mana yang perlu.

Di samping itu juga kita lihat, wujud juga *teaching factory* iaitu *factory* di dalam kelas di mana pelajar-pelajar boleh mengetahui apakah sebenarnya yang berlaku di samping program-program Gap Year, program-program keusahawanan, e-portfolio dan juga konsep industri dan akademia adalah satu untuk memastikan pelajar-pelajar kita meningkatkan kebolehpasaran mereka.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya ialah, banyak tokoh ekonomi dunia mengunjurkan bahawa 65 peratus kanak-kanak yang sekolah pada hari ini akan bekerja dalam bentuk dan fungsi pekerjaan baru.

Kedua, juga menyatakan bahawa profesion seperti peguam, doktor, akauntan ini akan mengalami kekurangan apabila penggunaan teknologi digital ini pada masa hadapan. Jadi apakah IPTA dan IPTS ini bersedia untuk menyediakan kurikulum baru ini dalam menyediakan pekerjaan pada masa depan? Terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Memang benar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu di mana Revolusi Industri 4.0 ini akan mengubah sistem pendidikan di universiti. Ada empat penekanan yang diberikan. Pertamanya ialah ruang belajar di mana ruang belajar tidak seperti cara dahulu di mana pensyarah duduk di hadapan, pelajar di belakang, di hadapan mereka sekelompok. Ruang belajar perlu berubah di samping keduanya ialah kaedah pembelajaran dan juga pengajaran perlu berubah.

■1010

Kita menggunakan konsep pengajaran berbentuk saya katakan pernah saya katakan di Dewan ini *heutagogy*, *peragogy* dan *cybergogy*. Kaedah *heutagogy* di mana merupakan *self-directed learning* di mana pelajar-pelajar mempunyai ruang untuk membentuk apa yang mereka hendak belajar, *peragogy* di mana mereka belajar di antara mereka dan *cybergogy* dengan menggunakan teknologi *online*.

Ketiganya ialah teknologi. Teknologi kita lihat pelajar-pelajar didedahkan dengan pengajaran *virtual reality*, *artificial intelligence*, *robotics*, *big data*, *cloud technology* dan *internet of things*. Keempatnya, kurikulum juga perlu anjal dan sekarang ini kita telah mengadaptasikan di mana 30 peratus daripada kurikulum yang dibentangkan kepada MQA itu boleh menjadikan kurikulum yang anjal agar ia selaras dengan keperluan-keperluan industri semasa.

Kaedah-kaedah baru juga dikenalkan seperti penilaian tanpa peperiksaan ataupun *evaluation without examination* Yang Berhormat dan juga belajar tanpa bilik kuliah, *teaching without classroom* di mana kaedah-kaedah baru seperti *case study*, kajian tempatan, dasar inkuiri, dasar menyelesaikan masalah, *task-based learning* dan juga gamifikasi digunakan di kelas-kelas. Saya katakan iCGPA juga membantu Revolusi Industri 4.0 dan kementerian telah akan mengeluarkan dan akan melancarkan *insya-Allah* dalam masa dua minggu ini iaitu Buku Panduan Pendidikan Tinggi 4.0 dan juga sekarang ini 600 orang pendidik 4.0 sedang diberikan pendedahan dengan teknologi-teknologi dan cara pendidikan yang baru.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah perbezaan di antara sistem kita dengan sistem misalnya di negara Jerman dan apakah kelemahan yang masih wujud di sistem kita?

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Yang Berhormat Kepong, sebenarnya di Jerman yang sentiasa kita cakap ialah sistem *Fachschule* mereka. Pendedahan pelajar-pelajar kepada industri, kerjasama dengan industri itu begitu baik sekali. Ini sudah menjadi budaya di Jerman sebenarnya dan kita sedang menggunakan pendekatan tersebut. Sebab itu sekarang kita menggunakan kaedah saya katakan bahawa akademia dan industri adalah satu.

Tidak ada lagi tembok pemisahan di antara akademia dan industri. Sebab itulah kita mulakan dengan program-program saya katakan tadi 2u2i. Kalau kita lihat program-program *Fachschule* yang lapan semester di universiti, mereka berada di industri pada semester lima dan lapan. Bermakna dua semester dalam lapan semester. Akan tetapi dalam program kita, 2u2i kita boleh empat semester di universiti, empat semester di industri. Maknanya lebih dua semester di industri jika dilaksanakan sepenuhnya.

Bermakna keseluruhannya kita lihat bahawa kita belajar daripada mereka untuk memastikan cara mana, kita pergi lebih daripada itu lagi kerana *CEO@Faculty Programme* tidak ada di *Germany*, yang kita ada. Program iCGPA tidak ada di *Germany*, kita ada. Ini mengatakan kita belajar daripada mereka dan kita menambah baik program-program yang ada pada mereka untuk memastikan pelajar-pelajar kita, saya katakan tadi pelajar kita lebih menyeluruh, holistik, dan berciri-ciri keusahawanan.

Sebab itu kita tidak menilai hanya pencapaian akademik semata-mata. Kita menilai apabila kita melaksanakan iCGPA, kita menilai kemampuan keusahawanan seseorang pelajar, setiap pelajar. Kita menilai kemahiran mereka, kemahiran praktikal mereka, kita menilai kemampuan mereka untuk berkomunikasi. Ia akan jelas diterapkan di dalam portfolio mereka.

Jadi apabila pelajar kita menunjukkan portfolio mereka ataupun CV mereka, jelas menggambarkan kemampuan-kemampuan mereka yang lebih lengkap jika dibandingkan. Kita belajar daripada mereka, kita belajar daripada Amerika, Eropah tetapi kita menambah baik apa yang ada di sana dan saya jangka, program mereka bentuk semula ataupun *redesigning higher education* ini memang amat terserlah di negara kita.

2. Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan, sejauh manakah pihak kementerian melihat dan menilai pengalaman konsep kecekapan tenaga mampu diaplikasikan secara meluas di bangunan di sektor awam dan swasta serta kawasan tumpuan ramai seperti pusat membeli belah misalnya serta apakah inisiatif yang boleh dilaksanakan pihak kementerian bagi terus mempromosikan amalan kecekapan tenaga di negara ini.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan kepada Yang Berhormat Parit Sulong. Ini Yang Berhormat Kepong selalu katakan parit yang sulung, barangkali anak yang sulung juga.

Usaha kerajaan dalam melaksanakan inisiatif kecekapan tenaga di bangunan-bangunan merupakan satu usaha yang berterusan. Pada peringkat awal pelaksanaan inisiatif ini, program demonstrasi model bangunan cekap tenaga dilaksanakan melalui pembinaan bangunan *low energy office*, dengan izin, LEO, *green energy office* (GEO) dan *diamond building*. Bangunan-bangunan ini dibina berlandaskan standard MS1525: *Code of Practice on Energy Efficiency and Use of Renewable Energy for Non-Residential Buildings* iaitu MS1525. Melalui program ini, kesedaran berhubung kebolehlaksanaan MS1525 bagi mencapai kecekapan tenaga bangunan dipupuk di kalangan pembina bangunan, golongan profesional, golongan akademik serta orang awam.

Selain itu, pelaksanaan kontrak prestasi tenaga, *energy performance contract* (EPC) bagi meningkatkan tahap kecekapan tenaga bangunan-bangunan dalam sektor awam. Program EPC merupakan satu kaedah yang membenarkan bangunan-bangunan kerajaan mendapat perkhidmatan *energy service company* ataupun ESCO yang bertauliah untuk melaksanakan program kecekapan tenaga dan usaha ini akan mewujudkan industri ESCO yang berdaya saing di Malaysia serta mampu memberi perkhidmatan yang berkualiti dalam meningkatkan kecekapan tenaga bangunan.

Sebagai kesinambungan untuk memastikan pelaksanaan EPC yang berkesan, KeTTHA telah melancarkan dana kontrak prestasi tenaga *energy performance contracting* (EPC), dengan izin pada tahun 2017 bagi membantu syarikat perkhidmatan tenaga (ESCO) untuk mendapatkan pembiayaan bagi melaksanakan projek kecekapan tenaga ini.

Melalui konsep kepimpinan melalui teladan, bagi amalan kecekapan tenaga di bangunan-bangunan kerajaan ataupun program *Government Lead by Example* (GLBE), dengan izin, kementerian melaksanakan pemantauan bangunan tenaga elektrik bagi semua kementerian dalam Jabatan Perdana Menteri merangkumi 54 blok bangunan di Putrajaya dan Kuala Lumpur yang mana sasaran pengurangan tenaga elektrik sebanyak lima peratus telah ditetapkan sebagai salah satu Petunjuk Prestasi Utama yang perlu dicapai.

Pada tahun 2017, penjimatan tenaga-tenaga elektrik dicapai oleh bangunan-bangunan yang telah menjadi sasaran adalah sebanyak 17.9 peratus bersamaan dengan 47.72 megawatt ataupun RM17.4 juta berbanding dengan penggunaan elektrik pada 2016.

Saya tambah sedikit Tuan Yang di-Pertua. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas, kerajaan juga telah melaksanakan program audit tenaga dan pengurusan tenaga di industri dan bangunan komersial merangkumi pelbagai jenis pemasangan termasuk kompleks membeli-belah. Tujuan ini adalah untuk memupuk amalan pengurusan tenaga dan menggalakkan pelaksanaan projek-projek kecekapan tenaga di pemasangan industri dan komersial pemberian geran audit tenaga kepada industri dan komersil memerlukan komitmen pemilik pemasangan untuk melaksanakan langkah-langkah kecekapan tenaga daripada laporan audit tenaga yang telah dilaksanakan.

■1020

Sehingga tahun 2017, sebanyak 155 pemasangan komersial dan industri telah menerima geran audit tenaga bersyarat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, susulan daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, apakah langkah-langkah yang dirangka dan dilaksanakan dalam menggalakkan negeri-negeri juga mengamalkan dan mempromosikan penggunaan kecekapan tenaga ini? Apakah Kementerian ada memperuntukkan insentif bagi menggalakkan negeri-negeri ini mempromosi amalan yang dinyatakan ini? Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Yang Berhormat Parit Sulong, susulan daripada pelaksanaan seperti mana yang telah saya sentuh tadi, maka satu usaha baru adalah untuk memperluaskan lagi jaringan dari segi bangunan-bangunan yang kita akan masukkan sebagai tumpuan untuk- satu, membuat *energy audit* dan kedua, untuk peringkat negeri memulakan program-program sendiri.

Untuk tujuan ini, Kementerian telah memperuntukkan RM28 juta kepada semua 14 negeri melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri untuk melaksanakan *retrofitting* dan juga apa-apa yang perlu di peringkat pejabat-pejabat SUK.

Pada saat ini, masih dalam proses pelaksanaan dan kita akan pantau, kita akan tetapkan misalnya sasaran penurunan dari segi pencapaian tenaga. Sekali gus, pengurangan dari segi peruntukan yang digunakan untuk pembiayaan bil-bil elektrik. Jadi, sebagai permulaan RM28 juta di peringkat untuk semua 14 negeri yang telah dikenal pasti dan telah setuju untuk mengambil bahagian di dalam program ini.

Seterusnya, seperti mana saya adakan sentuh tadi juga, tenaga audit dan pengurusan tenaga akan terus diperluaskan lagi. Oleh kerana di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas kita telah memberi sasaran sejumlah untuk sasaran keseluruhannya adalah bagi RMKe-11, industri - 175 dan bagi komersial - 95. Setakat ini yang telah siap adalah 119. Untuk makluman, misalnya kita bekal untuk tujuan audit ini satu industri ataupun satu peserta 90,000 dan untuk komersial 55,000. Setelah selesai audit ini, mereka mesti laksanakan apa yang telah diputuskan oleh pihak audit untuk dilaksanakan. Nampaknya pada saat ini, sambutan itu begitu luas sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kalau kita lihat penggunaan elektrik ini paling banyak di rumah-rumah atau di *office* ialah penggunaan *aircond*. Jadi, apakah usaha yang boleh dilakukan oleh pihak kerajaan untuk mengurangkan penggunaan *aircond* ini? Selalunya digunakan oleh pegawai-pegawai. Kalau pegawai biasa ini mungkin tidak berapa gunakan *aircond*. Jadi, apakah usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan untuk mengurangkan penggunaan *aircond*? Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh kerana minat dengan perkara *energy efficiency* ini dan sememangnya ini sangat penting sekali. Cadangan kita adalah sasarannya bagi lima tahun ini sebenarnya kita boleh kurangkan antara tujuh *percent* sampai 15 *percent* daripada penggunaan tenaga jika kita boleh melaksanakan program-program penjimatan dan *efficiency* ini. *This is what we called*, dengan izin, *the unseen wealth actually*.

Kita boleh kurangkan penjanaan kerana tindakan dan bukan sahaja itu, kita boleh mengurangkan *carbon footprint* dan sekali gus mencapai *Paris Agreement*. Daripada pengalaman kita di Putrajaya yang telah kita laksanakan di situ, di mana kita mencapai kira-kira seperti mana saya katakan tadi 15 *percent* pengurangan. Antaranya *retrofitting* lampu-lampu, kedua ialah memang perihal menentukan dengan termostat yang ada supaya arus *aircond* itu pada peringkat 24 *degrees centigrade*.

Memang ini adalah pelaksanaan, menggunakan masa sedikit kerana perubahan dalaman dalam *building* dalam bangunan tersebut mengambil masa yang banyak. Selain daripada itu, ialah *habits*. So, bukan sahaja teknikal tetapi *lifestyle officers*, pegawai untuk kasi off lampu pada masa *lunch time*. Minimum lampu untuk pada masa tidak diperlukan dan seterusnya.

Semua ini dari segi pengalaman di Putrajaya itu, di mana saya katakan tadi begitu ketara pencapaiannya dan *savings* yang begitu banyak sekali. Antara kementerian kalau saya hendak sebut yang telah menjadi *superstar* dari segi tahun lalu, penurunan bil Kementerian Wilayah Persekutuan, Kementerian Pengajian Tinggi, KPKT dan yang lain.

Kita akan *monitor* pelaksanaan di peringkat negeri seperti mana saya katakan tadi. Barangkali Yang Berhormat masih berminat, maklumat-maklumat terperinci kita boleh juga bekalkan. Terima kasih.

3. Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik] minta Menteri Pendidikan menyatakan, berapakah jumlah sekolah-sekolah daif yang telah atau sedang menjalankan aktiviti naik taraf sejak Bajet 2018 diluluskan dan apakah kriteria-kriteria 'kedaifan' sesebuah sekolah untuk dipercepatkan proses pelaksanaan naik taraf supaya sesi pembelajaran dapat dijalankan dengan selesa.

Menteri Pendidikan [Dato' Seri Mahdzir Khalid]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Sik yang bertanya soalan berkaitan dengan sekolah daif. Kementerian Pendidikan mengucapkan penghargaan, terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Oleh kerana dalam Bajet 2018 yang dibaca pada tahun lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bajet RM2.5 bilion untuk sekolah-sekolah daif di seluruh negara. RM1 bilion untuk Sarawak, RM1 bilion untuk Sabah dan RM500 juta untuk Semenanjung Malaysia.

Pada waktu ini, di keseluruhan ketiga-tiga wilayah ini kita telah mempunyai 394 projek yang sedang dilaksanakan di sekolah-sekolah daif di seluruh negara. Sebanyak 158 projek di Semenanjung Malaysia, 117 projek di negeri Sabah, 116 projek di negeri Sarawak dan 158 projek di Semenanjung. Dilaksanakan sepenuhnya oleh pihak JKR, manakala di Sabah dan Sarawak dibahagikan kepada Kementerian Pendidikan dan juga JKR negeri Sabah dan JKR negeri Sarawak.

Sudah diberi surat setuju terima pada bulan Februari. Sekarang ini kerja-kerja pelaksanaan sekolah-sekolah daif kepada yang saya sebut tadi sedang dibina melalui kaedah *industrial building system* (IBS). Sekolah daif yang dipilih pembangunan semula, adalah sekolah yang fizikalnya tidak sempurna, tidak berfungsi, tidak selamat dan boleh mendatangkan ancaman dan bahaya. Sekolah-sekolah yang daif dipilih ini berdasarkan daripada cadangan dan *recommendation* daripada Jabatan Pendidikan Negeri dan juga pegawai-pegawai pejabat pendidikan daerah yang dihantar pada PPD dan kemudian dihantar ke bahagian pembangunan.

■1040

Pada waktu ini, keseluruhan fasa 1 di Sabah, di Sarawak dan di Semenanjung sedang dilaksanakan dan *insya-Allah*, kita akan jalankan fasa 1B, Tuan Yang di-Pertua dan kemudiannya bakinya akan dilaksanakan pada tahun hadapan. Terima kasih.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya ialah berapakah keseluruhan sekolah daif di seluruh negara yang telah dikenal pasti berdasarkan kriteria kedaifan sekolah tersebut tanpa menafikan hak murid-murid untuk meneruskan sesi pengajaran dan pembelajaran (PDP) dalam keadaan selesa dan apakah kelebihan penggunaan sistem binaan berindustri (IBS) dalam melaksanakan penambahan sekolah-sekolah daif tersebut? Terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Terima kasih atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat Sik. Untuk seluruh negara, kita sekarang ini mempunyai 10,200 buah sekolah keseluruhannya.

Bagi negeri Sabah dan negeri Sarawak pula, untuk negeri Sabah kita mempunyai sekolah daif yang dikategorikan memang daiflah sebanyak 179 buah sekolah dan bagi negeri Sarawak secara keseluruhannya mereka mempunyai sekolah daif sebanyak 415 buah sekolah. Ini kategori yang dipanggil paling daiflah dan harus dibuka bangunan ini dan diganti dengan bangunan yang baru. Diganti dengan bangunan baru maksud saya dibuat bilik darjah sama ada enam bilik darjah, lapan bilik darjah, makmal sains, bilik guru, IBS untuk rumah guru dan juga untuk asrama. Ini yang sedang kita laksanakanlah.

Bagi negeri-negeri di Semenanjung secara keseluruhannya, Yang Berhormat, saya dapati angka itu tidak ada pada saya pada waktu ini tetapi saya boleh bagi kemudianlah. Ini menunjukkan bahawa di tiap-tiap negeri di Semenanjung pun ada sekolah-sekolah daif.

Saya ambil contoh. Macam sekarang ini dalam pembinaan sekolah daif ini ataupun menggantikan bangunan lama dengan IBS ini di negeri Kelantan, ada kita ganti sekarang ini 34 buah, di negeri Kedah sebanyak 34 buah; di Selangor kita ganti 16 buah; di Johor sebanyak 17 buah; di Terengganu sebanyak 15 buah; di Negeri Sembilan ada 12 buah; di Melaka ada 10 buah; dan di Perak ada lapan buah; dan di Pahang ada tujuh buah. Jadi, maknanya di tiap-tiap negeri itu ada sekolah-sekolah daif tetapi keseluruhan saya tidak dapat.

Yang Berhormat tanya mengenai dengan IBS. IBS ini lebih murah daripada konvensional. Terima kasih.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Yang Berhormat Menteri, mohon soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Rantau Panjang.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, begitu tersentuh hati apabila lebih daripada 60 tahun negara kita merdeka, masih banyak sekolah daif. Jadi saya ingin tahu daripada jumlah keseluruhan sekolah daif yang telah disebut oleh Menteri, agak-agak berapa kos yang diperlukan untuk kita menyelesaikan semua sekolah daif sama ada di Semenanjung, Sabah dan Sarawak? Terima kasih.

Dato' Seri Mahdzir Khalid: Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Sekolah daif ini bila kita bina, dia lebih kurang purata satu sekolah itu dalam RM3 juta untuk enam bilik darjah. Akan tetapi kalau kita tambah rumah guru, kita tambah makmal sains ataupun kita tambah asrama, dia akan jadi lebihlah. Akan tetapi puratanya lebih kurang RM3 juta untuk enam bilik darjah itu lah. Enam atau tujuh bilik darjah, RM3 juta.

Jadi kalau hendak ambil kira, Yang Berhormat, kita buat secara berfasa-fasa. Misalnya sekarang ini untuk tahun ini sahaja, Yang Berhormat, saya sebut tadi 394 buah sekolah yang sedang dilaksanakan sistem IBS. Maknanya 394 buah sekolah ini kalau ambil *roughly* lah dalam RM3 juta hingga ke RM4 juta, maknanya kos dia agak tinggi juga sebab jumlahnya banyak.

Akan tetapi kalau kita pergi kepada konvensional, secara lama kita hendak buat, tentulah dia lebih mahal. Jadi sebab itu kerajaan alih daripada konvensional itu kepada sistem IBS yang berdasarkan kepada kajian yang dibuat oleh JKR menunjukkan bahawa dia lebih murah. Cumanya untuk di negeri Sarawak misalnya, kos dia meningkat sebab bila bahan itu terpaksa dibawa daripada kawasan bandar misalnya hendak bawa ke Kapit, kena ambil di Sibu dan menggunakan bot, pengangkutan air sungai hendak bawa ke Kapit, ini sudah tentu kos dia itu akan bertambah. Begitu juga di kawasan-kawasan jauh daripada Kapit lah yang lebih dalam daripada Kapit. Maknanya kos itu akan bertambah.

Jadi yang ini kita akan buat macam tadi saya sebut RM2.5 bilion diluluskan dalam bajet. Jadi untuk tahun 2018, kita akan habiskan, akan laksanakan program sebanyak RM1.25 bilion dan bakinya pada tahun 2019. *Insyah-Allah*, kerajaan akan teruskan program pembaikan sekolah-sekolah pada masa-masa yang akan datang, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi untuk Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini selesai.

[Waktu pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Raime bin Unggi [Tenom]** minta Perdana Menteri menyatakan, langkah-langkah strategik kerajaan berikutan Kerajaan Arab Saudi telah memperkenalkan Cukai Nilai Tambah (VAT) sebanyak lima peratus bermula tahun ini, dan bagaimana pula usaha menangani kos keseluruhan subsidi haji yang perlu ditanggung Tabung Haji yang dijangka meningkat kepada RM400 juta.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pelaksanaan lima peratus cukai nilai tambah (VAT) atau dalam istilah kita GST oleh Kerajaan Arab Saudi yang menjadikan Arab Saudi ini negara yang ke-161 daripada 193 buah negara mula melaksanakan GST ataupun VAT bermula tahun ini sebenarnya tidak memberi impak secara langsung kepada jemaah haji Malaysia ataupun jemaah haji *muassasah* kerana bayaran haji tetap kekal pada kadar RM9,980 bagi mereka yang pertama kali menunaikan haji. Kos haji bagi musim tahun 2018 Masihi atau 1439 Hijrah untuk jemaah haji *muassasah* secara keseluruhannya telah meningkat kepada RM22,450. Tahun lepas kalau kita ingat lagi, kos haji adalah berjumlah RM19,550.

Kesan percukaian VAT ini telah diambil kira dalam kos haji tersebut. Pengiraan VAT tersebut dianggarkan sebanyak RM733 bagi setiap seorang jemaah haji merangkumi kos penginapan, sajian makanan dan perkhidmatan di Arab Saudi menjadikan jumlah subsidi yang ditanggung oleh Tabung Haji pada tahun ini meningkat daripada RM300 juta kepada RM500 juta. Sekian, terima kasih.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan tadi.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Akibat daripada pertambahan kos yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi daripada RM300 juta ke RM400 juta, adakah pihak kerajaan bercadang untuk mengurangkan jumlah bakal jemaah haji sebagai langkah untuk mengimbangi kenaikan kos ini? Juga, saya ingin mendapat reaksi daripada pihak kerajaan, apakah konsep haji pintar ataupun *smart haj* yang bakal diperkenalkan oleh Kerajaan Arab Saudi iaitu proses urusan imigresen dalam tempoh yang amat singkat serta perluasan kerjasama Malaysia dan juga Arab Saudi bagi sistem bukti konsep (POC)? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1040

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Yang Berhormat Tenom. Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita tidak pernah merasakan bahawa kenaikan kos ini sebagai satu halangan untuk kita terus memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada jemaah haji kita. Bahkan sebenarnya kuota rasmi yang diumumkan oleh Kerajaan Arab Saudi bermula tahun lepas dan tahun ini berterusan iaitu 30,200. Itu sendiri pun tidak cukup untuk menampung jumlah rakyat Malaysia yang hari ini semakin lama semakin bertambah untuk mendaftar haji.

Untuk pengetahuan, keseluruhan pendaftaran haji sehingga 28 Februari 2018, sudah mencecah 2,915,406 orang. Untuk bulan Februari sahaja, pendaftaran haji baru adalah berjumlah 39,042 orang. Manakala jumlah pendaftaran haji untuk tahun semasa 2018, maknanya untuk tempoh dua bulan ini sahaja sudah mencecah 78,951 orang yang menjadikan tempoh menunggu giliran haji sudah mencecah 106 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah kerajaan amat prihatin, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri cukup prihatin berkenaan dengan kenaikan kos yang saban tahun meningkat. Oleh sebab itulah walaupun kita terpaksa menghadapi kos yang meningkat kerana kos penginapan kita meningkat, kos sajian makanan juga meningkat hasil daripada pengenalan VAT ini.

Kerajaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengarahkan supaya Tabung Haji tidak menaikkan kos yang ditanggung oleh jemaah haji sebanyak RM9,980 dan menjadikan jumlah subsidi kita meningkat daripada RM300 juta kepada RM400 juta.

Berkenaan dengan sistem Haji Pintar yang diperkenalkan oleh Kerajaan Arab Saudi, Kerajaan Malaysia terutamanya melalui Tabung Haji memang sudah bersiap sedia bekerjasama dengan kementerian haji dan umrah Arab Saudi. Bahkan untuk pengetahuan juga pada 2017, Tabung Haji juga terlibat dalam projek perintis kepada program yang dinamakan sebagai *pre-clearance* di mana pelepasan imigresen dilakukan di KLIA lagi.

Dengan adanya sistem Haji Pintar yang diperkenalkan ini, dijangka tempoh masa yang selalunya berlarutan daripada dua hingga tiga jam bagi jemaah melalui proses imigresen, akan dikurangkan sehingga ke peringkat 10 minit. Kita harap dengan pengenalan ini akan mengurangkan beban jemaah-jemaah haji kita daripada Malaysia dan seluruh dunia. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sejauh mana persiapan dibuat oleh Tabung Haji khususnya iaitu perundingan dengan pihak Muassasah untuk memastikan peristiwa musim haji yang lepas tidak berulang, di mana saya sendiri melihat dengan mata kepala saya khususnya penempatan di khemah di Mina yang terlalu sesak dalam keadaan yang diberikan alasan oleh Tabung Haji pada waktu itu, kerana berlaku pertambahan jemaah yang melonjak begitu tinggi, jemaah daripada Malaysia sedangkan persediaan penempatan khemah di Mina itu disediakan oleh pihak *muassasah* kekal pada kadar yang biasa.

Jadi, bagaimana untuk musim yang akan datang ini persediaan dan perundingan itu untuk memastikan supaya khemah yang disediakan itu mencukupi? Bagi saya mungkinlah rasa masih umur 60 tahun okey lagi tetapi bagi orang yang sudah berumur lebih, kemudian sudah uzur dan sebagainya, tidur dalam keadaan bersesak-sesak, bagi saya sayu hati saya melihat keadaan itu sehingga ada yang ambil jalan, setengah itu tidur di luar daripada khemah. Jadi saya harap peristiwa ini tidak berulang.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih kepada Pengerusi. Pengerusi dia baik hati sebab itu dia tolong saya.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Pokok Sena kerana dapat merasai dan menjivai apa yang berlaku kepada jemaah haji di Malaysia terutama jemaah haji muassasah. Saya sendiri pun berada bersama-sama mereka pada tahun lepas.

Sebenarnya untuk pengetahuan...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tetapi tidur khemah yang bagus, selesa.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Itu tuduhan melulu. Yang Berhormat Pokok Sena kalau seorang yang bertanggungjawab, tidak boleh menuduh begitu. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini adalah dilema yang sering kita hadapi antara hendak memastikan jemaah haji kita dapat kuota tambahan yang boleh mengurangkan tempoh mereka menunggu. Sehingga hari ini saya sebutkan tadi, lebih daripada sembilan juta sudah mendaftar. Pada masa yang sama, semua negara hanya dihadkan kuota rasmi mereka hanya 0.1 peratus daripada jumlah penduduk. Kita hanya mendapat 30,200.

Dilema yang paling besar ialah bukan sangat penginapan dan tempat untuk kita menyediakan perkhidmatan di Makkah dan di Madinah dari segi berhampiran dengan Masjidil Haram, tetapi dilema yang paling besar ialah di Arafah dan juga di Mina. Kerana apa? Ini kerana di Mina itu, sebagaimana Yang Berhormat Pokok Sena tahu dari segi syariah dan juga dari segi syarak, hudud ataupun batasan tempat untuk digariskan sebagai kawasan Mina itu hanya terbatas.

Oleh sebab itulah, khemah-khemah itu sudah pun ditetapkan berapa jumlah berasaskan kadar yang diberikan oleh OIC yang dipersetujui dalam mesyuarat OIC untuk setiap negara-negara mendapat peruntukan kuota daripada Kerajaan Arab Saudi.

Oleh sebab itulah apabila kita mendapat ihsan daripada Kerajaan Arab Saudi terutamanya penambahan kuota, terutama tahun lepas apabila kehadiran Raja Arab Saudi, Raja Salman ke Malaysia kerana kita memberitahu dan memaklumkan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, perkara pertama apabila Raja Salman turun, antara perkara yang disebutkan adalah untuk kita mendapat kuota tambahan. Memang kita mendapat kuota tambahan tetapi isunya ialah khemah di Mina tidak boleh ditambah, khemah di Arafah tidak boleh ditambah kerana hudud dan sempadan Mina itu adalah, itulah hudud dia, itulah sempadannya daripada zaman Nabi SAW sehingga hari ini.

Itu antara isu dan cabaran yang paling utama sekali. Oleh sebab itulah saya selalu sebutkan kepada jemaah-jemaah haji kita bahawa tiga hari ataupun empat hari di Mina itu adalah tempoh yang paling mencabar yang perlu kita sama-sama bersabar demi untuk memastikan semua mendapat tempat untuk datang, untuk melaksanakan ibadah fardu haji itu. Oleh sebab itulah saya rasa ini antara cabaran yang paling utama tetapi di peringkat kerajaan, kita sentiasa berunding dengan pihak Kerajaan Arab Saudi untuk memastikan kita menerima layanan dan perkhidmatan yang baik oleh pihak muassasah. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Terima kasih kepada pihak Tabung Haji yang memberikan subsidi. Saya ingin tahu, subsidi ini daripada duit mana? Duit Tabung Haji atau duit kerajaan? Satu, yang pertama.

Kemudian yang kedua, saya ingin tahu ialah ada juga di sana itu mereka yang pergi haji itu dipihak yang membayar sendiri, pihak swasta. Saya ingin tahu, berapakah kuota mereka tiap-tiap tahun? Berapa ramai bilangan mereka yang membayar sendiri tanpa melalui subsidi daripada pihak kerajaan? Terima kasih.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Pasir Puteh. Sebenarnya seperti Yang Berhormat tahu, Tabung Haji itu adalah milik penuh kerajaan. Kalau Tabung Haji itu membayar subsidi, seperti mana kerajaan membayar subsidilah. Jadi, tidak ada isu.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Maksud tadi itu duit keuntungan Tabung Haji atau apa?

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Yang Berhormat Pokok Sena, saya menjawab Yang Berhormat Pasir Puteh, bukan Yang Berhormat Pokok Sena. Terima kasih. Yang Berhormat Pokok Sena, di hadapan khalayak ini cuba beradab sedikit.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya memang beradab sebab ini duit kepentingan...

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...Pendeposit Tabung Haji. Kita hendak tahu duit itu keuntungan Tabung Haji ataupun duit lain. Itu.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Okey Yang Berhormat Pokok Sena, saya hanya menjawab daripada Yang Berhormat Pasir Puteh. Saya sudah menjawab tadi Yang Berhormat Pokok Sena.

Soalan yang kedua berkenaan dengan yang melalui jemaah haji yang dikatakan sebagai persendirian ataupun melalui PJH. Kita ada 19 syarikat-syarikat yang dilesenkan oleh Tabung Haji untuk menyediakan perkhidmatan kepada jemaah haji yang tidak mahu melalui perkhidmatan Tabung Haji. Mereka ini untuk pengetahuan, mereka tidak akan disubsidikan oleh kerajaan. Akan tetapi untuk mereka mendapat tempat di mana-mana syarikat perkhidmatan, mereka harus melalui proses yang sama.

Maknanya apabila mereka memang berkelayakan untuk mendapat kuota pada tahun sedemikian Tuan Yang di-Pertua, maka mereka boleh memilih sama ada hendak melalui Tabung Haji ataupun mana-mana syarikat yang di bawah pelesenan Tabung Haji tadi dan mereka akan mengikut pakej-pakej yang disediakan.

Maknanya tidak ada yang disebutkan kuota khas kepada PJH sebagaimana andaian-andaian dibuat. Cuma dari segi jumlah, biasanya kalau kita tengok *trend*, dengan izin, daripada beberapa tahun ini lebih kurang 10 peratus ke 15 peratus daripada jumlah keseluruhan 32,200 ini adalah mereka yang melalui pakej.

Dengan kata lain, kesimpulannya mereka boleh memilih perkhidmatan setelah mereka mendapat kuota yang ditetapkan oleh Tabung Haji melalui sistem yang sudah sedia ada. Sekian, terima kasih.

■1050

2. Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa] minta Menteri Kesihatan menyatakan, jumlah produk makanan dan minuman yang sudah mendapat pengesahan Logo Pilihan Lebih Sihat (HCL) dan adakah ianya benar-benar memenuhi kriteria nutrien yang ditetapkan.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Pengkalan Chepa. Sebelum itu, saya hendak mengucapkan selamat datang kepada guru-guru KAFA daripada Parlimen Kubang Pasu yang datang ke Dewan ini... [*Tepuk*] Bagi pihak Dewan dan bagi pihak Ahli Parlimen Kubang Pasu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai makluman Logo Pilihan Lebih Sihat atau *The Healthier Choice Logo* mula diperkenalkan di Malaysia pada tahun 2017. Inisiatif ini bertujuan untuk memudahkan masyarakat mengenali produk makanan yang lebih sihat di dalam kategori produk makanan yang sama dan membantu mereka dalam membuat pilihan. Inisiatif ini juga merupakan satu galakan kepada industri makanan untuk membuat reformulasi produk yang sedia ada bagi menyediakan lebih banyak produk yang lebih sihat di pasaran. Inisiatif seumpamanya telah pun dilaksanakan di banyak negara seperti Singapura, Thailand, Brunei, *Netherlands* dan Switzerland.

Sehingga 15 Februari tahun ini, sebanyak 194 produk telah mendapat pengesahan Logo Pilihan Lebih Sihat atau *Healthier Choice Logo*. Kesemua produk tersebut memenuhi kriteria nutrien yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal *Healthier Choice Logo* di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia melalui dokumen permohonan lengkap termasuk laporan analisa nutrien daripada makmal yang telah diakreditasi. Terima kasih.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya pertamanya mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana cuba memberi kesedaran kepada rakyat untuk memilih makanan yang lebih sihat.

Namun demikian, kita lihat dewasa ini penyakit tidak berjangkit (NCD) misalnya semakin meningkat. Antara puncanya ialah makanan segera yang mengandungi jumlah garam, gula, MSG dan lain-lain dalam kandungan yang tinggi. Justeru itu, maka takrifan *Healthier Choice Logo* ini perlu melalui satu piawaian yang sangat ketat agar masyarakat tidak tertipu seperti mana manusia suka mengambil kesempatan seperti yang kita tahu. Contoh yang berlaku seperti minuman MILO. Kandungan gula 40 peratus daripada MILO, itu satu hal. Kemudian formula MILO ini sendiri dan sebagai contoh di luar negara dan di dalam negara adalah kandungannya tidak sama.

Jadi saya hendak tahu, adakah kementerian ini yang menentukan kandungan sihat ini atau kita sengaja mengesahkan apa yang terdapat dalam kandungan itu? Keduanya, apakah mekanisme kementerian bagi memastikan bahawa HCL ini sentiasa mematuhi piawaian kita supaya tidak tertipu? Terima kasih.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Seperti yang saya telah jelaskan tadi, kementerian telah menyediakan satu *nutrient criteria* untuk *Healthier Choice Logo* untuk pelbagai jenis makanan termasuk *beverages* yang- termasuk minuman seperti MILO dan minuman-minuman yang di dalam kategori yang sama. Di dalam itu, di dalam standard yang telah ditetapkan, kandungan gula mestilah kurang daripada 12 gram untuk satu *serving*.

Kalau dilihat kepada pemeriksaan yang telah dilakukan oleh makmal dan analisa yang telah dihantar kepada kementerian yang telah digunakan sebagai asas untuk memberi *Healthier Choice Logo* kepada MILO, sebenarnya mereka telah mematuhi syarat itu iaitu kandungan yang ada gula di dalam MILO ialah 12.2 gram untuk satu *servings* tetapi itu termasuk *lactose* yang sebenarnya dikeluarkan daripada syarat kita.

So, daripada sudut piawaian yang telah ditetapkan oleh kementerian MILO telah menunaikan itu melalui analisa yang telah dilakukan oleh makmal yang telah diberi akreditasi. Akibat daripada itu, kementerian telah membenarkan MILO menggunakan *Healthier Choice Logo*. Itulah untuk semua jenis makanan.

Akan tetapi saya kena jelaskan, konsep *healthier choice* ini ialah ia buat perbandingan dengan makanan atau minuman di dalam kategori yang sama. Contohnya kalau kita ambil MILO, iaitu minuman yang datang daripada kumpulan-kumpulan yang mengandungi *maltose* dan sebagainya. Perbandingan dibuat dengan kategori itu dan *healthier choice* bermaksud kalau dibandingkan dengan minuman-minuman yang lain di dalam kategori yang sama, MILO *healthier* bukan *healthy* kerana ini ialah perbandingan, kalau dibanding.

So, saya telah sebenarnya minta kementerian untuk pergi ke satu tahap yang lebih tinggi. Itu mungkin yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Satu tahap yang lebih tinggi di mana kita kena bergerak kepada *the healthy choice*. Kalau kita bergerak kepada *the healthy choice*, kementerian akan meletakkan ini syarat yang kena tunaikan 'A', 'B', 'C', 'D', 'E'. Kalau macam- mana-mana minuman atau makanan yang menunaikan syarat-syarat itu, kita boleh memberi mereka menggunakan *the healthy choice*. So, kalau itu boleh diwujudkan dan rakyat Malaysia boleh buat pemilihan semasa pergi untuk beli makanan yang sebenarnya yang boleh dikatakan *healthy*.

Pada masa sekarang, kerana kita telah ikut apa yang telah dibuat oleh negara-negara yang lain, kita sudah menggunakan sistem di mana perbandingan dibuat untuk makanan-makanan lain dalam kategori yang sama untuk memberitahu bahawa kalau di banding dengan makanan yang lain di dalam kategori, ini lebih *healthy* daripada makanan itu. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, kadang-kadang kita baca sesetengah barangan makanan yang mana ia didapati ada kandungan toksik ataupun kimia di dalamnya dan selalunya maklumat seperti ini adalah dihasilkan daripada Jabatan Kesihatan Singapura.

Jadi saya hendak tanya, sama ada kementerian adakah apa-apa unit tertentu untuk jalankan *spot check*? Mungkin boleh berasaskan atas aduan daripada orang ramai ataupun atas inisiatif pegawai perubatan kementerian atas sesetengah makanan, ubat dan minuman. Supaya Kementerian Kesihatan Malaysia yang pertama kali akan- kita kata *alert*, menyedarkan orang ramai tentang makanan tertentu harus diturunkan daripada *supermarket* ataupun jualan. Jadi, adakah kita ada unit seperti ini?

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Ahli Yang Berhormat, saya kena membetulkan persepsi yang salah yang dibawa Ahli Yang Berhormat. Seolah-olah semua yang dilakukan di Singapura lebih baik daripada apa yang dibuat di Malaysia... [Dewan riuh]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Eh! Ini putar belit pertanyaan saya.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Kita sebagai sebuah negara yang merdeka, kena sampai ke satu tahap.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *Steady* Yang Berhormat Menteri, *steady*.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Di mana kita kena mempunyai keyakinan kepada sistem yang ada di dalam negara kita. Saya kena beri satu pengajaran kepada Ahli Yang Berhormat kerana memang pengetahuan Ahli Yang Berhormat kurang di dalam bidang ini.

Satu, kementerian sudah mempunyai bahagian keselamatan makanan lebih lama daripada Singapura. Kita mempunyai satu jabatan yang menjalankan tugas itu. Mengapa Ahli Yang Berhormat dengar dan mempunyai persepsi yang salah? Apa yang dilakukan oleh kementerian secara berterusan, setiap hari kita mengenal pasti beberapa produk yang mempunyai tetapi tidak mengeluarkan kenyataan di dalam akhbar. Akan tetapi apabila satu benda keluar di Singapura, ia keluar di dalam akhbar. So, Ahli Yang Berhormat baca benda ini dan anda ada persepsi seolah-olah ini berlaku di Singapura sahaja.

Setiap hari pemeriksaan dibuat. Ada beberapa proses yang dijalankan oleh bahagian keselamatan makanan. Satu ialah tentang piawaian, *standard* yang telah ditetapkan oleh bahagian keselamatan makanan. Semua jenis makanan atau minuman daripada luar negara atau dalam negara, kita mempunyai *standard*.

■1100

Adalah keperluan industri untuk memastikan mereka mematuhi standard yang ditetapkan. Nombor dua, kementerian melakukan secara berterusan pengauditan ke atas premis-premis. Bukan sahaja kita melakukan pengauditan ke atas premis yang ada di dalam negara, tetapi kita membuat pengauditan kepada premis di luar negara.

Contohnya bila kementerian memberi kelulusan kepada pembelian daging lembu contohnya daripada negara yang luar. Pegawai-pegawai daripada Kementerian Kesihatan dan pegawai daripada Jabatan Veterinar pergi ke negara itu lihat kepada *factory*, pusat penyembelihan di situ untuk memastikan mereka menunaikan syarat yang kita telah tetapkan. So, bukan sahaja di sini tetapi di luar negara.

Nombor tiga, kita menjalankan *random sampling* kepada semua produk yang dibuat dan pemeriksaan dibuat, bukan untuk semua. Contohnya sayur yang dihantar daripada Cameron Highlands kepada Singapura. Kita menjalankan *random sampling*, standard ada, bila mereka boleh *taruk* racun, bila tidak boleh bubuh racun dan ini semua ada tetapi memang kerana orang tamak, mereka mahu hasil yang lebih baik, mereka menggunakan lebih banyak. So *random sampling* dilakukan dan kalau dikenal pasti bahawa mereka di luar atau lebih daripada kandungan, kita akan memastikan ini tidak diimport.

Kalau terlepas, itulah masuk ke Singapura akan dikenal pasti dan masa itu kita memberitahu. Kita mempunyai sikap yang terbuka. Laporan-laporan yang keluar bukan sahaja dalam negara tetapi laporan yang keluar daripada negara yang lain contoh daripada Taiwan. Kadang-kadang dengar produk-produk daripada negara mereka yang sudah masuk ke dalam negara kita mereka memberi laporan bahawa ada produk di dalam perkara itu yang sepatutnya tidak ada. Apabila bila laporan sedemikian datang, memang kementerian menjalankan pemeriksaan kepada semua produk itu dan ada kuasa untuk gantung pengimportan atau gantung pengeksportan termasuk untuk *call back* atau ambil balik produk-produk yang sudah ada di dalam.

So, kita ada akta, ada sistem. So, sebagai rakyat Malaysia, saya menjamin kepada Ahli Yang Berhormat, kamu sedang tinggal di dalam satu negara yang selamat daripada semua persepsi.

3. Dato' Sri Hasan Arifin [Rompin] minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah kerajaan untuk memperbaiki lagi imbalan bayaran negara- *balance of payment*.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya juga turut hendak mengalu-alukan kehadiran guru-guru KAFA Parlimen Kubang Pasu dan sebahagiannya dari Parlimen Jerlun.

Tuan Yang di-Pertua, akaun semasa dalam imbalan pembayaran negara (BOP) merangkumi jumlah bersih transaksi barangan, perkhidmatan, pendapatan primer dan juga sekunder. Kedudukan akaun semasa kekal kukuh mencatat lebih sebanyak RM35.2 bilion untuk tahun 2015, RM29 bilion tahun 2016 dan untuk tahun 2017 RM40.3 bilion. Untuk tahun 2018, Bank Negara Malaysia menjangkakan lebih akan diperolehi sekitar RM39 bilion.

Kerajaan akan sentiasa memantau secara berterusan kedudukan akaun semasa dalam BOP bagi memastikan ia kekal mencatat lebihan. Antara usaha yang dibuat oleh kerajaan bagi mengukuhkan kedudukan *balance of payment* ini adalah termasuk meningkatkan pertumbuhan eksport, meningkatkan daya saing sektor perkilangan, menarik pelaburan berkualiti tinggi, mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing kurang mahir dan meningkatkan keupayaan penyedia perkhidmatan tempatan.

Sudah tentulah kita juga menambah jumlah ketibaan pelancongan asing melalui strategi promosi di bawah Pelan Transformasi Pelancongan Malaysia. Kita jangkakan pada tahun 2017 sahaja telah pun mencatat 25.9 kehadiran *tourist* dengan perbelanjaan sejumlah RM78.8 bilion dan tahun 2020 kerajaan telah mengisytiharkan Tahun Melawat Malaysia dan sudah tentulah kita hendak supaya lebih ramai lagi pelancong datang berbelanja di Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan juga telah mengumumkan beberapa langkah dan strategi dalam Bajet 2018 bagi meningkatkan eksport barang dan perkhidmatan termasuk menyediakan kemudahan kredit perlindungan insurans pengeksport sebanyak RM1 bilion di bawah EXIM Bank dan menyediakan kemudahan kredit pembiayaan pengeksport PKS sebanyak RM200 juta.

Seterusnya bagi sektor pelancongan, kita memberikan tumpuan dengan mengambil kira Tahun Melawat Malaysia 2020 nanti, menyediakan 500 juta program pembangunan dan promosi pelancongan melalui kemudahan infrastruktur pelancongan, *homestay* dan ekopelancongan, memperuntukkan RM2 bilion kepada Tabung Pelancongan PKS sebagai pinjaman kepada pengusaha pelancongan dengan memberi insentif, kadar faedah dua peratus dan juga menambah RM1 bilion lagi kepada Tabung Pembangunan Infrastruktur Pelancongan sebagai pinjaman mudah.

Kerajaan akan sentiasa memantau secara berterusan bagi memastikan *balance of payment* ini akan terus mencatat lebihan. Secara keseluruhan kedudukan BOP negara masih kukuh berikutan struktur eksport negara kita kini lebih pelbagai dari segi destinasi dan juga produk serta disokong oleh peningkatan daya tahan serta asas ekonomi yang kukuh. Sekian Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah faktor-faktor yang mendorong kedudukan imbalan bayaran terus teguh pada tahun 2017? Sejauh manakah kerajaan terus positif ke atas *balance of payment* ini? Dan apakah langkah-langkah untuk menggalakkan usaha-usaha supaya terus kukuh pada tahun 2018 ini? Terima kasih.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Rompin. Untuk makluman Yang Berhormat Rompin, imbalan ataupun *balance* antara eksport untuk tahun 2017, eksport berjumlah RM800.8 bilion manakala import adalah RM690.8 bilion. Ini adalah sektor barangan manakala untuk sektor perkhidmatan kita mengalami defisit sebanyak RM23 bilion.

Pendapatan primer- pendapatan primer ini adalah pampasan pekerjaan dan juga pendapatan pelaburan juga ada defisit dalam sekitar RM36 bilion manakala pendapatan sekunder, ini merupakan contohnya adalah kiriman wang pekerja asing yang bekerja di Malaysia hantar balik ke luar negara, defisit RM18 bilion tetapi *netnya* ialah RM40.3 bilion.

Jadi untuk makluman Dewan juga kita dari sudut import. Import ini kita contohlah untuk jawapan kepada Yang Berhormat, apakah langkah positif yang kerajaan fikir akan meningkatkan lagi pengukuhan BOP ini? Contohnya kita mengimport *capital goods*. *Capital goods* ini contoh seperti peralatan *transport*, *floating structure* contoh untuk *oil and gas*, kemudian *machinery* adalah untuk kilang-kilang.

Ini merupakan import yang dibuat tetapi untuk jangka panjang di mana *return* kepada pelaburan itu akan dapat direalisasikan mungkin empat atau lima tahun ke depan. Manakala *capital goods share of imports is about 13.8 peratus*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, manakala untuk *intermediate goods*, *intermediate goods* ini adalah barangan mentah yang diimport, diproses kemudian dieksport sebagai barang siap.

Contohnya kita syernya adalah tinggi iaitu 57.1 peratus. Antara sektor yang penting adalah *food and beverages* untuk industri, *industrial supplies, fuel and lubricant* serta juga *parts and accessories*. Jadi kalau kita tengok komponen *capital goods* dan *intermediate goods* ini merangkumi hampir 70 peratus. Ini bermaksud inilah yang kita buktikan bahawa Malaysia ini negara industri. Kita import barangan *raw material* kemudian kita proses dan kita eksport menambah nilai tambah.

Kemudian yang kita risau sedikit ini sudah tentulah bila kita bercakap soal *consumption goods* iaitu syernya lebih kurang dalam 8.5 peratus. Ini melibatkan makanan untuk isi rumah, *transport equipment* untuk isi rumah juga. Macam kita importlah kereta-kereta CBU apa semua ini. Kemudian *consumer goods*, ini termasuklah pakaian, kasut, *footwear* dan sebagainya.

Jadi untuk jangka panjang melihat kepada komponen import ini kita yakin bahawa kita berada di landasan betul untuk menjadikan negara industri dengan mengambil kira hal-hal berkaitan IR4.0 dan sebagainya untuk meneruskan pendapatan eksport pada tahun-tahun yang mendatang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1110

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Jerlun atas jawapan tadi. Saya ingin tahu, sejauh manakah fenomena ketidakstabilan nilai mata wang yang dialami oleh negara kita sekarang ini? Antaranya disebabkan oleh kekurangan rizab pertukaran asing negara telah mengakibatkan satu suasana defisit yang agak ketara di dalam imbalan pembayaran negara kita. Terima kasih.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu, sahabat saya orang Sik.

Untuk makluman, seperti yang saya sebut awal tadi untuk tahun 2015, imbalan akaun semasa kita adalah RM35.2 bilion. Masa itu, kedudukan Ringgit dengan Dolar adalah 3.9055 secara purata. Kemudian pada tahun 2016, akaun semasa imbangannya adalah RM29 bilion, kedudukan ringgit 4.14. Manakala 2017, kedudukan imbalan ialah RM40.3 bilion dan kedudukan mata wang masa itu ialah 4.30 secara purata. Kita menyedari bahawa sebenarnya kedudukan tahap pertukaran wang asing USD dengan ringgit ini memainkan peranan.

Akan tetapi dalam masa yang sama, sebenarnya kedudukan *balance of payment* yang kukuh ini, yang mantap ini sebenarnya bergantung kepada jumlah eksport kita. Jadi, jumlah eksport kita, contoh pada tahun 2015 - RM681 bilion, manakala 2016 - RM686 bilion tetapi 2017 - RM808 bilion.

Jadi, kita menyedari walaupun kedudukan mata wang itu memang menjadi satu faktor yang penting. Macam contoh untuk tahun 2018, kita menjangkakan *insya-Allah* pertukaran wang asing ini ataupun ringgit dengan USD akan makin mantap, maka kita akan dapat mengekalkan kedudukan *balance of payment* yang stabil berbanding dengan 2017. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

4. Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan, senarai IPTA yang menerima sumbangan dana wakaf dan berapakah jumlah sumbangan diperoleh oleh setiap IPTA dari tahun 2008 sehingga 2017. Apakah para penyumbang yang memberi wakaf boleh dikecualikan daripada cukai pendapatan atau korporat.

Menteri Pendidikan Tinggi [Dato' Seri Haji Idris Jusoh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Puteh yang mengetahui tentang Dana Wakaf di universiti awam masa kini. Masa kini ada 14 buah universiti awam yang sudah ada Pusat Wakaf masing-masing dan enam lagi universiti awam dalam proses di peringkat akhir untuk mendapat *mutawalli* mereka untuk melaksanakan dana wakaf mereka.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Majlis Agama Islam Negeri-negeri yang telah memberi kerjasama dalam pelaksanaan dana wakaf universiti-universiti. Kita lihat dana wakaf universiti ini bermula dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) pada tahun 2011 diikuti dengan Universiti Sains Islam (USIM) pada 2013, yang lain-lainnya kemudian ini pada tahun 2016, 2017 dan 2018.

Jumlah dana kutipan wakaf di 14 buah universiti ialah RM26.16 juta dan yang tertinggi ialah UPM dengan RM9.1 juta, UNISZA walaupun baru tetapi kutipannya baik iaitu RM6.5 juta dan USIM dengan RM5.6 juta. Sehingga kini, dana wakaf ini belum mendapat pengecualian cukai pendapatan tetapi Kementerian dalam proses perbincangan dengan Kementerian Kewangan. Terima kasih.

Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Soalan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana jawapan yang diberikan tadi. Kalau kita lihat kepada angka tadi tidak banyak sangat RM26 juta. Bermakna, masih lagi budaya berwakaf atau bersedekah di kalangan orang Islam kita agak mengecewakan. Saya ingin tahu perbezaan di antara Majlis Agama memberikan wakaf ini dengan yang individu-individu yang berikan wakaf. Akan tetapi berapakah *percentage* daripada Majlis Agama dan berapa banyak daripada individu?

Kemudian satu lagi, selalunya wakaf ini diberikan oleh individu, korporat yang kaya-raya. Kita tahu ramai orang Melayu kita ini sudah kaya, adakah usaha-usaha untuk kita *approach* tiap-tiap individu, korporat-korporat yang kaya, orang Melayu, orang Islam yang kaya ini untuk secara peribadi daripada Kementerian supaya mereka ini menyumbang untuk wakaf ini? Seterusnya, mendapat pahala dunia dan akhirat. Ini adalah amal jariah yang berterusan sampai kita tidak ada di dunia ini pun, *insya-Allah* pahala itu akan sampai pada kita. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Sebenarnya, beberapa langkah telah dilaksanakan oleh Kementerian. Pertamanya, menggalakkan universiti untuk melaksanakan, mewujudkan dana wakaf yang dahulu tidak ada, sekarang sudah 14 universiti yang ada. Baru-baru ini pada bulan Februari kita telah mengadakan satu forum peringkat *international* sebenarnya, peringkat antarabangsa yang dikunjungi oleh bukan hanya para-para akademik dalam negara tetapi juga dikunjungi oleh *World Bank*, dikunjungi oleh pakar-pakar wakaf daripada Turki, *South Africa*, *England* dan Eropah.

Baru-baru ini juga pada 20 Mac, Kementerian juga telah melancarkan Program MyWakaf yang mana sumbangan RM100 boleh diberikan untuk utamanya, memberi kesedaran kepada rakyat betapa pentingnya wakaf. Ramai orang tidak faham, terutama di Malaysia kerana kita belum lagi mempunyai budaya mewakafkan. Ramai orang Islam juga tidak memahami bahawa wakaf itu sedekah jariah yang dikatakan tadi. Sedekah yang berkekalan atau *in perpetuity*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kerana prinsipnya, pokoknya tidak digunakan dan ini perlu.

Juga ramai tidak tahu betapa wakaf ini boleh digunakan untuk kemajuan, katakanlah membantu sistem pendapatan universiti seperti Universiti Azhar merupakan universiti wakaf. Harvard walaupun *endowment* ialah wakaf sebenarnya dalam bentuk barat. Harvard *with* USD37.6 bilion, Oxford sistem *collegiate* mereka menggunakan sistem wakaf. Di Turki, banyak sekolah-sekolah didirikan dengan menggunakan dana wakaf, universiti, sekolah, hospital dengan menggunakan wakaf.

Wakaf boleh menjadi sektor ketiga dalam ekonomi di samping sektor kerajaan, *public sector*, *private sector*, di mana ia berpotensi untuk mewujudkan ekonomi yang lebih lestari ataupun *sustainable development goal* (SDG). Zaman Kerajaan Uthmaniyah kita lihat wakaf merupakan sistem ekonomi yang dominan.

Jadi, kita lihat wakaf mempunyai nilai yang hebat ini perlu diberi pengetahuan. Di mana kalau kita lihat, saya pernah mengatakan bahawa wakaf ini ialah untuk menggalakkan budaya menyumbang, tangan di atas, budaya kasih sayang ataupun dikatakan oleh Jack Ma, *love quotient* di samping *emotional quotient*, *spiritual quotient*. Mewujudkan budaya *tender loving care* (TLC), yang ini kerana pemikiran kita masa kini masih berasaskan kepada sistem ekonomi konvensional. Di mana menganggap manusia itu sebagai *an economic animal*, menganggap manusia itu sebagai tamak yang mempunyai *unlimited wants*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, *insya-Allah* dengan adanya sistem wakaf ini kita boleh melihat satu sistem ekonomi ketiga yang boleh menyemarakkan ekonomi kita dengan lebih baik. Wakaf ini bukan hanya untuk orang Islam tetapi juga untuk orang bukan Islam. Terima kasih.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memuji sebenarnya usaha yang dilakukan oleh pihak kementerian dalam memastikan wakaf ini menjadi salah satu punca pendapatan dan juga dapat memberikan faedah, terutamanya kepada institusi pengajian tinggi yang ada dalam negara kita. Contohnya, di negeri Johor antara dana wakaf tunai pendidikan yang dilihat berjaya menjana dana untuk membangunkan universiti di Johor iaitu Universiti Teknologi Malaysia, di mana hasil daripada wakaf ini diberikan biasiswa dan juga peruntukan untuk bantuan dan sebagainya.

Jadi, apakah sebenarnya langkah pihak kementerian untuk memastikan Program Wakaf Pendidikan Tinggi ini dapat kita kembangkan lagi, bukan sahaja di universiti awam tetapi juga di universiti-universiti swasta dan juga kolej-kolej universiti supaya program ini dapat memberi manfaat kepada pelajar-pelajar kita? Terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Itulah saya katakan tadi proses kesedaran. Bagaimana wakaf sebagai satu sistem ekonomi ketiga yang saya katakan Zaman Uthmaniyah dahulu lebih dominan dalam sistem ekonomi boleh memainkan peranan mereka yang mempunyai andaian-andaian tentang ekonomi yang berbeza dengan *conventional economy*. *Insya-Allah*, kementerian akan terus meneruskan sistem pendedahan ini kepada rakyat agar ia dapat dibudayakan sepenuhnya.

■1120

5. Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta Perdana Menteri menyatakan, apakah usaha pihak FELDA bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga pekerja di ladang-ladang FELDA terutama tenaga kerja warganegara Malaysia yang mengakibatkan kekurangan pemungutan hasil bagi peneroka di seluruh negara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Wira Razali bin Ibrahim]: *Walaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai usaha telah dilakukan oleh FELDA bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja terutamanya tenaga kerja tempatan. Di antaranya adalah seperti berikut.

Pertama, mempergiatkan kempen menawarkan peluang pekerjaan sebagai operator operasi ladang kepada calon pekerja tempatan di kalangan peneroka dan generasi kedua dengan gaji dan insentif yang lebih menarik. Antara insentif yang ditawarkan adalah caruman KWSP dan PERKESO, elaun perumahan, elaun kenderaan, rawatan perubatan di hospital kerajaan dan pesakit luar, insurans kemalangan berkelompok, bantuan pengurusan jenazah, sumbangan hari raya dan bantuan persekolahan anak-anak.

Kedua, mengadakan kerjasama dengan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dalam menawarkan peluang pekerjaan kepada pelatih di Pusat Rawatan dan Pemulihan AADK ataupun yang dikenali sebagai *Cure and Care Rehabilitation Centre (CCRC)* di bawah program *Oil Palm For Life (OPAL)* untuk bekerja di tanah-tanah rancangan FELDA dengan pengawasan dan pemantauan penyelia yang dilantik.

Ketiga, bekerjasama dengan pihak Jabatan Penjara dengan menawarkan peluang pekerjaan kepada bekas tahanan yang masih di bawah pemerhatian Jabatan Penjara atau parol dalam usaha mengembalikan bekas tahanan ke pangkuan masyarakat. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang memberikan jawapan. Saya juga hendak mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada FELDA yang telah berjaya mengadakan Transformasi Pengurusan FELDA. Tahniah. Sebagai contohnya telah mengadakan Transformasi FELDA 2.0 di Lembah Bilut baru-baru ini.

Cuma persoalan saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah bilakah FELDA berhasrat untuk mengadakan transformasi dalam pengurusan ladang? Ini kerana buat masa ini terdapat lagi ladang-ladang yang masih lagi bermasalah yang diuruskan oleh FELDA.

Juga saya ingin bertanya, berapa peratus kah pekerja tempatan jika dibandingkan dengan pekerja asing yang bekerja di ladang-ladang FELDA? Mungkin dengan adanya pekerja tempatan, anak-anak tempatan khususnya anak-anak peneroka dengan gaji yang lebih menarik, mungkin mereka boleh memberikan sumbangan dan mengatasi masalah di sektor perladangan FELDA. Terima kasih.

Datuk Wira Razali bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Jerantut yang pastinya merupakan seorang Ahli Yang Berhormat yang benar-benar memikirkan tentang masa depan peneroka. Ada dua perkara di situ. Kalau boleh saya nyatakan dahulu statistik.

Kalau ikut kawasan ladang FELDA, lebih kurang keseluruhan 225,829 hektar yang mana 40,139 hektar diusahakan oleh FELDA dan 185,690 hektar diuruskan oleh FELDA Technoplant. Itu saiznya.

Buruh yang kita perlukan- yang ada sekarang ini buruh asing seramai 11,799 orang. Manakala pekerja tempatan tidak sampai 10 peratus daripada jumlah tersebut iaitu 827 orang sahaja. Jadi memang betul apa Yang Berhormat nyatakan tadi tentang kebergantungan kita dan cara untuk kita mengatasinya.

Transformasi yang Yang Berhormat tanyakan, kalau boleh saya jawab dalam dua bentuk. Satu, kita akan mempertingkatkan daya pengurusan yang lebih baik. Selepas Yang Berhormat Johor Bahru mengambil alih, perkara yang beliau buat adalah untuk memastikan FTP yang mengendalikan kawasan seluas hampir 185,000 hektar tadi hendaklah disusun oleh pengurusan yang baik dan cekap. Yang Berbahagia Dato' Dzulkifli Wahab, mantan Pengarah Besar FELDA telah dilantik sebagai Pengerusi FTP yang baru. Kita harap beliau dapat melakukan satu bentuk penyeliaan bagi memastikan ladang yang dijaga oleh FTP ini dapat memberikan hasil yang setimpal.

Kedua, penggunaan jentera bagi menggantikan tenaga manusia dapat kita lakukan dengan- contoh macam *spreader* untuk baja, untuk racun. Kemudian kita gunakan mesin untuk menuai berbanding dengan sepenuhnya menggunakan tenaga manusia. Ia juga dapat memberikan satu bentuk transformasi.

Akhir sekali, kalau dapat saya nyatakan, buat masa ini, pihak FELDA sedang berbincang dengan pihak penyelidik Dr. Mohd Khalid yang dipanggil untuk melihat bagi menjalankan satu kajian bagi masa depan FELDA dan peneroka yang sedang melihat apakah skop kajian yang sesuai. Saya rasa cadangan Yang Berhormat Jerantut boleh dimasukkan sebagai salah satu skop kajian Dr. Khalid dan rakan-rakan penyelidik bukan sahaja mengenai masa depan FELDA dan peneroka tetapi dari segi pengurusan ladang.

Saya rasa itu satu cadangan yang baik. Sementara pasukan penyelidik sedang menyediakan skop-skop kajian, kita boleh masukkan tentang kajian mengenai transformasi ladang. Ini kerana kita tahu FELDA memang *core business* nya adalah mengenai ladang sama ada sawit ataupun getah. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi apabila disebut tentang penggunaan tenaga asing ataupun pekerja asing yang lebih kurang 11,779 orang dan 10 peratus sahaja daripada pekerja tempatan, ini satu angka yang amat sedikit.

Persoalan saya ialah, apakah sebab-sebab faktor yang menyebabkan di kalangan pekerja-pekerja tempatan ini tidak berminat? Adakah kerana faktor gaji yang tidak menarik ataupun yang keduanya kerana kurang kudrat ataupun tenaga ataupun yang ketiganya ialah kerana tidak diberikan peluang?

Jadi persoalan saya ialah apakah faktor-faktor yang menyebabkan tidak menarik di kalangan anak-anak peneroka terutamanya sama ada di kalangan generasi kedua ataupun ketiga untuk melibatkan dalam sektor ini? Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Wira Razali bin Ibrahim: Kalau hendak kata kita tidak beri peluang, kita sudah buat satu program yang kita panggil KESIDANG. KESIDANG ini diperkenalkan saya rasa sewaktu Yang Berhormat Sekijang menjadi Pengerusi MBFM. Kita ada menjalankan program KESIDANG.

Yang Berhormat Sekijang sangat maklum fasal KESIDANG ini atau Kerja Di Sektor Ladang ini yang dibuat bersama MBFM. Tidak ramai yang hendak walaupun kita bagi elauan untuk motosikal. Mungkin faktor lain, saya tidak tahu. Akan tetapi kalau peluang, kita sudah buat, tidak ramai yang nak.

Keduanya, memang kita semua tahu 3D ini, *dirty, dangerous, difficult* ini memang sukar untuk kita dapatkan pekerja daripada anak-anak tempatan. Kalau hendak kata gaji tidak menarik, sebenarnya apa yang digunakan oleh FELDA sama skim dengan ladang-ladang yang diusahakan oleh orang lain. Sememangnya mana-mana syarikat atau organisasi yang menguruskan perusahaan sawit ini, kebergantungan kepada buruh luar sangat tinggi. Seperti contoh kita, 73 peratus daripada Lombok sahaja. Kedua tertinggi daripada India. Kemudian daripada Bangladesh.

Saya percaya kalau perkara ini tidak ditangani, mungkin kita akan ada masalah. Akan tetapi kalau jawapan kepada Yang Berhormat, saya rasa peluang yang diberikan oleh FELDA mencari pekerja tempatan, kita sudah buat macam-macam. Cumanya kenapa anak kita tidak mahu masuk ke ladang menjadi persoalan yang perlu kita semua tangani.

Namun begitu, bagi pihak FELDA, kita tidak boleh menanti kerana kalau kita ambil harga sawit hari ini, buah tandan segar lebih kurang RM530 sehektar, kita perlu keluar 1.6 tan. Kalau katakan capaian kita kurang satu *percent* dalam tempoh sebulan, kita akan rugi dekat RM2 juta. Maknanya kalau tidak capai sasaran tersebut pada harga semasa hari ini yang mana *target* bulanan 1.6 tan per hektar dengan harga RM530, kita kurang satu peratus sahaja, maka kita akan rugi ataupun hilang hasil sebanyak RM2 juta. Jadi pada saya, soalan Yang Berhormat ini sangat serius. Namun begitu, daripada kita menanti orang tempatan untuk masuk, kita terpaksa menggunakan buruh dari luar.

■1130

Keduanya kalau boleh saya nyatakan di sini, gaji ataupun pendapatan yang saya nyatakan tadi berasaskan industri lain-lain yang sama, dia kira dia susah sikit Yang Berhormat, ada formulanya tetapi ada pekerja ladang yang boleh *take home* sebulan lebih kurang RM2,500. Itu kalau kita nak makluman semua, sama ada menarik atau tidak RM2,500 sebulan, itulah yang berlaku. Akan tetapi daripada luar memang berlumba-lumba kerana dia dapat melihat bahawa di Malaysia ini daripada segi pekerjaan dan kehidupan, sebenarnya boleh mendatangkan hasil kepada mereka walaupun mereka datang dari luar. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memberi ruang untuk saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya sedar dan tahu bahawa orang Sabah mahu cari kerja tetapi orang Sabah bukan hanya mahu cari kerja, tetapi mereka juga mahu menjadi peneroka. Kerajaan Negeri Sabah bagi tanah kepada FELDA daripada tahun 1979 sampai 1982, 200,000 hektar tanah, 500,000 ekar dengan tujuan kerajaan negeri bagi kepada FELDA untuk menjadi peneroka sejumlah 34,000. Hari ini tanah yang dibangunkan oleh FELDA, ada penerokanya, jumlah peneroka hanya 1,640 orang, 25,000 sahaja tanah yang dimajukan.

Di mana 500,000, 400,000 tanah yang sepatutnya FELDA bagi peneroka? Orang Sabah bukan mahu jadi pekerja di bawah ladang itu. Dia hendak memiliki, dia hendak menjadi sebahagian daripada pembentuk pembangunan. Masalahnya itu, tak ada insentif pemilikan. Galangan yang harus diberikan daripada awal. Sekarang dah ada tiga kilang dah tutup dah. Kilang Bestari di Tawau dan saya difahamkan ada lagi *refinery*, dua *refinery* di Tawau akan turut tutup oleh kerana seperti apa Yang Berhormat sebutkan, pekerjaan dia.

Ketiga, saya minta kerjasama daripada pentadbiran FELDA, bagilah ruang kepada anak-anak Sabah dari atas sampai ke bawah peluang pekerjaan kepada anak-anak Sabah yang terpaksa berhijrah sampai ke Johor, ke kawasan negeri Yang Berhormat untuk mencari nafkah hidup mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Wira Razali bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Semporna, saya dah jawab waktu gulung. Saya ada semua butirannya, cumanya kalau saya ulang jawab takut nanti jawapan yang ini dengan yang itu tak sama. Akan tetapi kalau fasal *refinery*, dua daripada tiga itu 100 peratus pekerja telah pun dipindahkan kepada kilang yang baru.

Ini di bawah transformasi kilang kita sebab ada kilang hasil operasinya sangat rendah. Jadi, kita tutup dan semua pekerja itu tak hilang pekerjaan kerana dia bekerja di *refinery* di Lahad Datu. Itu ada dalam jawapan penggulungan saya.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Tak, persoalannya Yang Berhormat, peneroka seramai 30,000 sepatut tetapi hanya 1,000 sahaja.

Datuk Wira Razali bin Ibrahim: Sekejap.

Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Kenapa FELDA mengambil masa daripada tahun 1979 sampai 1982?

Datuk Wira Razali bin Ibrahim: Ya, okey. Oleh sebab itu kalau saya nak ulang, itu pun saya ada jawab. Contohnya, yang *refinery*. Saya juga betulkan jumlah saiz yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Sabah kepada FELDA seperti yang dibahaskan oleh Yang Berhormat Semporna dalam jumlah yang lebih tepat, 1,600 itu adalah mereka yang ditawarkan di peringkat awal sehinggalah kerajaan membuat keputusan untuk tidak lagi membuka kawasan rancangan.

Kalau boleh saya beritahu Yang Berhormat, nanti saya bagi jawapan keseluruhan itu kenapa perkara yang dibangkitkan itu timbul. Akan tetapi waktu kita buka, sebenarnya memang itu jumlah yang pertama datang. Kita tak dapat pun satu dokumen yang menyatakan bahawa tanah bila diberi mesti dicari 34,000. Maknanya, itu pun saya jawab masa penggulungan.

Sebenarnya, Yang Berhormat sebut waktu membahaskan 40,000. Kita catat yang itu. Hari ini Yang Berhormat kata 34,000. Tak apalah, sama ada 40,000 janji untuk mengambil peneroka atau 34,000, tidak ada satu dokumen yang menyatakan FELDA mesti cari. Namun begitu, perkara tentang masa depan penduduk rakyat Sabah untuk bekerja di mana pun sebenarnya tak timbul.

Kita tak pernah ada kriteria dia mesti datang daripada sesebuah negeri untuk bekerja. Kalau betul ramai, saya rasa lebih baik saya ambil orang Sabah daripada ambil orang Nepal, India atau Bangladesh yang levi dan pembiayaan untuk satu pekerjanya boleh mencecah RM3,300–RM3,500. Saya rasa kalau ambil rakyat Sabah, ia lebih baik. Jadi kalau ada ramai, kita perlu lebih kurang 11,000, 13,000 sebenarnya kerja ladang. Kalau semua 13,000 dari Sabah pun sebenarnya lagi baik. Terima kasih Yang Berhormat.

6. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan, sejauh manakah usaha kementerian bagi memastikan graduan institusi pengajian tinggi mendapat kerja selepas menamatkan pengajian mereka dan keberkesannya.

Menteri Pendidikan Tinggi [Dato' Seri Haji Idris Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua, keseluruhannya kebolehpasaran graduan telah meningkat sebanyak 4.1 peratus daripada 75 peratus tahun 2013 kepada 79.1 peratus tahun 2017. Di antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan sebagaimana yang saya jawab pagi tadi dalam waktu Pertanyaan Menteri-Menteri tadi iaitu iCGPA, di mana pelajar-pelajar diberi kemahiran berkomunikasi di samping kemahiran-kemahiran yang lain; program-program 2u2i iaitu dua tahun di industri dan dua tahun di universiti; melalui Program *Teaching Factory*. Ini berbeza sedikit kerana kita galakkan juga untuk supaya industri mengadakan pejabat mereka sebagaimana program *accountancy*, perakaunan di UMT di mana SALIHIN menubuhkan, membuka syarikat mereka di dalam kampus.

Pelajar-pelajar terus didedahkan dengan mata pelajaran perakaunan sejak daripada tahun pertama lagi. Program-program CEO@Faculty, Gap Year di mana melihat pelajar-pelajar mampu untuk bekerja, untuk memahami keadaan sekeliling dengan mampu untuk mengamati ataupun *to stand and to stare*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Program-program bahasa Inggeris *Malaysia English Assessment (MEA)* selaras dengan *Common European Framework of Reference for Languages (CEFR)* untuk memastikan bahasa Inggeris kita baik.

Saya katakan juga pagi tadi, konsep industri dan akademik adalah satu supaya tidak ada tembok pemisah di antara industri dan akademik. Ini boleh memastikan universiti dapat bentuk semula kurikulum dan di mana juga pihak industri boleh mengajar bersama di dalam universiti. Melalui usaha-usaha inilah kita lihat kebolehpasaran telah meningkat sebanyak 4.1 peratus kepada 79.1 peratus. Terima kasih.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan. Memang penting untuk pihak industri bekerjasama dengan universiti untuk mewujudkan satu kurikulum yang lebih relevan kepada graduan. Mengikut Laporan Bank Negara Malaysia 2016, statistik menunjukkan bahawa hanya 50 peratus industri yang ada *internship program*. Maknanya ada 50 peratus tidak ada *internship program*; 53 peratus syarikat industri juga tidak pernah mengadakan apa-apa hubungan dengan *career centre*; dan kurang daripada 10 peratus pernah bekerjasama dengan universiti untuk membantu dan memberikan nasihat bagaimana untuk mewujudkan kurikulum yang lebih relevan kepada industri.

Soalan saya ialah, apa langkah-langkah yang kementerian bercadang untuk menggalakkan pihak industri untuk memainkan satu peranan yang lebih aktif supaya universiti bersama dengan industri boleh mewujudkan kurikulum yang relevan, di mana graduan kita dapat mengadakan satu pasaran yang lebih baik.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Terima kasih Yang Berhormat. Sebagaimana saya katakan tadi, kita menggunakan pendekatan di mana industri dan akademik adalah satu. Sekarang di samping berjumpa dengan akademik, saya juga berjumpa dengan industri. Kita bertanya industri, apa yang industri perlu. Bukan hanya bertanya apa yang mereka perlu, kita tanya kepada mereka berapa ramai yang mereka perlu dan bila mereka perlu.

Saya melihat ini sudah menjadi satu kebiasaan industri sudah mari ke kampus. Saya katakan tadi, program-program yang kita laksanakan ini, program-program yang kita reka bentuk sendiri. Program 2u2i katakanlah, memberi ruang kepada industri jika mahu pelajar-pelajar berkecimpung dalam program *apprenticeship* mereka, mereka mampu atau boleh ke industri selama dua tahun daripada empat tahun yang ada.

■1140

Satu program yang kita laksanakan juga ialah program *Learn and Earn*, belajar dan juga melalui *apprenticeship* mendapat sedikit elaun. Ini dapat memberi ruang kepada pelajar bukan hanya mendapat pengalaman industri tetapi juga untuk memastikan mereka tidak berhutang apabila mereka keluar universiti nanti. Ini program-program, 2u2i, *CEO@Faculty Programme*, saya katakan tadi *Teaching Factory Gap Year*, ia memang ada di luar negara.

Perkara-perkara yang kita lakukan ini ialah perkara-perkara yang memang kita reka bentuk sendiri, kita *redesign* untuk memastikan sistem pendidikan kita ini selaras dengan kehendak industri, bukan hanya kehendak industri tetapi juga kehendak Industri 4.0. Kampus kita akan menjadi *smart campus insya-Allah* hujung tahun ini di mana pelajar-pelajar, mereka akan—program-program seperti tanpa tunai dan tanpa kad ataupun *cashless and cardless* ini akan dapat dilaksanakan. Kita cuba sebaik-baik untuk pastikan kebolehpasaran. Saya telah katakan tadi juga bahawa kebolehpasaran sekarang ini telah mula meningkat.

Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon Menteri sama ada bersetuju antara *soft skills* yang diperlukan adalah penekanan kepada psikologi daya tahan graduan supaya dapat menghadapi segala tekanan, cabaran dan peluang yang banyak di pasaran tempatan dan juga di peringkat antarabangsa. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris Jusoh: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. Oleh sebab itu dalam kita merangka Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia yang telah dilancarkan pada tahun 2015, kita mengatakan kita ingin melahirkan graduan-graduan yang holistik, yang berciri keusahawanan dan juga seimbang. Oleh itu, kita mereka bentuk penilaian universiti yang mana menggunakan penilaian *integrated CGPA* yang bukan hanya menilai kemampuan akademik pelajar semata-mata tetapi menilai keseluruhan kemampuan pelajar, psikomotor mereka, nilai-nilai mereka, kemampuan berkomunikasi mereka dan kita menggalakkan program-program *experiential learning*.

Saya katakan juga tadi bahawa dalam konteks Industri 4.0 ini, kita telah menjangkau cara penilaian yang berbeza, penilaian tanpa peperiksaan, *evaluation without examination*, boleh belajar di mana-mana, *teaching without classroom*. Ini merupakan program-program *Gap Year* yang saya katakan tadi yang memberi peluang, ruang untuk pelajar supaya kita lihat pelajar itu lebih terbuka, lebih mempunyai pengalaman persekitaran, bukan hanya pengalaman di bilik darjah dan ini *insya-Allah* mewujudkan daya tahan psikologi mereka untuk apabila mereka menghadapi kerja selepas mereka bergraduan. Terima kasih.

7. Tan Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah] minta Menteri Kewangan menyatakan, statistik terkini jumlah rampasan rokok seludup bagi tempoh 2014 hingga Januari 2018 dan apakah pendirian kerajaan terhadap cadangan industri tembakau untuk mengembalikan semula bungkusan rokok '*kiddie pack*' bagi menangani penularan rokok haram.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Mukah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah rampasan rokok seludup bagi tempoh 2014 hingga 2018 adalah seperti berikut; 2014, nilai rampasan RM38.7 juta, duti ataupun cukai yang terlibat RM283.7 juta. Tahun 2015, rampasan RM48.3 juta, duti RM315.4 juta. Tahun 2016, rampasan RM82.7 juta, duti terlibat RM648.9 juta. Tahun 2017, RM120.7 juta rampasan, duti yang terlibat ialah RM992 juta. Manakala sehingga Januari bulan pertama 2018, rampasan yang dibuat bernilai RM4.4 juta melibatkan duti cukai yang terlibat RM33.2 juta.

Berhubung dengan soalan Yang Berhormat mengenai pendirian kerajaan terhadap cadangan industri tembakau supaya dikembalikan semula bungkusan rokok '*kiddie pack*'. Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini kerajaan masih lagi menimbang cadangan tersebut dan perlu mengkaji secara mendalam termasuk meneliti kesan pelaksanaannya dengan komitmen Malaysia selaku negara *signatory* kepada, dengan izin, *The World Health Organization Framework Convention on Tobacco Control* ataupun WHO FCTC di bawah Pertubuhan Kesihatan Sedunia. Ini memandangkan kerajaan telah pun memutuskan supaya pengeluaran rokok bersaiz kecil dihentikan selaras dengan komitmen negara di bawah WHO FCTC.

Di samping itu, kerajaan juga telah pun menubuhkan Jawatankuasa Kabinet ke arah persekitaran hidup yang sihat di mana salah satu dasar yang dilaksanakan adalah untuk mewujudkan generasi bebas rokok di sekolah dan institusi pengajian tinggi dengan cara mengukuhkan penguatkuasaan terhadap penjualan dan pengedaran rokok haram di pasaran.

Walau bagaimanapun bagi membanteras aktiviti penyeludupan rokok yang semakin meningkat dan penularan rokok haram atau rokok tidak sah, kerajaan sentiasa melaksanakan pelbagai langkah kawalan dengan penguatkuasaan khususnya melalui Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Antaranya seperti berikut:

- (i) memperluaskan kerjasama N-BOS dengan pelbagai agensi termasuk PDRM dan juga SPRM;
- (ii) melaksanakan operasi *outlet* rokok yang diadakan sejak 2010 bertujuan menyekat *delivery system* penyeludupan dan penjualan di *outlet* premis-premis yang tidak sah;
- (iii) melaksanakan OPS Pacak di tempat-tempat *hotspot* bertujuan untuk membanteras pengedaran rokok tidak sah dan mengawal *supply chain* rokok seludup;
- (iv) melakukan pemantauan rapi ke atas penyalahgunaan kemudahan pulau bebas cukai dan kompleks bebas cukai, ini termasuk kawalan ke atas jualan dan pergerakan barangan kritikal rokok dan juga minuman keras;

- (v) pelaksanaan tindakan dasar penggantungan, ini penting, pelaksanaan dasar tindakan menggantung kebenaran ejen-ejen penghantaran, *folding agent* yang melakukan kesalahan di bawah Akta Kastam 1967 dan lain-lain akta yang berkaitan serta mengawal pengimportan rokok melalui lesen mengimport tembakau;
- (vi) tindakan di bawah *Anti-Money Laundering Act* dan *Anti-Terrorism Financing Act* (AMLATFA) ke atas sindiket-sindiket melalui tindakan bersama petugas khas dan agensi-agensi berkaitan; dan
- (vii) menjalinkan kerjasama erat, perkongsian maklumat di peringkat antarabangsa melalui *World Custom Organization* (WHO), *European Anti-Fraud Office* (OLAF) dan juga *Regional Intelligent Liaison Office Asia Pacific* (RILO AP).

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang kita tak setuju kalau cadangan untuk '*kiddies pack*' itu memang tidak dapat satu cara mengatasi usaha kita untuk menyekat penyeludupan. Saya ingin tahu berapa jauh lagi langkah-langkah yang kementerian atau kerajaan untuk meningkatkan lagi supaya hukuman-hukuman terhadap penyeludupan ini termasuk yang ejen-ejenya dan juga melibatkan banyak ejen di luar negara kita dan macam mana cara kita dapat memberi hukuman yang lebih berat lagi.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Terima kasih Yang Berhormat Mukah, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Antara langkah terkini, mutakhir yang telah pun kita ambil iaitu kita telah pun menangkap *folding agent* dan *shipping agent* yang telah membuat pengikraran ataupun deklarasi palsu, barang dalam kontenanya seperti rokok dan *liquor* ataupun minuman keras tetapi pengikraran atau *declaration* dibuat barang lain.

Jadi bila ditangkap, secara automatik kita telah mengarahkan pihak Kastam menggantung terus lesen mereka, tidak ada ampun, tidak ada lagi rayuan kerana mereka ini kita anggap bersubahat. Jadi ini antara langkah-langkah yang telah kita buat.

Selain daripada itu, antara langkah lain yang kita buat juga, contohnya untuk mengatasi masalah di pulau bebas cukai sebelum ini. Kita tahu pulau bebas cukai ini seperti di Labuan, Langkawi dan juga Tioman memang ada pengikraran kononnya rokok dan juga minuman keras diikrarkan sebagai *final destination*, contohnya Langkawi atau Labuan tetapi barang itu tidak sampai, *documentation*-nya telah selesai. Jadi rupanya ada pertukaran di tengah laut dan sebagainya.

Jadi sebab itulah langkah yang kita ambil, contohnya kedai bebas cukai di mana kita ada *tier* satu dan *tier* dua untuk memastikan bahawa barangan rokok ataupun *liquor* yang dimasukkan ke pulau-pulau ini adalah yang diperlukan ataupun yang sebenar. Tidak lagi contohnya ikrarnya sekian banyak tetapi yang sampainya hanya separuh tetapi yang lainnya pergi ke tempat lain.

■1150

Jadi ini adalah antara langkah-langkah selain daripada kerjasama N-BOS. Kita sedar bahawa Malaysia mempunyai pantai yang cukup panjang Semenanjung dan juga di Sabah, Sarawak dan kita juga jangan lupa sempadan darat antara Sarawak dengan Kalimantan juga kita dapat banyak lorong-lorong tikus yang juga menjadi laluan untuk penyeludupan. Akan tetapi dengan kerjasama antara kastam antara UPP, Polis Diraja dan sebagainya agensi-agensi penguatkuasaan ini, maka kita telah dapat mengurangkan dan malahan kalau tengok statistik yang telah saya baca tadi rampasan yang dibuat itu semakin meningkat.

Ini bermakna inilah kerja-kerja yang dibuat oleh agensi yang secara N-BOS lebih berkesan dan terbukti dengan jumlah tangkapan yang lebih tinggi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: *Point of order*, Tuan Yang di-Pertua. Bukan pasal soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Setiu.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: *Point of order* pasal perkara lain.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat Setiu boleh selepas sesi soal jawab.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Okey, terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Hakim pun tak tahu peraturan kah.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: *Point of order at anytime* lah. Retilah peraturan sikit. Kalau tak tahu, jangan kata tahu.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Speaker kata tunggu selepas itu...
[*Dewan riuh*]

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Setiu, ini *Q&A session*, mana boleh *point of order*.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Peraturan Dewan boleh ditimbulkan pada bila-bila masa. Faham sikit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat Setiu, nanti selepas sesi soal jawab. Soalan nombor 7, siapa yang berminat soalan tambahan. Tiada.

Yang Berhormat Dato' Fauzi bin Abdul Rahman, Indera Mahkota.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Ha! Baru betul, saya hendak tanya pun kacau.

8. Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) jumlah pelaburan dari negara China dan pecahan mengikut projek; dan
- (b) apakah jenis projek yang diluluskan dan perjanjian-perjanjian tertentu antara Malaysia dan China di dalam projek Malaysia-China Kuantan Industrial Park (MCKIP) di Gebeng, Kuantan, Pahang.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Chua Tee Yong]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah keseluruhan pelaburan dari negara China di sektor perkilangan yang diluluskan sepanjang tempoh tujuh tahun 2010 sehingga tahun 2017 adalah sebanyak 180 projek dengan nilai RM22 bilion.

Kesemua projek tersebut dijangka menjana sebanyak 38,643 peluang pekerjaan, 92 peratus daripada pecahan-pecahan adalah terdiri:

- (i) dari segi pelaburan, perkilangan dalam produk logam asas;
- (ii) produk galian bukan logam;
- (iii) produk elektronik dan *electrical*;
- (iv) kelengkapan pengangkutan;
- (v) produk plastik; dan
- (vi) alat-alat sains dan pengukuran.

Tuan Yang di-Pertua, projek-projek yang diluluskan di *Malaysia-China Kuantan Industrial Park* (MCKIP) melibatkan syarikat dari negara China yang telah melaksanakan pelaburan berskala besar dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan di Malaysia. Antaranya adalah Alliance Steel (M) Sdn. Bhd., Ye Chiu Non-Ferrous Metal, LONGi Solar, Jinko Solar Technology, Ji Kang Dimensi, Shine Solar, *Xiamen University* dan Huawei Technologies Sdn. Bhd.

Perjanjian-perjanjian strategik bagi pelaburan telah ditandatangani di antara Malaysia dan China di dalam projek Malaysia-China Kuantan Industrial Park di Gebeng, Kuantan iaitu pemilikan saham antara konsortium Malaysia dengan China bagi penubuhan syarikat usaha sama MCKIP, memorandum persefahaman antara Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur dan Kumpulan Pelabuhan Antarabangsa Teluk Guangxi Beibu melibatkan pembangunan tiga projek di MCKIP iaitu kilang besi, kilang aluminium, dan loji penapisan minyak sawit. MOU di antara Kumpulan Pelabuhan Antarabangsa Teluk Guangxi Beibu dan kumpulan Rimbunan Hijau untuk pelaburan dalam loji penapisan minyak sawit di MCKIP.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat komited dalam usaha menarik pelaburan yang berkualiti tinggi ke dalam negara. Ia antara lain dapat memberi impak positif kepada negara terutamanya dari segi menawarkan peluang perniagaan dan peluang pekerjaan bernilai tinggi kepada rakyat tempatan. Pelaburan sedemikian daripada syarikat-syarikat dari negara China telah banyak membantu merangsang pembangunan ekonomi negara. Sekian, terima kasih.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya pertama berkenaan dengan pelaburan di dalam MCKIP dikatakan bahawa ia adalah gabungan antara satu konsortium Malaysia dengan syarikat China. Bolehkah saya tahu lebih lagi *detailnya* berapa peratus konsortium dan siapa dalam konsortium itu yang terlibat di dalam MCKIP.

Kedua, apakah usaha kerajaan. Saya kita menyambut baik mengalu-alukan kehadiran pelabur-pelabur termasuk daripada negara China tetapi ada apakah Yang Berhormat Menteri pernah dengar bahawasanya kuasa-kuasa tempatan hendak masuk dalam MCKIP ada masalah sedikit. Kebimbangannya ada isu-isu lain dari segi keselamatan mungkin perkara-perkara yang tak diingini yang berlaku di dalam itu yang tak dapat dikawal oleh orang kita.

Jadi apakah pandangan Yang Berhormat dan kalau boleh satu lagi iaitu apakah usaha kerajaan sebab China ini bagus dalam bidang perkilangan besi, pengeluaran besi, pemprosesan besi untuk mempertingkatkan kilang-kilang besi dan juga kilang-kilang kelapa sawit dalam negara kita. Terima kasih.

Datuk Chua Tee Yong: Terima kasih atas soalan tambahan. Dari segi pemilikan saham khususnya untuk MCKIP dia adalah di antara konsortium Malaysia dengan China di mana Kuantan Pahang Holding Sdn. Bhd. mempunyai 51 peratus daripada saham dan 49 peratus adalah Guangxi Beibu Gulf Asean Investment Co. Ltd. Dia sama seperti di kalau kita bandingkan khususnya di *Qinzhou China-Malaysia Industrial Park* di mana CMQIP ini dimiliki oleh 49 peratus oleh syarikat di Malaysia dan 51 peratus dari negara China.

Ini kerana dia adalah boleh dikatakan kerjasama di antara dua buah negara dari segi menarik pelaburan. Dari segi pelaburan-pelaburan yang ditarik khususnya sebagai contoh yang dikatakan mengenai besi dan sebagainya Alliance Steel dia sebenarnya mengeluarkan sejenis besi khususnya untuk infrastruktur dan kita ada menetapkan supaya kebanyakan pengeluarannya adalah khususnya untuk dieksport dan bukan pasaran dalaman.

Nombor tiga, dari segi isu keselamatan, memang setiap *industrial park* dia mempunyai sistem pengawalan diri sendiri untuk mengawal dari segi keselamatan boleh dikatakan pelaburan-pelaburan yang sedia ada bukan sahaja di sini tetapi di *industrial park-industrial park* yang lain. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Mencelah? Yang Berhormat Rantau Panjang.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya daripada jumlah projek yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, berapa ramaiakah pekerja-pekerja tempatan yang sedang bekerja di bawah semua projek-projek yang telah disenaraikan tadi.

Datuk Chua Tee Yong: Salam bahagia. Dari segi jumlah itu saya tidak ada *figure* tetapi saya difahamkan telah ditetapkan bahawa terdapat bilangan pekerja-pekerja tempatan sebagai contoh untuk Alliance Steel. Saya fahamkan ada 1,000 hingga 2,000 tetapi dari segi maklumat terperinci kita akan bagi secara bertulis. Sekian, terima kasih.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: *Point of order.*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Anyi Ngau.

Tuan Anyi Ngau [Baram]: Terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tengok *point of order* sahaja [Ketawa]

9. Tuan Anyi Ngau [Baram] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, status Projek Bekalan Elektrik (BELB) di kawasan Long Teran dan Kawasan Peking, Tinjar, Long Bemang, Long Atip, Long Bedian dan Long Wat, Apoh sehingga kini.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk menjawab soalan nombor 9 dari Yang Berhormat Baram.

Untuk makluman Yang Berhormat Baram, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah siap melaksanakan Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar secara sistem solar hibrid di kawasan Long Bemang pada 11 April 2017. Penduduk telah pun mendapat bekalan elektrik secara 24 jam.

Bagi kawasan Long Bedian, Long Wat dan Long Atip pula kementerian sedang melaksanakan projek BELB juga secara sistem *solar hybrid* dengan anggaran kos keseluruhan berjumlah RM146.7 juta. Projek ini dijangka akan memberi manfaat kepada 582 buah premis dan dijangka siap pada 2 Mei 2018 ini.

Untuk kawasan Long Teran, Kawasan Peking, dan Tinjar kementerian akan memaklumkan kepada pihak Kementerian Utiliti Sarawak selaku kementerian yang bertanggungjawab bagi dimasukkan ke dalam senarai keutamaan pelaksanaan projek BELB di negeri Sarawak. Sekian, terima kasih.

Tuan Anyi Ngau [Baram]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan.

■1200

Saya tanya masalah ini sebab saya percaya bahawa BELB di kawasan Long Atip, Long Wat ini memang sudah lama dilaksanakan. Kita hendak tahu, apakah masalah yang sebenarnya yang mengehadkan pelaksanaan projek-projek ini? Oleh sebab kita nampak sampai sekarang ini di sesetengah kawasan di kawasan Baram, pihak kerajaan negeri sedang melaksanakan satu inisiatif untuk membekalkan elektrik ke kawasan-kawasan pedalaman melalui satu konsep yang dinamakan sebagai SARES. Kita mendapat aduan daripada orang kampung yang mengatakan bahawa SARES ini ada lambat. Ia baru sahaja dilaksanakan tetapi ia dapat dipercepatkan, pelaksanaan ia cepat. Jadi, saya hendak tahu kenapa ini ada lambat dan ada yang BELB ini yang *solar hybrid* ini lambat ini? Minta penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya buat masa sekarang peratusan di Long Uwad dan Long Atid, memang belum siap. Peratusannya kemajuan projek ini yang Kampung Long Uwad ini hanya 49.1 peratus dan Long Atid ini hanya 38.4 peratus.

Jadi, memang ada masalah teknikal dan sebagainya. Untuk jawapan yang lebih terperinci Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan kepada Yang Berhormat ini secara bertulis. Oleh sebab perlu kita kaji dan semak sebenarnya, selain daripada masalah-masalah teknikal, mungkin ada masalah lain. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi bagi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir. Ya, Yang Berhormat Setiu.

[Waktu Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan tamat]

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bangkitkan *point of order* berkenaan dengan kelakuan tidak senonoh, yang mencemari kemuliaan Dewan kita. Peraturan 44(5)...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Untuk diri sendirikah?.. *[Dewan ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang Berhormat Sepang kurang ajar. Jangan kurang ajar ya. Semalam Tuan Yang di-Pertua sudah membuat satu keputusan menggantung Yang Berhormat Gelang Patah selama enam bulan. Akan tetapi semalam sudah diarahkan keluar tetapi masih ada lagi pada hari ini. Ini satu perbuatan yang tidak senonoh pada saya dan melanggar peraturan Dewan kita.

Jadi, saya minta supaya pihak Tuan Yang di-Pertua mengambil tindakan di bawah 44(5), "*Jika seseorang Ahli telah digantung daripada perkhidmatan Majlis Mesyuarat, dia hendaklah diarahkan keluar daripada Mesyuarat dan tidak boleh mengambil bahagian dalam Mesyuarat sehingga tempoh penggantungan itu tamat*". Akan tetapi sekarang ini Yang Berhormat Gelang Patah masih ada di sini. Seorang yang begitu *senior*, 1969 lagi dan memberikan contoh kepada kita perkara-perkara yang tidak senonoh seperti ini. Jadi, minta ambil tindakan di bawah 44(7). Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak nampak Yang Berhormat Gelang Patah dalam Dewan... *[Dewan ketawa]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Malulah Yang Berhormat Setiu.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Setiu malu.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Hei! Ini Tuan Yang di-Pertua hanya tutup sebelah mata, bukan tidak nampak. Hendak beritahu bahawa degilnya Yang Berhormat Gelang Patah ini, terlampau degil!

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat!

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: *[Bangun]*

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Sudah buat keputusan pun tidak ikut.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Setiu, tidak perlu...

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Sama macam Yang Berhormat Sepang, degil... *[Dewan riuh]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ini peraturan Dewan.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Setiu... *[Dewan riuh]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Dia terlepas kapal, dia terlepas kapal... [Dewan riuh]

Tuan Yang di-Pertua: [Mengetuk tukul] [Dewan riuh]

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Bukan kita, sana.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ini peraturan Dewan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Dia terlepas kapal. Semalam...

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Apalah.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: ...Yang Berhormat Gelang Patah sudah duduk, sudah undi dah.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Setiu...

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Eh! Bacalah peraturan.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Belah bahagi dia sudah undi pun.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk Yang Berhormat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Sudah terlepas kapal... [Dewan riuh]

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Yang di-Pertua suruh duduk. Yang Berhormat 'kapur', Tuan Yang di-Pertua suruh duduk... [Dewan riuh]

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Jangan buang masa.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Baca 44(5).

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Semalam, guna semalam, bukan hari ini.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Peraturan 44(5), 44(7).

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Guna semalam, guna semalam [Ketawa] Terlepas kapal.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Saya minta *point of order*.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang terlepas kapal ini buat apa?

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Hei! Kamu siapa? Kamu siapa?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Semalam belah bahagi, Yang Berhormat Gelang Patah undi.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Saya minta dengan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Faham? Tidak faham juga?

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Apa yang tidak faham? Kamu yang tidak faham.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tidak faham?

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Saya minta daripada Tuan Yang di-Pertua, buat keputusan sekarang. Terima kasih.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *Level?*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua cakap dia tidak nampak. Kau seorang yang nampak. Diamlah... [Dewan riuh]

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Dia tutup sebelah matalah Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Sepang pun tidak nampak. Yang Berhormat Sepang tidak nampak... *[Dewan riuh]* Buat bodoh sahaja. Memang sudah bodoh, buat bodoh. Apa ini.

Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]: Itu manusia kah atau hantu?... *[Dewan ketawa]*

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang Berhormat Gelang Patah, jangan kurang ajar dalam Dewan.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ini apa ini Tuan Yang di-Pertua, perkataan.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ya. Apa ini? Saya cakap fasal apa?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Apa perkataan ini.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Saya bercakap fasal apa?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Semalam... *[Dewan riuh]*

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ini peraturan Dewan. Dengarlah keputusan.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Tarik balik perkataan 'kurang ajar' Yang Berhormat Setiu... *[Dewan riuh]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Siapa kurang ajar? *You* kurang ajar.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Apa... Buang lah! *[Mengacah mahu membaling buku Peraturan Mesyuarat]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Buanglah, buanglah.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Buanglah. Tidak payah...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Angkat Yang Berhormat Setiu, buang.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Hei! Kalau berani, buang!

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Bodoh punya.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Bodoh! *You* lagi bodoh.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: *Nang butinang, kui butikui* punya orang.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Sudah duduk apa fasal. Pengecut?

Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]: Yang Berhormat Kapar kapur, apa hal?

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Sorong papan, tarik papan, buah keranji dalam perahu...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Buanglah. Tadi hendak buang, sekarang buang. Kalau berani, buang !

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Suruh makan saya makan, suruh bergaduh saya tidak mahu...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: ...Herolah. Tidak payah hero.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Dengarlah keputusan.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Sudahlah.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Apa?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Apa?

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Oh! Sudah kena batang hidung sendiri.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Apa?

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Inilah dia tunjuk perangai.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Apa batang hidung?

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Inilah perangai pembangkang-batang hidung, tidak hendak terima.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Belajar, belajar, masuk tadika ya.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Okey, Yang Berhormat Setiu, nama itu akan dimasukkan balik dalam senarai calon... [Dewan ketawa]

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang kuat menjerit jadi calon.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tidak boleh, *thank you*. Yang kuat menjerit jadi calon.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Dia sudah jadi- masuk jadi Amanah...

Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]: Yang tidak Amanah mana ada tempat.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Tidak ada 'kaler' hijau sudah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Nama itu cukuplah. Cukuplah tunjuk hero itu, cukuplah tunjuk hero itu.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Jadi, oren...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya difahamkan tadi, pegawai Perdana Menteri kata nama itu akan dimasukkan balik.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Jangan lompat sudah ya, jangan lompat sudah... [Dewan riuh]

Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]: Yang Berhormat Pokok Sena, duduk bawah pokok sahajalah.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya panjang masa untuk duduk di sini dengar begitu. *I don't mind. This is your Parliament.* Ini kerana kalau saya tegur pun, apa pun petua saya, tidak didengari, buat apa mahu respons *point of order*. Sila Yang Berhormat. *Do as you like. I can sit. Ada lagi? Please, ada lagi?*

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *Thank you.*

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi? Yang Berhormat Kapar, sambung lagi. Sila... [Dewan riuh]

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta Tuan Yang di-Pertua teruskan dengan urusan Mesyuarat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi? Yang Berhormat Sepang, sila.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya menyokong usul daripada Yang Berhormat Kapar... [Dewan ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi? *I can wait for the whole day.*

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak keluar sekejap... [*Dewan ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, *point of order* itu adalah *proper*. Saya kata saya tidak nampak Yang Berhormat Gelang Patah. Oleh kerana kalau saya nampak Yang Berhormat Gelang Patah, terpaksa saya arahkan keluar lagi. Akan tetapi Yang Berhormat Gelang Patah tidak mahu keluar sejak daripada kelmarin.

Jadi, opsyen saya ialah seperti kelmarin saya kata, saya arahkan polis untuk angkat tetapi saya tidak mahu terlibat dengan kerenah-kerenah Ahli-ahli Yang Berhormat. Nanti dinampak oleh pemberita daripada luar negara, seolah-olah Parlimen Malaysia ini langsung sudah hilang etika sebagai Ahli Yang Berhormat, hilang adab dan sedemikiannya.

■1210

Tidak apa, saya yang bersabar. *This is your Parliament. I can say what I have to say outside if I were to be asked. So,* itu sebab kenapa saya tidak nampak Yang Berhormat Gelang Patah.

Saya terbaca satu buku yang ditulis oleh Selwyn Llyod dalam buku '*Mr. Speaker, Sir*'. Dalam satu *chapter* dia mengatakan kalau Speaker itu telah memberi arahan kepada Ahli Yang Berhormat dan berdegil-degil juga, *just turn a blind eye as if you don't see* Yang Berhormat yang berkenaan.

Jadi Yang Berhormat Gelang Patah saya tidak nampak dalam, dia tidak boleh *participate* dalam prosiding Parlimen, dia tidak boleh bercakap apa-apa pun. Jadi nanti Ahli Yang Berhormat yang lain, nanti kalau ada Yang Berhormat yang berbuat begitu, saya tidak akan halau keluar, *you stay*. Kalau nanti kalau ada yang berteriak-teriak macam tadi itu, *you do as you like. I will sit here patiently until you are satisfied*.

So, itu adalah satu *precedent* yang saya buat lagi, *that is...*

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: ...*Speaker* dengan Timbalan saya, *we can turn a blind eye, we don't see the person that has been ordered to be out. Pick your choice. Not my Parliament, it is your Parliament, it is your Majlis.* Sila Setiausaha teruskan.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PERKHIDMATAN BOMBA (PINDAAN) 2018

Bacaan Kali Yang Pertama

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tan Sri Haji Noh bin Omar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar macam suara di luar Dewanlah... [*Dewan ketawa*] Saya pun dengar tapi saya tidak nampak.

Saya amat menyokong apa yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Kerajaan yang buta hati, buta mata. *That's why* tidak dengar, tidak nampak.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya pun sudah lama juga. Saya sudah 25 tahun dalam Dewan, suara itu saya biasa dengar tapi saya tidak nampak. Jadi saya teruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, teruskan.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang bijaksana yang kata-katanya penuh bermakna.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Saya mohon mengemukakan- saya ingat dengar suara yang tidak tahu apa kita bincang dalam Dewan sebab dia tidak ada dalam Dewan.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Jadi kalau tidak ada dalam Dewan, jangan kacau Dewan. Ini urusan saya.

Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]: Ada suara hantu.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Ya lah mungkinlah hantu sebab hantu yang dia tidak faham bahasa. Kalau manusia, dia faham bahasa. Ini hantu dia tidak faham bahasa. Faham tidak, hantu?

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Menteri jangan biadab, Menteri.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Apa?

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Jangan biadab.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Kenapa jangan biadab?... Siapa yang biadab?

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Adakah Menteri kata...

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Ini *floor* saya.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Masuk Dewan lagi biadab.

Datuk Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]: Hantu pun dia tidak biadab.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Saya dijemput oleh Tuan Yang di-Pertua. *You* yang biadab! *Sit down! This is my floor!*

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Apa *sit down*? Speaker tidak panggil.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: *You sit down! It's my floor.*

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: *You are not a Speaker.*

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]: *You are also not a Speaker yourself.*

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: *You are a not a Speaker, you don't have right to instruct me.*

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Sekarang giliran saya, *you* faham?

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Menteri tidak ada hak untuk mengarah saya.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: *Shut up! Sit down!*

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: *You don't have right to instruct me. You are not a Speaker.*

Tan Sri Haji Noh bin Omar: *My floor.* Tidak tahu peraturan kah? Ini *floor* saya. Saya dijemput oleh Speaker.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Menteri pun tidak ada peraturan, apa yang biadab sangat ini? Cakap hantu, hantu ini.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: *You* lah kurang ajar. Duduk.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Siapa yang kurang ajar?

Tan Sri Haji Noh bin Omar: *You* jangan kurang ajar sama saya.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Siapa yang kurang ajar?

Datuk Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]: Duduklah Yang Berhormat Serdang.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: *You* lah. Baru duduk dalam Parlimen, jangan nak bercakap banyaklah. Duduklah.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Apa duduk, duduk?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Point of order.*

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Menteri bukan...

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Baik, saya hendak teruskan.

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perkhidmatan Bomba 1988; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tan Sri Haji Noh bin Omar]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Point of order.* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Nombor satu, Tuan Yang di-Pertua, kita kehilangan maruah Parlimen bila... [*Dewan riuh*]

Datuk Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]: Pembangkang yang tidak ada maruah ini. Kacau Dewan, macam mana hendak habis?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Saya mengatakan mengenai...

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Kalau ada maruah, semalam sudah keluarlah.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *This is uncivilized minister.*

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Kalau ada maruah, semalam sudah keluar. Siapa yang tidak ada maruah? *You all* yang tidak ada maruah. Kalau saya kena halau, saya sudah keluarlah. Ini sudah kena halau, muka tidak tahu malu, duduk lagi dalam Dewan ini.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, *he is the most unsuitable Member of Parliament to be here today.*

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya ingin bangkit adalah bila beliau menggunakan 'hantu' terhadap seorang Ahli Parlimen, adakah ini *unparliamentary* atau tidak, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk dulu, Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Bukan. Saya mengemukakan adakah dia akan menarik balik perkataan tersebut kerana *this very unruly and very gangster type of speech made by* Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: *Point of order* berapa?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Bila *you* jadi Speaker?

Tan Sri Haji Noh bin Omar: *Point of order* berapa?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Duduklah!

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Siapa suruh *you* bangun? Ini tak ada peraturan.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Ini pun tidak ikut peraturan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Otak kamu di mana? *Shame on yourself. Speaker is there.*

Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]: Hei, Yang Berhormat Ipoh Barat, duduk Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Shut up and sit down.*

Tan Sri Haji Noh bin Omar: *Point of order* berapa?

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Menteri, ini kah ikut peraturan?

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Ini *lawyer* haprak lah.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ini *you* punya bapa punya Parlimen kah? Duduklah!

Tan Sri Haji Noh bin Omar: *Point of order* berapa? "*Point of order*", "*Point of order*".

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *You don't understand. You can't speak English properly. You know the video...*

Tan Sri Haji Noh bin Omar: Apa? *Childish* lah *you*. *You* ingat ini personel?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *The video you cannot even speak proper English. You cannot articulate. How do you pass your law exam? Substandard.*

Tan Sri Haji Noh bin Omar: *Childish!*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, *I am waiting for your...*

Tan Sri Haji Noh bin Omar: "*Point of order*", "*Point of order*". Buku peraturan pun tidak ada, "*Point of order*".

Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]: Yang Berhormat Ipoh Barat jangan cakap fasal bapa, nanti semua keluar jadi hantu.

Tan Sri Haji Noh bin Omar: *You* jangan nak mainlah dengan saya. Buku peraturan pun tidak ada. Sebutlah *point of order* berapa.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Perangai daripada dulu lagi.

Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]: Yang Berhormat Ipoh Barat, apa cerita fasal bapa? Nanti semua keluar jadi hantu... [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: [*Ketawa*] *I am having the last laugh.* Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri sekarang ini yang mesti buat *self-restraint*. Saya tidak akan buat *ruling point of order* lagi. *You do as you like.* Sila, Setiausaha.

Sebelum itu, Setiausaha, kita terlupa- seronok juga mendengar... [*Dewan ketawa*]
Macam budak-budak Tingkatan 1, Darjah 6.

Sila Menteri usul di bawah Peraturan Mesyuarat 12(1).

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

12.18 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), saya mohon mencadangkan bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan usul-usul Menteri Kewangan di No.1, No.2 dan No.3 dan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018 di No.4 seperti yang tertera dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Isnin, 2 April 2018."

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang menyokong?

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]:
Saya mohon menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan]

Tuan Yang di-Pertua: Jadi kalau saya sebut bahawa suara tadi yang tidak setuju itu yang saya kata itu yang perlu diikuti, tiada bahaslah kan?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Gelang Patah boleh bahaslah, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Begitukan? Tiada bahaslah. Saya senang tiada bahas, saya tidak ada kerja- lebih suara yang bersetuju. Maka terpaksa bahas.

[Usul disetujui]

Tuan Yang di-Pertua: Jangan ganggu kerana ini adalah persidangan Ahli Yang Berhormat, bukan saya. Saya cuma duduk sini mendengar supaya jangan ada gaduh.

■1220

USUL MENTERI KEWANGAN

AKTA PENDANAAN KERAJAAN 1983

12.20 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera dan salam negaraku Malaysia.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Khandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan satu resolusi berkaitan ketetapan mengenai pemindahan wang Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) daripada Akaun Pinjaman Disatukan kepada akaun Kumpulan Wang Pembangunan mengikut keperluan seksyen 4(b), Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275].

Resolusi ini dibentangkan supaya kerajaan memindahkan sebanyak RM33,500 juta wang terimaan Akaun Pinjaman Disatukan daripada baki semasa MGII tahun 2017 yang pada masa ini berada dalam Akaun Pinjaman Disatukan kepada akaun Kumpulan Wang Pembangunan untuk menampung keperluan perbelanjaan pembangunan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kumpulan Wang Pembangunan ialah satu kumpulan wang amanah kerajaan yang ditubuhkan mengikut Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 bagi tujuan membiayai projek pembangunan. Salah satu sumber dana yang terdapat dalam akaun Kumpulan Wang Pembangunan adalah melalui pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan.

Seksyen 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 memperuntukkan bahawa terimaan daripada Terbitan Pelaburan Kerajaan hanya boleh dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan setelah mendapat kelulusan Dewan Rakyat dengan resolusi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekuriti pinjaman berasaskan syariah ini telah diterbitkan oleh kerajaan di bawah Akta Pendanaan Kerajaan 1983. Antara tujuan utama terbitan berasaskan syariah ini adalah bagi meningkatkan pembangunan pasaran kewangan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon mencadangkan resolusi berkaitan ketetapan pindahan baki semasa tahun 2017 bagi MGII sebanyak RM33,500 juta daripada Akaun Pinjaman Disatukan kepada akaun Kumpulan Wang Pembangunan untuk diluluskan di Dewan Rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Siapa yang menyokong?

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Wira Razali bin Ibrahim]: Saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk di bahas. Ya, Yang Berhormat Kelana Jaya.

12.22 tgh.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ucapan saya pendek. Perbincangan ini isunya satu perenggan tetapi saya rasa kita perlu mendapatkan butiran lanjut, itu penting. Apa yang lebih penting daripada itu ialah, apakah RM33.5 bilion ini digunakan?

Saya difahamkan bahawa *Malaysian Government Investment Issue* (MGII) ini adalah bon yang dikeluarkan oleh kerajaan kepada *domestic capital market*. Maknanya kepada kita sendirilah, tempatan ya dan berbentuk dalam sukuk dan adalah *shariah compliant* dalam bahasa Inggeris.

Oleh itu, ia berlainan daripada MGS yang biasa. Saya minta Yang Berhormat Menteri memberi butiran lanjut kepada semua item yang jumlah besarnya adalah RM33.5 bilion. Oleh sebab biasanya kalau kita buat satu *issuance capital market* ini, ia berbentuk di antara RM2 bilion ke RM5 bilion sahaja. Maknanya memang terdapat kemungkinan 10 *issuances* atau lima *issuances*. Saya minta Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan penuh tentang isu ini dan khasnya menjawab tiga lagi *sub questions* yang saya ada.

Pertama ialah siapakah yang membeli— siapakah pembeli? Biasanya kita tahu EPF. Saya hendak tahu EPF beli berapa? Nombor dua ialah daripada RM33.5 bilion ini, maknanya *issuance* ia berapa? Berapa *issuance*? *How many times have you done it?* Bilakah ia diterbitkan? Kita tahu, saya dengar Yang Berhormat Menteri kata tadi tahun 2017. Bila? Pada permulaan 2017 berapa *issuance*? Pertengahan tahun berapa *issuance*? *So on and so forth*.

Saya hendak tahu juga, oleh kerana sukuk ini tidak ada faedah sebab ia *shariah compliant*, tetapi apa yang kita tahu ialah ia berbentuk *profit payment*. *Profit payment* ini kadang-kadang dibayar mengikut setengah tahun ataupun *every quarterly*. Saya hendak tahu, apakah *profit payment* ini? Kalau boleh kita bandingkan dengan isu faedah, *what is the real coupon rate*? Walaupun saya faham bukan faedah, *profit payment*, adakah ia empat peratus, lima peratus ataupun adakah apa-apa kupon lain dengan MGII ini?

Sekiranya Yang Berhormat Menteri tidak boleh memberi *details* sekarang, saya faham. Kalau boleh itu, *best*-lah. Kalau tidak boleh, secara bertulis. Akan tetapi saya hendak kata yang ini, lain kali apabila kita hendak bantangkan usul atau resolusi sebesar RM33.5 bilion, kerajaan patutnya memberi semua butiran tanpa saya minta. Itu penting sekali, *how can we pass RM33.5 billion even though it is a transfer, an accounting transfer* lah. *This is what I read the issue to be*. Mesti beri semua butiran.

Poin terakhir saya ialah ini. Kita boleh *pass* RM33.5 bilion ini ya. Ia lebih besar, jauh lebih besar daripada *RM2.6 billion*. Akan tetapi, apakah ia digunakan untuk? *What is it for*? Adakah untuk operasi kerajaan biasa ataupun *settle* isu-isu 1MDB, IPIC? *We have to know* semua duit ini digunakan untuk apa dan untuk kebaikan apa? Adakah ia membawa manfaat kepada kita atau untuk selesaikan hutang-hutang kita? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kepong.

12.26 tgh.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, bon-bon di dalam MGII akan dipindah kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Walaupun usul ini dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini setiap tahunlah boleh dikatakan, setiap tahun...

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Setiap sesi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Setiap sesi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, setiap sesi Yang Berhormat Kepong mengambil bahagian dalam perbincangan ya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, setiap sesi. Ini kerana kita tidak ada butiran hendak bahas dengan lanjut, itu mustahil. Walau bagaimanapun, dengan jumlah RM33.5 bilion ini, adakah bon-bon ini hanya dibeli oleh EPF ataupun badan-badan berkanun yang lain? Adakah ini terlibat dengan syarikat asing yang membeli bon-bon ini? Kita mesti tahu. Di sini saya nampak daripada RM46 bilion bajet tahun ini, RM46 bilion pembangunan.

Adakah wang ini akan digunakan untuk projek-projek pembangunan yang jumlah RM46 bilion ini untuk tahun ini? Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, di dalam Dewan ini pula Yang Berhormat sendiri Timbalan Menteri Kewangan sudah sebutkan mengenai RM100 bilion untuk MRT1, MRT2, dan MRT3. Adakah wang ini akan digunakan untuk projek pengangkutan tersebut? Dengan ini, kita berharaplah semua wang RM33.5 bilion ini akan digunakan dengan telus dan dengan penuh *accountability*. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

12.29 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saudara saya dari Kelana Jaya dan juga Kepong di atas perbincangan sikit tentang resolusi yang saya bawa pada pagi ini.

Untuk makluman Dewan, untuk makluman Yang Berhormat Kepong dan juga Yang Berhormat Kelana Jaya, pertama sekali berkaitan dengan RM33.5 bilion ini digunakan untuk apa. Kita sudah sebutkan awal tadi, di mana kegunaan keseluruhannya adalah untuk projek-projek pembangunan.

Sebenarnya untuk Bajet 2018 ini, kita telah gunakan. Kita telah memperuntukkan tahun 2017 sebanyak RM44 bilion. Jadi, sebahagian daripada sumber-sumber kita ini adalah daripada MGII dan juga MGS. Jadi semua ini adalah saya katakan untuk projek-projek pembangunan, sekolah, hospital, jalan dan sebagainya.

■1230

Ia tidak digunakan untuk tujuan lain. Kedua, item seperti yang diminta oleh Yang Berhormat Kelana Jaya tadi berkaitan dengan *details*. Untuk makluman kita, untuk sepanjang tahun 2017 kita telah mengeluarkan, kita telah *issue* sebanyak RM53.5 bilion kemudian ditolak semula pembayaran sebanyak RM20 bilion jadi net nya adalah RM33,500 juta ataupun RM33.5 bilion.

Ia dikeluarkan sebanyak 16 kali bermula daripada Jun 2017 sampailah sehingga bermula daripada Januari sehingga Disember, 16 kali pengeluaran dan kadar-kadarnya, *tenure* daripada pinjaman tersebut bermula daripada empat tahun dan itu paling rendah dan sepanjang paling jauhnya, paling lama adalah 30 tahun pembayaran balik dan daripada 16 kali pengeluaran ini seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Kelana Jaya ada yang RM3.5 bilion, ada yang RM4 bilion, ada yang RM2.5 bilion *detail*-nya ada di sini. Kadar ataupun dipanggil kupon tadi berlegar secara puratanya adalah empat peratus, yang paling rendah adalah 3.2 peratus dan paling tinggi adalah 4.7 peratus bergantung kepada *tenure* ataupun *term* dalam pembayaran balik.

Jadi seterusnya sumber-sumber. Sumber-sumber dana ini MGII telah diambil, telah *disubscribe* oleh antaranya Pertubuhan-pertubuhan Keselamatan Sosial iaitu sekitar 34 peratus oleh EPF. Kemudian 4.2 peratus oleh Kumpulan Wang Amanah Persaraan. Kemudian 3.5 peratus oleh syarikat-syarikat insurans, 1.5 peratus daripada Bank Negara Malaysia, 37.6 peratus oleh institusi perbankan. Kemudian Institusi Kewangan Pembangunan (DFI) 6.6 peratus, lain-lain institusi bukan kewangan 0.2 peratus, pemilik-pemilik asing 6.9 peratus dan lain-lain 5.4 peratus.

Jadi itu adalah berkaitan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kepong dan juga...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kelana Jaya bangun Yang Berhormat.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Penjelasan ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. saya hendak tanya tentang 37 peratus bank-bank yang beli itu, adakah ia semuanya bank-bank tempatan ataupun *this investment fund or just bank directly* ataupun bank beli *on behalf of the investment fund*?

Dato' Wira Othman bin Aziz: Ini adalah institusi perbankan. *Can be commercial bank, can be merchant bank and all that* dan juga ada DFI sebanyak 6.6 peratus. *Details* saya ingat *I cannot reveal here, I don't have the data*. Cuma untuk *in term of percentage, it comes out from* disebut sektor kewangan, institusi perbankan. *So, it can be from various bank* lah. Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah perkara 1 hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

USUL MENTERI KEWANGAN

AKTA KASTAM 1976

12.34 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 11(1) Akta Kastam 1967 supaya Perintah Duti Kastam yang dibentangkan di hadapan majlis ini sebagai kertas statut, bilangan ST.37/2018 disahkan.”

Perintah Duti Kastam (Anti Lambakan) 2018. Perintah ini diwartakan bertujuan mengenakan Duti Anti Lambakan muktamad ke atas produk keluli tahan karat, gelung sejuk, *cold-rolled stainless steel coil*, dengan izin, yang diimport daripada empat buah negara iaitu Republik Rakyat China, Republik Korea, *Chinese Taipei* dan Thailand pada kadar 2.68 peratus hingga 111.61 peratus.

Berkenaan Duti Anti Lambakan ini dibuat selaras dengan peraturan di bawah seksyen 24, Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993, Akta 504 dan subseksyen 11(1), Akta Kastam 1967, Akta 235 dan berkuat kuasa bagi tempoh lima tahun mulai 8 Februari 2018 hingga 7 Februari 2023. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Siapa menyokong?

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Henry Sum Agong]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah sekarang terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Kepong.

12.35 tgh.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, walaupun nampak tidak banyak yang disebutkan mengenai anti lambakan untuk besi keluli. Akan tetapi ekoran daripada tarif yang dikenakan oleh Trump, Amerika 25 peratus ke atas besi keluli daripada pelbagai negara. Saya nampak tarif itu pun sudah melibatkan Republik Korea dan sebagainya.

Di sini saya pernah membahaskan mengenai hal ini pada sesi yang lepas juga mengenai besi keluli. Nampaknya tiap-tiap kali diadakan usul seperti ini untuk meneruskan cukai yang dikenakan kepada produk daripada keempat-empat negara ini. Bolehkah Yang Berhormat jelaskan di sini sampai bilakah kita kenakan duti seperti ini ke atas keempat-empat negara itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kepong. Memang saya akui telah pernah membawa dalam Dewan ini sesi yang lepas bulan 10, Yang Berhormat juga mengambil bahagian dalam perbincangan perbahasan- yang itu kita bawa, kita katakan sebagai ketetapan sementara- sementara kita membuat siasatan. Jadi setelah kita selesai membuat siasatan maka yang saya bawa hari ini, yang kementerian bawa pada hari ini adalah muktamad yang dikenakan kepada empat negara ini untuk lima tahun seperti tarikh yang saya sebut 8 Februari 2018 sehingga 7 Februari 2023.

Kemudian, mungkin setelah lima tahun diadakan semula kajian bergantung kepada import yang dibawa masuk dan sebagainya, dan juga bergantung kepada *production* di negara kita sendiri.

Jadi tujuannya adalah untuk memastikan bahawa tidak ada barangan ataupun barangan keluli ini dimasukkan ke negara kita dengan niat untuk lambakan, akhirnya menjejaskan industri tempatan. Ini memang ada dalam aturan dan peraturan dan kita bawa ini setelah kita selesai siasat dan memang sesuai. Mengikut duti yang kita kenakan.

Untuk maklumat Yang Berhormat daripada Republik Rakyat China antara 2.68 peratus sehingga 23.95 peratus. Untuk Korea, 0 sehingga 7.27 peratus bergantung kepada *the various HS code* tadi itu. Kemudian Taiwan 0 sehingga 14.02 peratus. Manakala dari Thailand bermula 22.86 peratus sehingga 111.61 peratus. Jadi di bawah tajuk *cold-rolled stainless steel* (CRSS) ini juga bergantung kepada ketebalan antara 0.3 milimeter hingga 6.5 milimeter dan kelebaran tidak lebih daripada 1,600 milimeter dan bergantung pulalah kepada *what kind of final product* dan sebagainya, itulah kadar duti yang kita kenakan bagi melindungi industri tempatan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Tinggi bangun Yang Berhormat.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan pandangan daripada Yang Berhormat Kepong. Soalan saya pun ada kaitan. Dengan *trade war*, dengan izin, *looming* dengan keputusan-keputusan yang dibuat oleh Amerika dengan China.

■1240

Jadi saya hendak tanya Menteri, ini kajian kita buat ini mungkin mengambil kira keadaan semasa beberapa tahun sebelum ini dan saya difahamkan hari ini ialah muktamad. Akan tetapi saya sokong sebab apa kita mesti *protect* industri tempatan supaya tidak jadi lambakan dan berlakunya tarif yang naik begitu mendadak ini mungkin menyebabkan kita menjadi pusat-pusat lambakan. Jadi, keputusan kita baik hari ini.

Cuma saya hendak tanya, adakah dengan peratus tarif yang kita beri dengan lima-lima negara tadi memadai dan adakah kementerian mencadangkan untuk melihat perkembangan-perkembangan baru ini dengan keputusan ini kita tidak terdedah kepada keputusan-keputusan terakhir terkini yang berlaku. Terima kasih.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Seperti yang kita sebutkan tadi, keputusan yang kita buat ini kita, dia ada dalam bahasa, *what we call this, trade* ini dia kata *it can cause injuries to the local industries. So injuries* ini *can come*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dalam bentuk kita kena tengok trend peningkatan jumlah import ataupun eksport daripada *the other side* yang makin meningkat.

Dalam masa yang sama kajian kita melihat permintaan di tempatan ini berbanding dengan kapasiti pengeluaran kilang di Malaysia yang sedia ada kilang tempatan, kemudian kita tidak mahu apabila masuknya barangan daripada negara luar ini menjejaskan *business* ataupun perniagaan, pengeluaran kilang tempatan berbanding dengan permintaan, ini penting.

Jadi, saya faham apa yang berlaku *trade war* antara contohnya US dengan China, itu mungkin kita tolaklah sebab kita mungkin buat masa ini belum sampai masa untuk kita berbincang lagi tetapi kita ambil maklum. Kita tahu kita pun ada perjanjian-perjanjian secara bilateral, secara langsung, secara berkumpulan dan sebagainya, yang ini semua diambil kira. Apa yang penting pada hari ini yang apa kita hendak bawa ini adalah kita hendak pastikan pengimportan yang dibawa masuk secara meningkat yang bertambah-tambah ini, dia dapat memberi kesan kepada industri tempatan.

Kita bimbang akhirnya mungkin mereka dapat menawarkan harga yang jauh lebih murah, maka menyekat *business* tempatan, *business* ini ditutup kemudian bila *business* tempatan sudah tidak ada, maka menjadi monopoli pembekal monopoli, jadi mereka boleh menaikkan harga ikut suka mereka di masa depan. Ini yang kita maksudkan supaya kita kena jaga industri tempatan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri tambah sikit, penjelasan sikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tadi komitmen kerajaan adalah untuk meletakkan kadar *duty* untuk lima tahun dan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Tinggi berkenaan dengan industri tempatan. Bukankah lima tahun itu adalah jangka masa yang agak panjang yang boleh menekan industri tempatan? saya rasa sekiranya dua tahun dan kita *review* balik dalam masa dua tahun, itu adalah nasihat yang sepatutnya dan lebih wajar. Mengapa kerajaan mengambil pendekatan untuk mengenakan kadar tarif ini untuk lima tahun, bukan dua tahun dan *review* selepas itu? Penjelasan Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Terima kasih.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya tanya ada kaitan juga dengan Yang Berhormat Kapar. Ada soalnya sama. Cuma saya difahamkan melalui kajian yang saya buat. Pakar-pakar ekonomi dalam negara mengatakan bahawa kesannya tidaklah dalam bentuk esok pagi ataupun jangka masa pendek kerana *trade war* ini akan mengambil kira kesan jangka medium dan *long term*. Saya setuju lima tahun itu boleh tetapi saya hendak tanya kementerian selain dari perkara-perkara ini yang *later* ini, adakah item-item lain juga yang diambil kira. Terima kasih.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Yang Berhormat, yang sekarang ini kita berbincang fasal *steel cold rolled* besi-besi yang CRSS ini. Untuk makluman Dewan- sebagai makluman, antara tahun 2013 hingga tahun 2014 dalam tempoh satu tahun itu, jumlah import adalah 70,251 tan. Tahun 2014 ke tahun 2015, setahun juga 84,000. Maknanya melompat naik mendadak. Kemudian antara tahun 2015 ke 2016 naik menjadi 82,000 dan untuk tahun 2017 *up to* September sahaja sudah 42,000. Jadi kita nampak trend ini semakin macam sudah hendak jadi konsisten malahan meningkat.

Apa yang ditanya oleh Yang Berhormat Kapar tadi, sama ada kita patut letak lima atau dua tahun ini patutnya tetapi ini adalah kita rasakan lima tahun sesuai kerana dia dapat *stabilize* balik. Maknanya *planning* daripada *local production* apa semua ini. Jadi kalau kita buat jangka pendek mungkin dia akan- dan saya yakin dengan tindakan lima tahun ini dengan kadar yang tinggi itu, ia boleh memberi kesan kepada mereka di luar sana yang cuba hendak eksportkan produk ke Malaysia. Jadi saya rasa mereka perlu cari pasaran baru dan untuk *production* keluaran tempatan ini, *producer* tempatan dia ada masa yang lebih panjang untuk dia *stabilize*-kan balik *planning production* dan sebagainya.

Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kota Tinggi pula sudah tentulah ia berkait rapat *remedy-remedy* perdagangan yang kita sebut tadi. *Dumping is not prohibited* dengan izin, cuma jangan menjejaskan pengeluar tempatan. *And then* pertimbangan dia ambil *the surge of imports*. Maksudnya yang saya sebut tadi, dia *sudden surge*, dia tiba-tiba dia melonjak dan *dumping* ini, yang maksud *dumping* ini adalah kita bimbang bila dia *dump*, dia boleh menekan harga daripada apa yang dihasilkan di tempatan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah "Bahawa usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* hari ini di bawah Perkara 2 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Statut Bilangan ST.37/2018 disahkan", hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

USUL MENTERI KEWANGAN**AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014****12.37 tgh.**

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen 18(3), subseksyen 17(5) dan subseksyen 56(2) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut, Bilangan ST.34, ST.35 dan ST.36 bagi tahun 2018 disahkan.”

Pertama, Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Dikecualikan) (Pindaan) (No.2) 2017 Kertas Statut ST.34. Perintah ini dipinda susulan daripada pembentangan Bajet 2018.

Melalui pindaan ini, perkhidmatan pengurusan dan penyelenggaraan bangunan kediaman berstrata yang dibekalkan oleh pemaju perumahan tidak lagi dikenakan GST sama seperti perkhidmatan pengurusan dan penyelenggaraan bangunan kediaman berstrata yang dibekalkan oleh Badan Pengurusan Bersama atau Perbadanan Pengurusan (JMB/MC). Pindaan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2018.

Kedua, Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) (Pindaan) (No.3) 2017 Kertas Statut Bilangan ST.35. Perintah ini dipinda susulan daripada pembentangan Bajet 2018. Melalui pindaan ini, layanan GST berkadar sifar ke atas semua buku yang merupakan bahan bacaan telah diseragamkan dan diperluaskan untuk meliputi semua jenis bahan bacaan termasuk majalah, komik, jurnal dan juga terbitan berkala. Pindaan ini telah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2018.

Tuan Yang di-Pertua, ketiga, Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) (Pindaan) 2017, Kertas Statut Bilangan ST.36. Perintah ini dipinda bertujuan untuk memasukkan peruntukan baru dan meminda peruntukan sedia ada pindaan yang dilakukan adalah seperti berikut; subperenggan 6(2) dipinda dengan menggantikan perkataan “*Perenggan ini*” dengan perkataan, “*Subsubperenggan (1)(a)*” bagi menjelaskan bahawa hanya syarat di subperenggan 6(1)(a) tidak terpakai kepada kerajaan. Ini bermaksud Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri tidak perlu membayar GST ke atas pelupusan barang bagi barang yang telah diberi pelepasan GST, manakala syarat-syarat lain dalam sub perenggan 6(1) adalah terpakai kepada kerajaan.

Kedua, Jadual Pertama dipinda seperti berikut. Takrifan “*private charitable entity*” dipotong selaras dengan pindaan yang dibuat ke atas Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) (Pindaan) (No.2) 2016. Sub butiran 3A dimasukkan bagi memastikan pihak berkuasa tempatan (PBT) mendapat pelepasan dari membayar GST ke atas perolehan barang kecuali petroleum, motokar import dan bangunan komersial.

■1250

Sub butiran 16F dimasukkan bagi memberi pelepasan kepada pengimport dari membayar GST ke atas pengimportan barang di bawah perjanjian pajakan yang dibekalkan oleh syarikat yang berada di kawasan ditetapkan kepada pelanggan di Malaysia dan dibawa semula ke kawasan ditetapkan setelah tamat tempoh pajakan.

Pindaan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2018 kecuali bagi pelepasan GST ke atas perolehan barang, tidak termasuk petroleum, motokar import dan bangunan komersial oleh PBT, di mana ia berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2018.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Kepong.

12.51 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, ini memang satu usul yang penting yang melibatkan tidak tahulah jumlah berapa bilion Ringgit. Walaupun nampak tidak begitu banyak perkataan tetapi saya ada meneliti barang-barang yang termasuk di dalam senarai ini. Kalau kita hendak bincangkan, tidak ada masa lah. Cuma saya hendak Yang Berhormat terangkan dengan benda yang baru ini, berapakah wang yang terlibat? Berapa bilion ringgit? Di sini kita hendak menerangkan itu daripada *local authority* itu, kerajaan tempatan itu. Apakah tujuan mereka dikecualikan daripada membayar GST kepada banyak barang kecuali petroleum dan motokar?

Saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat terangkan dan juga mengenai industri pembinaan. Saya nampak ada beberapa barang disebut tadi dikecualikan sekarang. Apakah rasional untuk mengecualikan mereka daripada membayar GST ini? Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bagan.

12.52 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi untuk mengecualikan beberapa perkhidmatan tentulah sesuatu yang telah dituntut selama ini. Akan tetapi alangkah baik sekiranya GST sama sekali dihapuskan supaya kita tidak perlu bersusah payah untuk setiap tahun buat pindaan ini, pindaan itu, pengecualian sana, pengecualian sini.

Saya rasa janganlah susahkan rakyat lagi. Kita tahu bahawa GST akan mengumpulkan dana sebanyak RM45 bilion setahun. Di mana kalau kita lihat daripada negeri Pulau Pinang sahaja di antara tahun 2015 dan tahun 2016 sebanyak RM5.8 bilion telah dikutip. Antaranya termasuk kerajaan negeri, perkhidmatan dan projek-projek pembangunan yang dijalankan oleh pihak kerajaan negeri ataupun kerajaan tempatan pun dikenakan GST.

Sekiranya ini adalah untuk suatu projek beruntung, memang kami boleh faham sekiranya hendak laksanakan GST. Itu tidak bermakna kita sokong GST tetapi dari segi prinsip hendak hapuskan GST tetapi sekiranya terpaksa pula kena GST, mengapakah pihak Kerajaan Persekutuan tidak boleh menimbang cadangan bukan sahaja daripada negeri Pulau Pinang tetapi semua negeri lain?

Mengapakah GST juga dikenakan ke atas projek-projek pembangunan? Contohnya, buat jalan, Tuan Yang di-Pertua. Buat jalan ialah untuk kegunaan awam, buat longkang, buat dewan, buat pasar, buat kompleks penjaja. Ini semua dikenakan GST. Tambahan enam peratus ini membebankan kerajaan-kerajaan negeri dan kerajaan tempatan. Saya rasa semua tahu bahawa apabila sesuatu projek dijalankan, marginnya enam peratus adalah perbezaan di antara sama ada projek ini untung ataupun akan terbiar atau terbengkalai.

Itulah sebabnya saya sekali lagi meminta sekiranya pihak Kerajaan Persekutuan berdegil-degil ingin laksanakan GST, sekurang-kurangnya timbangkanlah jangan dikenakan ke atas projek-projek awam untuk kepentingan awam yang bukan laba oleh pihak kerajaan negeri ataupun Kerajaan Persekutuan. Ini bukan hanya untuk Pulau Pinang sahaja.

Ini ialah untuk semua kerajaan negeri. Sekiranya macam persatuan-persatuan amal boleh menikmati pengecualian, mengapa tidak sesebuah kerajaan? Inilah yang saya tidak faham dan tidak boleh terima. Sekali lagi seperti yang saya sebut sebelum ini bahawa adakah kita setiap kali akan berikan pengecualian, setiap kali pengecualian sana, pengecualian sini, pengecualian sana. Langkah yang lebih berkesan, hapuskan sama sekali. Kalau dihapuskan, bukan sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak payah begitu susah payah. Beliau pun akan dapat syukur dan terima kasih daripada 30 juta rakyat Malaysia... [Tepuk]

Itu yang kita minta, Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana ia satu isu substantif. GST menyelamatkan khazanah negara Malaysia. Akan tetapi ia menyusahkan rakyat. Sekiranya disebut bahawa oleh kerana GST RM45 bilion, kita mampu bayar BR1M.

Akan tetapi jangan lupa, kos BR1M setiap tahun hanya RM7 bilion. Tak kan Kerajaan Persekutuan anggap rakyat macam bodoh bahawa apabila diangkat RM45 bilion, diberikan kembali RM7 bilion, Kerajaan Persekutuan adalah wira. Tidak, Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana ini sebenarnya sesuatu cukai yang tidak harus dikenakan kerana ia pula kena ke atas orang biasa. Selalu disebut, ikan kembung dikecualikan pembayaran GST.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: *[Bangun]*

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Akan tetapi jangan kita lupa apabila ikan kembung dibawa ke pasar, kos pengangkutannya pun dikenakan GST. Itulah sebabnya jangan kerana sesuatu dikecualikan bayaran, ia tidak bermakna ia tidak dibebankan atau dikenakan GST kerana kos-kos sampingan untuk membawa perkhidmatan ataupun barangan ini pun dikenakan GST.

Oleh itu, GST ada kesan sampingan. Jangan cakap bahawa pengecualian ini adalah segala-galanya. Selalu disebutkan, kita kenakan GST tetapi kita ada pengecualian. So, itu bermakna tidak kena GST tidak betul. Ini kerana kos sampingannya pun diGSTkan. Itulah sebabnya kesan GST besar, kesan GST meluas, kesan GST sampai ke akar umbi. Pergi pasar, Tuan Yang di-Pertua. Semua suri rumah buat aduan, semua barang mahal. Mengapa tidak dengar, mengapa suara ini tidak didengari oleh Ahli Parlimen Barisan Nasional? Buatlah jualan murah. Apa guna buat kempen jualan murah kerana ia hanya untuk satu bulan satu kali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat tidak perlu masuk perkara dasar, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Kita mahu bukan kempen jualan murah sebulan sekali. Kita mahu setiap hari.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat ya, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Bukan lima tahun sekali, bukan setahun sekali, bukan sebulan sekali. Kita mahu setiap hari. Hanya dengan hapuskan GST barulah kita boleh menikmati jualan murah setiap hari.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ini di bawah usul terkhusus Yang Berhormat. Usul khusus di bawah seksyen...

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Ini khusus.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya. Tidak payah masuk perkara dasar Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Bukan. Ini GST kerana kita sebut tentang pengecualian. Apabila kita sebut tentang pengecualian, tidak bermakna ia tidak dikenakan GST. Ia masih dikenakan GST. Kalau GST tidak ada kesan kepada rakyat, mengapa pula Ahli Parlimen Barisan Nasional sekarang buat jualan murah sentuhan hati, tipu orang punya... *[Tepuk]* Ini kerana kita tidak mahu jualan sebulan sekali.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Lima tahun sekali. Lima- setahun sekali saja.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Kita mahu jualan murah sebulan sekali. Kita mahu jualan murah sebulan sehari. Kita mahu rakyat macam harimau mahu hari-hari mahu. Setiap hari kita mahu jualan murah setiap hari. Itulah permintaan yang kita buat. Janganlah susahkan rakyat lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Hapuskan GST sama sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, cukup.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Saya belum habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah habis Yang Berhormat, masa. Habiskan Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Saya boleh sambung tak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak boleh, tidak boleh. Habiskan, habiskan.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Tidak apa. Saya minta Yang Berhormat Jerlun tahu tentang ekonomi. Saya tahu beliau tahu tentang ekonomi, kesannya kalau GST dikekalkan, kita tahu ia akan naik lagi. Macam dekat Singapura, tiga peratus jadi 90 peratus. Jangan Malaysia pun ikut enam peratus naik tiga kali ganda jadi 18 peratus.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]: Ingat Yang Berhormat Singapore.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Masa itu rakyat merana, semua akan jadi parah. So, itulah sebabnya lebih baik kita hapuskan GST sama sekali. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat...

1.00 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kepong, terima kasih Yang Berhormat Bagan. Nombor satu saya hendak rujuk kepada Yang Berhormat Kepong, berapakah jumlah kesan daripada perubahan yang kita bawa di Dewan tengah hari ini.

Nombor satu, kalau GST yang terkorban oleh kerana keputusan kita ambil untuk PBT itu, maknanya dahulu kena GST, sekarang kita tidak ambil GST. Jadi, PBT ini ia akan kehilangan hasil. Jadi, hasilnya keseluruhan, anggaran kita satu Malaysia RM200 juta. Itu tidak mengapa sebab Kementerian Kerajaan Tempatan akan minta dekat Kementerian Kewangan, kita bayar, kita ganti balikkah RM200 juta.

Bahan bacaan. Bacaan-bacaan ini dahulu kita kenakan hanya buku-buku bahan bacaan. Akan tetapi hari ini kita sudah termasuk komik, jurnal apa semua. Ini sebenarnya kehilangan hasil dalam sekitar RM18 juta sahaja.

Jadi, saya merujuk kepada Yang Berhormat Bagan. Yang Berhormat Bagan pun saya hormat Yang Berhormat Bagan ini sebab dia orang lama. Kita ini Yang Berhormat Bagan, kita bincang pasal fokus kepada tiga tajuk ini sahaja. Akan tetapi Yang Berhormat Bagan syarah macam bentang Bajet 2018.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya sudah tegur Yang Berhormat.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Tidak mengapalah. Walau bagaimanapun saya hendak tegaskan di sini, buat masa ini kita perkenalkan GST ini dahulu kita tahu. Oleh sebab itu kita kena setiap kali kita bentang bajet- Kita perkenalkan GST tahun 2015, *then* tahun 2016 kita buat *adjustment*, tahun 2017 kita buat *adjustment*, tahun 2018 kita buat *adjustment* mengikut keperluan semasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ringkaskan Yang Berhormat.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Jadi, secara ringkas saya kata kita tidak akan hapuskan GST buat masa ini. Kita menyusun semula sistem percukaian lebih telus, lebih cekap dan kita akan ambil kedudukan masa...

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Kerajaan negeri, kerajaan tempatan?

Dato' Wira Othman bin Aziz: Tidak apa. Itu saya ingat Yang Berhormat Bagan boleh bawa dalam mesyuarat bersama dengan Perdana Menteri dalam Mesyuarat Jemaah Menteri-menteri Besar. Bawalah spesifik isu yang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat, bangunan, kediaman berstrata.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah "Bahawa usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* hari ini di bawah perkara 3 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Statut Bilangan ST.34, ST.35 dan ST.36, Tahun 2018, disahkan", hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan]

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Tuan Yang di-Pertua, kita minta belah bahagi untuk usul ini.

Beberapa Ahli: Ya, belah bahagi.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya hendak bahas tadi dia tidak bagi. Jawapan kepada- situasi kita tak bagi kita bahas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Belah bahagi akan dibuat petang. Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.03 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

■1430

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sila duduk, Yang Berhormat... *[Dewan riuh]* Saya yakin di atas kerjasama semua pihak demi untuk kelancaran Dewan, tiada Belah Bahagi dibuat. Setuju?

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Tuan Yang di-Pertua, kita minta belah bahagi pagi tadi. Sepatutnya belah bahagi dibuat pada ketika itu juga. Tidak ada *precedent* cakap boleh tangguh. Jadi sekarang tadi masa Yang Berhormat Beluran *chair*, dia telah menyalahgunakan kuasa Speaker untuk menangguhkan belah bahagi.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Itu masa makan tengah hari, Tuan Yang di-Pertua. Mana boleh minta pukul 1.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Tidak apalah, kita tarikh balikkah.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tidak boleh. Buang masa. Rakyat kena hukum ini parti pembangkang, suka-suka hati buat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih. Ya, Yang Berhormat Kapar setuju ditarik balik?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Teruskan, Tuan Yang di-Pertua. Jangan dengar Yang Berhormat Baling.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ini malulah rakyat sebab rakyat akan hukum. Buang masa... *[Dewan riuh]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Jangan dengar Yang Berhormat Baling. Yang Berhormat Baling kacau Dewan. Yang Berhormat Baling kacau Dewan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Buang masa rakyat, buang duit kerajaan. Inilah parti pembangkang... *[Dewan riuh]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dah tunggu. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dah tunggu, jalan, jalan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Okey, sekarang kita minta belah bahagi. Sekarang kita minta belah bahagi. Buang dia orang dari sini... *[Dewan riuh]*

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Bukan buang masa.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *You ada dating* dekat luarkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey, Yang Berhormat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Bila masa kerajaan minta belah bahagi?

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Sudah, sudah, sudah. Yang Berhormat Seremban, sudahlah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kita hendak ajar mereka supaya tidak ponteng. Tidak boleh ponteng dekat Parlimen.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Sudahlah, Yang Berhormat Seremban, sudah, sudah.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Memang kau pengecut.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tadi semua ponteng... *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Pembangkang boleh keluar.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, BN minta belah bahagi... *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Betul, kita minta. Saya cakap buang masa, buang masa rakyat. Buang duit kerajaan. Inilah pembangkang.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *You* punya bos mintalah.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Rakyat kena hukum pembangkang macam ini... *[Dewan riuh]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Bagan Datuk kena faham maksud belah bahagi... *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Buang duit rakyat. Pilihan raya nanti rakyat akan hukum pembangkang...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Kena faham maksud belah bahagi.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: ...Kerana buang masa, buang duit rakyat.

Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Mana pembangkang yang ponteng...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat. Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat yang lain sila duduk diam, Yang Berhormat. Yang Berhormat Parit Sulong sila duduk, Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri pun duduk... *[Dewan riuh]* Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya faham Yang Berhormat. Cukup Yang Berhormat... *[Dewan riuh]* Yang Berhormat, kita simpanlah tenaga kita, Yang Berhormat. Tidak lama lagi kita hendak berkempen ini, Yang Berhormat. Simpan tenaga sedikit, Yang Berhormat.

Oleh kerana ada permintaan 15 orang lebih daripada pihak sebelah kanan saya untuk belah bahagi, saya jemput...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Kali pertama dalam sejarah.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ya, semua dalam sejarah sebab pembangkang penipu, buang masa. Jangan ingat kerajaan takut sama pembangkang... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya terpaksa ambil bukulah, Yang Berhormat. Ini tolonglah tengok... *[Mengangkat Buku Peraturan Mesyuarat]* Yang Berhormat, cukup. Diam ya, Yang Berhormat. Duduk.

Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana lebih daripada 15 orang bangun meminta diadakan belah bahagian, maka mengikut Peraturan Mesyuarat 46(4), saya memerintahkan supaya suatu belah bahagian diadakan sekarang.

Setiausaha, sila bunyikan loceng selama dua minit.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Belah Bahagi telah disalahgunakan, kita boikot.

[Ahli-ahli Yang Berhormat Pembangkang keluar meninggalkan Dewan]

Beberapa Ahli: Penakut! Penakut! Penakut!... *[Dewan riuh]*

[Loceng dibunyikan]

[Dewan berbelah bahagi]

[Pengundian dijalankan]

■1440

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey Yang Berhormat sekalian, keputusan undian kita.

Ahli-ahli yang bersetuju, 101... *[Dewan tepuk]*

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, 0... *[Dewan tepuk]*

[Usul disetujui]

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Oleh itu, usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera di dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* hari ini di bawah Perkara 3 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Statut Bilangan ST.34, ST.35 dan ST.36, Tahun 2018 diluluskan sekarang... *[Dewan tepuk]*

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tan Sri Haji Noh bin Omar]: Cipta sejarahlah, pembangkang kosong.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG ANTIBERITA TIDAK BENAR 2018

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

2.43 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, "*fake news is bad news.*"

Rang undang-undang hari ini ialah Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar 2018 yang akan dibentangkan oleh saya dan tidak akan menyekat kebebasan bersuara, sebaliknya menyekat kebebasan penuliran berita tidak benar. Jika seorang individu kehilangan ahli keluarga, jika sebuah syarikat mengalami kerugian, jika sebuah institusi kehilangan kepercayaan, jika sebuah negara kehilangan martabat, ia boleh bermula dengan satu berita yang tidak benar sahaja.

Dalam dunia yang penuh pancaroba ini, kita digegarkan dengan pelbagai berita yang tidak benar. Sejak kebelakangan ini, Malaysia sentiasa berhadapan dengan pelbagai cabaran dan kesan daripada penyebaran berita tidak benar yang bukan sahaja mengelirukan masyarakat, malah boleh memberi ancaman terhadap keselamatan, ekonomi, kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan negara. Platform media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Instagram* dan sebagainya sering menerima kritikan hebat oleh pelbagai pihak akibat penuliran berita dan maklumat yang tidak benar secara berleluasa yang pada masa ini masih belum ada jalan penyelesaian yang berkesan dan konkrit.

Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak telah menyatakan sebelum ini bahawa KKMM melalui SKMM terus memperkasa tindakan penguatkuasaan. Berdasarkan analisa yang dijalankan oleh pihak SKMM, majoriti masyarakat Malaysia memperoleh berita tidak ditentu sah atau palsu daripada sumber *WhatsApp* 84 peratus, diikuti oleh *Facebook*, *blog* dan lain-lain bagi kes berkenaan dengan penyebaran berita palsu di pelbagai platform media sosial telah disiasat.

Selain tindakan siasatan dan pendakwaan sejak tahun 2017 hingga Februari 2018, SKMM yang telah mengambil tindakan terhadap 4,358 akaun palsu dan 80 peratus daripada jumlah tersebut telah dipadam oleh penyelia platform media sosial seperti *Facebook* dan *Twitter* kerana melanggar terma dan syarat yang ditetapkan oleh pembekal perkhidmatan masing-masing. Dalam tempoh yang sama, SKMM telah juga mengambil tindakan sekatan terhadap 40 laman sesawang portal dan *blog* yang menyebarkan kandungan maklumat seperti berita unsur palsu.

Pihak SKMM juga telah melancarkan portal *SEBENARNYA.MY* bagi membolehkan orang awam menyemak berita dalam talian yang diragui kesahihannya. Dimaklumkan portal tersebut mendapat tindak balas positif daripada masyarakat umum. Berdasarkan jumlah layaran sehingga kini, telah mencapai lebih 25 juta layaran dengan putaran hampir dua juta layaran setiap bulan semenjak pelancarannya pada 14 Mac 2017. Ledakan teknologi umpama 'cendawan tumbuh selepas hujan', memangkinkan lagi penyebaran berita tidak benar.

Platform media sosial yang seharusnya menjadi wadah komunikasi yang efektif, kini berubah selera sebagai wahana perkongsian berita tidak benar. Sebenarnya bukan salah media sosial, tetapi salah segelintir pengguna yang memesongkan fungsinya. Oleh itu, isu ini perlu diatasi dengan segera agar ia tidak mencemarkan dan meruntuhkan institusi negara yang telah kita bina selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini terdapat peruntukan dalam undang-undang sedia ada yang menyentuh mengenai perbuatan penerbitan dan penyebaran berita atau maklumat seperti berikut:

- (i) seksyen 499 hingga 502 Kanun Keseksaan;
- (ii) seksyen 124H dan 124 Kanun Keseksaan serta seksyen 298A Kanun Keseksaan;
- (iii) seksyen 8A Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984;
- (iv) seksyen 211 dan seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998;
- (v) Perenggan 4(1)(c) Akta Hasutan 1948; dan
- (vi) seksyen 4 hingga 7 Akta Fitnah 1957.

Walaupun terdapat beberapa undang-undang yang berkaitan, namun sehingga hari ini masalah ini tidak dapat dikawal secara efektif dan pantas berikutan perkembangan semasa teknologi maklumat yang semakin pantas dan kompleks. Apatah lagi undang-undang yang sering disebut dalam perkara ini seperti Kanun Keseksaan; Akta Mesin Cetak dan Penerbitan; dan Akta Komunikasi dan Multimedia telah digubal pada atau sebelum tahun 1990-an yang tidak dapat menangani sifat kesalahan yang kompleks seiring dengan pendedaran teknologi terkini.

Sebagai contohnya, negara kita telah digemparkan dengan kehilangan pesawat Boeing milik Malaysia Airlines MH370. Banyak berita tidak benar pada masa itu mengenai kehilangan pesawat tersebut sehingga menjejaskan perasaan ahli keluarga dan saudara mara terdekat. Antara berita tidak benar tersebar adalah mengenai pesawat tersebut telah ditembak dan dijumpai. Bayangkan perasaan ahli keluarga mangsa MH yang sentiasa menunggu berita tentang kepulangan mereka.

Dalam komuniti perniagaan pula, syarikat McDonalds terpaksa berdepan dengan tindakan boikot apabila berita tidak benar dikatakan menyokong dan menyalurkan dana kepada Israel iaitu *Jewish United Fund*. Selain dikatakan mengeluarkan *Quarter Pounder with Cheese* yang mengandungi, dengan izin, babi yang disebarkan melalui media sosial. Contoh seterusnya, 20 kontena durian Musang King dari Malaysia yang telah ditolak oleh negara China yang mengandungi racun serangga merupakan berita yang tidak benar yang memberi gambaran yang tidak baik terhadap industri pengeksporan negara.

■1450

Berita tidak benar juga tidak terkecuali daripada pentas antarabangsa seperti syarikat gergasi *Starbucks* terpaksa menutup operasi salah satu kedainya di Atlanta, Amerika Syarikat apabila tersebar berita tidak benar bahawa salah seorang pekerjanya yang berketurunan *African-American* telah meracuni minuman pelanggan di restoran itu. Queen Elizabeth II juga menjadi mangsa apabila tersebar berita bahawa Baginda telah mangkat di *Twitter*. Kemudian kalau kita tengok bintang terkemuka Jackie Chan dan Sylvester Stallone dari Hollywood Tuan Yang di-Pertua, pernah juga menjadi mangsa berita tidak benar di mana mereka telah dikatakan meninggal dunia.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa negara luar telah mula menyedari bahawa isu penyebaran berita tidak benar merupakan ancaman global yang besar kepada dunia maklumat yang perlu ditangani secara efektif dan segera. Di Singapura, satu jawatankuasa pilihan *Select Committee on Deliberate Online Falsehoods- Causes, Consequences and Countermeasures*, dengan izin, ditubuhkan untuk mengkaji masalah berita tidak benar, jenis-jenis pelaku dan motif mereka dalam menyebarkan berita tidak benar dan kesan penyebarannya. Ini termasuklah kemungkinan untuk mengadakan suatu undang-undang baru bagi menangani penyebaran berita tidak benar.

Di Perancis pula, usaha sedang diambil untuk mengkaji kerelevannya undang-undang sedia ada berhubung dengan penerbitan dan penyiaran berita tidak benar selaras dengan perkembangan teknologi maklumat.

Selain itu, Kerajaan Perancis juga telah mengumumkan bahawa suatu undang-undang baru akan diadakan bagi maksud ini khususnya untuk mengadakan prosedur yang lebih efektif dan cepat untuk menghalang penyebaran berita tidak benar.

Selain itu, Republik Czech pula mempunyai satu unit khusus yang dikenali sebagai *Unit Anti-Fake News* yang menangani isu penyebaran berita tidak benar. Melalui unit ini, pakar yang ditugaskan di unit ini adalah meneliti maklumat tidak benar yang disebarkan dan akan mengambil langkah-langkah untuk memperbetulkan berita tersebut melalui akaun-akaun *Twitter* khas yang diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Eropah pada masa yang sama telah mengambil beberapa inisiatif yang mengekang penyebaran berita tidak benar. Antara langkah diambil ialah menubuhkan *High-Level Group on fake news and online disinformation* dengan izin, yang bertujuan untuk mengkaji dan mendalami isu berhubung dengan penyebaran berita tidak benar dalam kalangan negara anggota.

Suruhanjaya Eropah mencadangkan dasar-dasar yang bersesuaian yang diwakili oleh wakil-wakil NGO, penyelia platform media sosial, pertubuhan media berita, persatuan wartawan dan ahli-ahli akademik. Setakat ini hanya di negara Jerman yang telah menguatkuasakan undang-undang yang berhubung dengan kandungan yang tidak sah, *unlawful content*, dengan izin. Termasuklah berita tidak benar iaitu *Network Enforcement Act*.

Undang-undang ini dipakai bagi penyelia perkhidmatan tele-media yang menyediakan jaringan media sosial. Di bawah undang-undang ini, penyelia perkhidmatan tele-media dikehendaki membuat laporan berhubung dengan aduan mengenai penyebaran kandungan tidak sah di media sosial dan mengadakan prosedur untuk menangani aduan tersebut. Filipina juga telah menggubal satu undang-undang khas yang dipanggil *Anti-Fake News Bill 2017* yang memperuntukkan kesalahan bagi mana-mana orang yang menawar, menerbit, mengedar dan menyebarkan berita tidak benar dengan niat jahat walaupun rang undang-undang itu masih dipertimbangkan di peringkat jawatankuasa.

Lantaran itu, kerajaan telah bersetuju untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa khas berkaitan dengan isu penyebaran berita tidak benar dan beberapa mesyuarat jawatankuasa khas telah pun diadakan, agensi-agensi kerajaan terlibat telah dipanggil. Kerajaan juga telah bersetuju dengan keahlian jawatankuasa tersebut diperluaskan.

Dalam perbincangan bersama semua wakil media platform sebagai contoh yang telah berlaku dalam negara kita, kehadiran *Asia Internet Coalition*, *Facebook*, *Google*, *Youtube*, *Twitter* yang diadakan di Bangunan Parlimen baru-baru ini. Perbincangan ini merupakan usaha kerajaan untuk mendapatkan lebih banyak pandangan dan input. Sesi perbincangan telah mendapat reaksi yang positif dan secara tidak langsung membuktikan kerajaan sentiasa bersikap inklusif dalam merangka sesuatu dasar atau undang-undang baru.

Sesi taklimat Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional telah diadakan, taklimat Majlis Senator telah diadakan, taklimat Ahli-ahli Parlimen Pembangkang telah diadakan walaupun ada yang tak dijemput pun hadir, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini digubal selaras dengan punca kuasa sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perenggan (a) fasal (2) Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan. Selain daripada itu, rang undang-undang ini juga adalah selaras dengan matlamat Dasar Kebangsaan bagi industri komunikasi dan multimedia yang diperuntukkan dengan subseksyen 3(2), Akta 588 khususnya perenggan 3(2)(b). Rang undang-undang ini akan melengkapi peruntukan undang-undang yang sedia ada dan pada masa yang sama skop rang undang-undang ini luas dan eksklusif bagi menangani kesalahan-kesalahan mengenai berita tidak benar secara menyeluruh dan efektif.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya rang undang-undang mengandungi empat bahagian iaitu Bahagian I mengandungi peruntukan permulaan.

Bahagian II mengandungi peruntukan kesalahan berhubung berita tidak benar.

Bahagian III mengandungi peruntukan mengenai perintah mahkamah untuk menghapuskan penerbitan yang mengandungi berita tidak benar.

Bahagian IV mengandungi peruntukan pelbagai. Perincian empat bahagian tersebut adalah seperti berikut.

Bahagian 1 rang undang-undang telah dicadangkan mengandungi perkara permulaan. Fasal 2 mengandungi tajuk ringkas dan memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa rang undang-undang.

Fasal 2 mengandungi takrif perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam rang undang-undang.

Fasal 3 mengandungi peruntukan mengenai pemakaian luar wilayah. Rang undang-undang yang dicadangkan jika mana-mana kesalahan di bawah rang undang-undang ini dicadangkan dilakukan oleh mana-mana orang walau apa pun kerakyatan atau kewarganegaraannya di mana-mana tempat di luar Malaysia, dia boleh diuruskan berkenaan dengan kesalahan itu seolah-olah kesalahan itu telah dilakukan di mana-mana tempat dalam Malaysia.

Rang undang-undang juga dicadangkan hendaklah terpakai jika bagi kesalahan yang berkenaan berita tidak benar itu adalah mengenai Malaysia atau orang yang disentuh oleh pelaku kesalahan itu adalah warganegara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengemukakan bahagian yang seterusnya, izinkan saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak setelah berbincang dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dengan mengambil kira pandangan dan cadangan beberapa pihak termasuk Ahli-ahli Parlimen telah bersetuju untuk membuat pindaan kepada bahagian rang undang-undang ini di dalam peringkat jawatankuasa iaitu perkataan "*knowingly*" yang terdapat dalam fasal 4 bahagian ini akan digantikan dengan perkataan "*maliciously*".

Hukuman penjara yang diperuntukkan selama 10 tahun akan dikurangkan kepada enam tahun bagi kesalahan yang diperuntukkan dalam cadangan fasal-fasal 4 dan 5 bahagian rang undang-undang ini.

Ini menunjukkan kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri amat prihatin dan bersedia untuk menerima segala pandangan dan cadangan bagi menjadikan rang undang-undang ini sebagai satu rang undang-undang yang inklusif dan juga komprehensif.

Bahagian II yang asal rang undang-undang ini yang dicadangkan mengadakan peruntukan mengenai kesalahan-kesalahan yang berhubungan dengan berita tidak benar.

Fasal 4 bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai kesalahan yang diketahui mengadakan, menawar, menerbitkan, mencetak, mengedar, mengelilingkan atau menyebarkan apa-apa berita tidak benar atau penerbitan yang mengandungi berita tidak benar, hukuman bagi kesalahan ini di bawah fasal ini ialah denda sehingga RM500,000 atau penjara sepuluh tahun atau kedua-duanya sekali. Itulah yang asal yang akan dipinda di peringkat jawatankuasa.

Fasal 5 bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai kesalahan menyediakan bantuan kewangan bagi maksud melakukan atau memudahkan pelaku kesalahan di bawah fasal 4. Hukuman bagi kesalahan di bawah fasal ini ialah denda sehingga RM500,000 atau penjara sehingga sepuluh tahun akan ditukar dalam jawatankuasa. Penjara hanya selama enam tahun, denda dikekalkan.

Fasal 6 bertujuan untuk mengenakan kewajipan di atas mana-mana orang yang menghapuskan penerbitan yang mengandungi berita tidak benar. Mana-mana orang yang tidak melaksanakan kewajipan ini melakukan satu kesalahan di bawah fasal ini. Hukuman bagi kesalahan di bawah fasal ini ialah denda sehingga RM100,000 dan hal satu kesalahan yang berterusan didenda selanjutnya sehingga RM3,000 bagi setiap hari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Bahagian III rang undang-undang ini yang dicadangkan mengandungi peruntukan yang berhubung dengan kuasa mahkamah untuk memerintahkan penghapusan penerbitan yang mengandungi berita tidak benar.

Fasal 7, fasal 8, fasal 9 kemudian Bahagian IV rang undang-undang yang dicadangkan mengandungi peruntukan pelbagai.

Fasal 10, fasal 11, fasal 12, fasal 13, fasal 14 kemudian diwujudkan Jadual Pertama dan juga Kedua untuk memperuntukkan mengenai borang dan perintah mahkamah yang akan diguna pakai di bawah rang undang-undang yang dicadangkan, Tuan Yang di-Pertua.

Sedar atau tidak, berita tidak benar memberikan impak negatif kepada keselamatan dan kestabilan negara, perpaduan intra dan inter-kaum yang terbina di samping keutuhan wilayah yang dibentuk di Malaysia mampu terhakis disebabkan oleh berita tidak benar. Cerita direka, ditokok tambah atau diubahsuai bagi pelbagai tujuan mengikut pihak yang menyebarkannya tanpa menghiraukan kesan yang bakal timbul kepada nusa dan juga bangsa. Sedikit demi sedikit, berita tidak benar akan meracuni minda pembaca dan mendorong mereka untuk mempercayai fakta yang tidak benar dan mampu membinasakan kesejahteraan masyarakat.

Secara kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini menunjukkan langkah serius kerajaan untuk menangani masalah penyebaran berita tidak benar selaras dengan perkembangan teknologi moden. Oleh itu, usaha kerajaan dalam perkara ini amat penting untuk menangani penularan berita tidak benar agar orang ramai lebih bertanggungjawab dalam menghasilkan, menawarkan, menerbitkan, mencetak, mengedar dan menyebarkan berita benar, *true news*, dengan izin.

■1500

Pada masa yang sama, rang undang-undang ini juga akan memberikan mesej yang jelas bahawa kerajaan tidak akan berkompromi dengan penyebar berita tidak benar yang boleh memudaratkan ketenteraman awam atau keselamatan negara. Malah akan terus memastikan keselamatan negara terus terpelihara. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya memohon. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ada sesiapa menyokong?

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta yang memperkatakan tentang berita tidak benar dan perkara yang berkaitan.

Ya sekarang terbuka untuk dibahas. Saya hendak dengar Yang Berhormat Pagoh. Sila.

3.01 ptg.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar yang baru sahaja dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri bagi saya ialah suatu rang undang-undang yang agak tidak munasabah. Ada juga kenyataan mengatakan dia merupakan suatu rang undang-undang *draconian*. Jika Dewan yang mulia ini meluluskan, saya jangka rakyat Malaysia akan berdepan dengan satu lagi undang-undang yang dikatakan menyekat kebebasan mereka untuk terus bersuara dalam situasi dunia yang begitu terbuka pada hari ini.

Selain daripada terdedah kepada pelbagai kemungkinan-kemungkinan undang-undang disalah guna oleh pihak berkuasa untuk tujuan-tujuan seperti tujuan politik. Antara persoalan pokok mengenai rang undang-undang ini ialah, bagaimana hendak menentukan sesuatu berita itu benar ataupun palsu.

Taksiran berita tidak benar yang dinyatakan di dalam rang undang-undang ini agak kabur dengan hanya menyatakan berita tidak benar termasuklah apa-apa berita, maklumat, data atau laporan yang sebahagiannya ataupun keseluruhannya adalah palsu. Maksud berita palsu itu sendiri tidaklah dinyatakan dengan tepat.

Taksiran berita tidak benar yang kabur ini akan menyebabkan undang-undang ini jika dilaksanakan kelak pastinya akan terdedah kepada pentafsiran yang pelbagai dan yang agak membimbangkan ialah penyalahgunaan kuasa yang dikatakan akan menyekat kebebasan rakyat untuk menyuarakan pendapat ataupun pandangan mereka tentang sesuatu isu.

Saya ingin mengambil contoh misalnya isu sejumlah RM2.6 bilion yang dimasukkan ke dalam akaun peribadi Perdana Menteri. Sebenarnya bagaimana Tuan Yang di-Pertua tahu, saya waktu berada di sebelah sana pun bertanya dengan Perdana Menteri tentang hal wang yang tersebut itu dan datangnya daripada mana. Beliau pada waktu itu menjawab ini penderma daripada Arab Saudi. Arab Saudi yang memberikan, ini sah bukan cerita bohong.

Kemudiannya bagaimana yang kita ketahui banyak laporan-laporan media seperti dilaporkan *Wall Street Journal* dan kemudiannya *Department of Justice* Jabatan Kehakiman Amerika yang telah pun membuat penyiasatan yang agak terperinci mengenai skandal 1MDB mendapati bahawa wang tersebut dikatakan bukannya datang daripada penderma Arab Saudi tetapi daripada syarikat 1MDB sendiri. Ini kenyataannya ada dan saya membaca kenyataan Menteri Multimedia, dia kata itu bukan berita palsu. DOJ adalah berita benar.

Jadi dalam keadaan ini, bagaimanakah Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar ini hendak diguna pakai yang mana satu berita palsu dan yang mana satu berita benar. Apakah pengakuan Perdana Menteri itu yang biasa dilaporkan juga dalam media itu palsu ataupun laporan DOJ itu yang palsu dalam kes yang sama.

Jika ada pihak yang menyiarkan atau saya menyebutkan dalam beberapa majlis menyebarkan berita ataupun pandangan mengenai laporan DOJ yang dikatakan bercanggah dengan pengakuan Perdana Menteri sendiri. Adakah pihak itu boleh didakwa di bawah Akta Antiberita Tidak Benar. Jawapannya tentu sekali boleh kerana kuasa pendakwaan bagaimana biasa terletak di bawah bidang kuasa Peguam Negara selepas siasatan yang terperinci diadakan dan didapati ada prima facie kes.

Hal yang akan menyebabkan orang ramai agak merasa ragu untuk berkongsi pandangan mengenai satu isu yang memberikan implikasi yang besar kepada negara akan pastinya menjadi lebih sukar lagi. Walaupun maklumat yang dikongsi itu adalah sah dan benar tetapi oleh kerana ianya bercanggah dengan kenyataan yang telah dibuat oleh Perdana Menteri dalam kes ini, maka pastinya akan wujud kebimbangan bahawa mereka itu akan boleh didakwa di bawah akta ini.

Tambahan pula Tuan Yang di-Pertua, hukuman denda RM500,000 dan penjara 10 tahun. Saya kira ini adalah terlalu berat, tak tahulah macam mana mahkamah hendak menjatuhkan hukuman seberat itu ataupun kurang daripada itu. Apa pun bila mana berita ini tersebar bahawa rang undang-undang ini hendak dibentangkan di Parlimen, ada juga sudah di tempat-tempat tertentu di taruk, di paparkan tentang jangan menyebarkan berita palsu sebagai contoh akan ada hukuman seberat ini. Hari yang berikutnya agak *slow* sedikit *WhatsApp* pun dia agak tidur sementara. Pasal dia terkejut, kawan-kawan kita di sebelah sana dan sebelah sini pun tahu, ramai orang kita agak berasa cukup bimbang dan takut.

Jadi yang mengatakan bahawa undang-undang ini tidak memberi kesan apa-apa kepada apa sahaja yang telah dibuat secara biasa oleh rakyat kita dalam negara yang agak merdeka ini sekarang ini sudah rasa agak takut. Kalau-kalau apa-apa sahaja mereka akan laporkan dan sebutkan dalam mana-mana bentuk media sosial ini akan disalah tafsir sebagai palsu dan tindakan akan diambil terhadap mereka- RM500,000, sepuluh tahun penjara. Ini bukan main-main punya cerita.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak melihat ada keperluan yang agak mendesak untuk kerajaan memperkenalkan satu undang-undang baru untuk menyekat penyebaran berita palsu walaupun tajuk rang undang-undang itu adalah mungkin bertujuan baik tetapi cara ianya akan dilaksanakan dan dikuatkuasakan itu menjadi persoalan yang agak besar sekali.

Pada masa ini penyebaran berita palsu merupakan satu perbuatan jenayah di bawah seksyen 8A Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, dan seksyen 233(1A), Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Siapa sahaja yang bertindak untuk menyebarkan berita palsu boleh diambil tindakan di bawah undang-undang sedia ada. Jadi persoalannya kenapa perlu ada suatu undang-undang khusus untuk tujuan ini sahaja.

■1510

Saya percaya Rang Undang-undang Akta Antiberita Tidak Benar yang digubal bagi saya agak tergesa-gesa ini adalah satu lagi alat yang akan digunakan oleh Kerajaan Barisan Nasional untuk menyekat kebebasan rakyat untuk bersuara dan mengkritik kerajaan terutamanya dalam kita menghadapi kempen-kempen pilihan raya yang sudah dan pastinya akan terus dilakukan sehinggalah pilihan raya selesai. Mungkin kita tahu populariti Perdana Menteri dan BN pun agak merosot dalam banyak kajian-kajian yang telah dibuat oleh badan-badan bebas.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]: Boleh mencelah?

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]: Ya?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: ...Boleh mencelah kah? Boleh mencelah tak Tuan Yang di-Pertua?

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]: Boleh, boleh.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Siapa ini? Siapa ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Duduklah!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Timbalan Menteri duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, yang memutuskan saya.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Kau siapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tengok peraturan 37, yang sedang berucap memberi laluan apabila- Yang Berhormat ya. Tengok peraturan, yang sedang berucap mengalah duduk dan saya pun ada benarkan yang ingin mencelah. Sila Yang Berhormat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Masih tidak kenal saya lagi? [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak dan juga kepada sahabat kita daripada Pagoh, bos lama ni. Saya terpanggil untuk mendapatkan pencerahan daripada Yang Berhormat Pagoh kerana beberapa perkara yang dibangkitkan beliau itu susah saya dapat menerimanya.

Pertama sekali tuduhan kepada Perdana Menteri, dikatakan di luar negara telah pun buat siasatan itu dan ini. Akan tetapi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, Malaysia ini nak pakai undang-undang mana? Nak pakai undang-undang negeri orang kah, nak pakai undang-undang negeri kita? *The law of the land is a Malaysian law. 'Let the the law take its course' in Malaysia to determine*, dengan izin, sesuatu kes itu sama ada benar atau pun tidak. *We are Malaysian, the law of this country that govern us, not the law of Switzerland, the law of America. We do not know their motive. This, one question I like to ask.*

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Jadi mengapa subjudis?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Nombor dua...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Mengapa subjudis 1MDB kalau di luar negeri...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Nombor dua.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Jawablah.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Duduklah dulu, saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, ikut peraturan Yang Berhormat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Kedua, sekarang ini hari-hari macam-macam cerita yang... [*Menunjukkan telefon bimbit*] Merupakan perkara-perkara yang sangat membawa mudarat kepada masyarakat kita, negara kita Malaysia. Adakah kita sebagai pemimpin kerajaan dan pemimpin rakyat nak biarkan perkara ini berterusan, berlaku menjadi satu budaya dalam negara kita. *We must do something*. Yang kita hendak buat dengan tujuan untuk mengelakkan rakyat...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Ucapan atau pencerahan? [*Ketawa*]

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Nanti saya buat kurang ajar *you* marah. *What the heck are you talking about?...* [*Dewan riuh*] Dengan izin.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: *Who the heck are you?* [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Yang Berhormat minta saya salah siapa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pasir Salak, sila duduk Yang Berhormat. Duduk dulu Yang Berhormat, sekejap.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Saya tak nak *interrupt* langsung.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya, duduk. Yang Berhormat sila duduk.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Itu bukan cara nak tunjuk *you all* bijak. *That is not the way...* [*Dewan riuh*] ...*Professional, talk professionally, don't talk*, ha! Nanti aku mencarut *kang*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat sekalian, kita ada peraturan mesyuarat Yang Berhormat. Kita pun yang putuskan peraturan ini Yang Berhormat dan saya minta Yang Berhormat jangan ganggu. Sila.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Saya cakap elok-elok.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya terpulang kepada Yang Berhormat Pagoh sama ada nak benarkan semula Yang Berhormat Pasir Salak meneruskan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Yang Berhormat tadi elok duduk diam. Yang lain-lain itu...

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]: Tuan Yang di-Pertua, saya dah bagi peluang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]: Jadi saya belum habis ucapan saya, biar saya respons.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Yang Berhormat Pagoh, *I respect you.*

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]: *Respect* kena duduklah.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: *But that is not the way, be gentleman. You are big, you are somebody, give me a chance to talk.*

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]: Ya, terima kasih.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: *Let me ask question.*

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]: Tapi saya rujuk kepada Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: *No, no* jangan jatuhkan penghormatan saya kepada Yang Berhormat Pagoh.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]: Tuan Yang di-Pertua kata hak kepada saya, dah tanya tadi dua perkara.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: *I talk to you nicely, dengan izin... [Dewan riuh]* Kalau macam itu *you are losing the respect.*

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]: Tidak, saya dah bagi peluang.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Ya, sekarang walaupun Yang Berhormat dah duduk sana.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]: Dah cakap dua perkara itu, biarlah saya...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Walaupun Yang Berhormat duduk sana, saya hormat.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]: Ya, hormat patut duduklah.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Apa macam itu, macam itu? *That is not...*

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]: Speaker punya, saya dah bagi laluan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: *You are influence for all the others, go to hell, all of you lah!... [Dewan riuh]*

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Hoi! Hoi! Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Tarik balik, tarik balik!

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]: Itu kenyataan *unparliamentary.*

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Tuan Yang di-Pertua... *[Rakaman tidak jelas]* *Unparliamentary, you have to take action.*

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]: Saya tidak tahu siapa yang dimaksudkan *go to hell* itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya hendak dengar apa Yang Berhormat Pagoh. Yang Berhormat lain jangan campur tangan Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *'Go to hell' unparliamentary.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, jangan campur tangan. Yang Berhormat Stampin, sekali lagi berdiri tanpa izin saya Yang Berhormat boleh rehat, boleh balik awal. Saya hendak dengar apa ulasan Yang Berhormat Pagoh. Okey.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]: Ya, tapi saya nak rujuk kepada perkataan terakhir tadi, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Yalah, orang dah hormat dah, *we respect you, I said I respect you but is that the way for you to respond?* [Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat lain jangan campur tangan Yang Berhormat. [Mengetuk tukul]

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Hantar dia keluar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sekali lagi siapa yang berdiri, saya minta keluar. Saya tengah buat urusan dengan Yang Berhormat Pagoh dan Yang Berhormat Pasir Salak. Yang Berhormat, ya.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama Yang Berhormat Pasir Salak kawan baik saya juga itu tapi...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pasir Salak, ya.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]: Ini isu berkenaan dengan laporan daripada Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat yang saya kira kita semua dah baca. Laporan itu menyentuh perkara yang spesifik. Saya juga mengambil masa yang lama nak memahami bukan mudah tetapi yang agak amat membimbangkan kita itu ialah laporan-laporan itu dibuat oleh pihak Amerika Syarikat, Jabatan Kehakiman dengan siasatan yang boleh dikatakan terperinci. Mereka membuat kenyataan itu secara terbuka untuk menyentuh perkara-perkara yang ada kaitan dengan Malaysia yang dibuat di luar negara.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: [Bangun]

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]: Biarlah saya habis dulu, kata hormat saya.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Saya bersetuju, luar negara.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]: Ya, ya, betul.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: *But we are talking about Malaysia.*

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]: Betul.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Undang-undang Malaysia, Perlembagaan Malaysia, kita tak bercakap soal Amerika... [Dewan riuh] Apa tukang jerit belakang itu? Apalah?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Piket kata... [Tidak jelas]

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Menteri tidak ada standard ni. [Dewan riuh]

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]: Rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat lain, Yang Berhormat jangan cabar saya. Yang Berhormat Pasir Salak saya boleh minta keluar, Yang Berhormat Kapar pun boleh saya minta keluar, Yang Berhormat Segambut pun boleh saya minta keluar... [Dewan riuh]

Yang Berhormat, duduk diam Yang Berhormat, tengok Peraturan Mesyuarat 41 Yang Berhormat, adab ketika yang tidak berbahas Yang Berhormat. Tengok Yang Berhormat Pagoh, dia faham apabila Tuan Yang di-Pertua sedang berucap, yang lain kena duduk termasuk Yang Berhormat Pagoh. Ya, sila Yang Berhormat Pagoh.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]: Rang undang-undang ini pun kalau Yang Berhormat Pasir Salak baca, dia kata bukan soal di dalam negeri. Di luar negara pun yang ada kaitan dengan Malaysia terhadap sesiapa sahaja di Malaysia ia boleh dikuatkuasakan. Baca tak fasal itu? Menteri baru bentang tadi.

Jadi yang saya hendak sebutkan tadi laporan DOJ ini serius. Kalaulah sesetengah pihak mengatakan ini tuduhan, memang tuduhan yang serius tetapi bukan tuduhan, ia laporan dan dibentangkan oleh pihak Jabatan Kehakiman Amerika.

■1520

Ya, di luar negara tetapi ada kaitan dengan Malaysia bilamana dia siasat, ada pengubahan wang haram yang jumlahnya agak begitu besar, berbilion-bilion USD. Dikatakan adalah berkaitan dengan 1MDB, syarikat milik Kerajaan Malaysia. Saya baca berkali-kali dan saya sebutkan begini bukan kerana hendak mengata apa. Kenapa di Malaysia tidak ada siasatan sebegitu? Itu ada persoalan berbangkit. Di mana sistem undang-undang, *the rule of law* yang dikatakan dikuatkuasakan di Malaysia? Bilamana ada laporan-laporan begitu dibuat di pihak luar negara yang mengaitkan dengan Perdana Menteri.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Boleh mencelah lagi?

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]: Dalam laporan itu. Nanti, saya belum habis. Laporan, siapa yang dalam laporan itu menyebutkan Jho Low, siapa Jho Low? Reza Aziz, siapa Reza Aziz? Paling teruk disebutkan Malaysian Official One. Kemudiannya Menteri juga di sebelah sana kata ada depan kita ini, kawan baik saya juga. Dia kata Ahli Parlimen Pekan, Perdana Menteri. Saya sayangkan Perdana Menteri. Sebagai rakyat Malaysia ini imej, pimpinan negara kita nombor satu, dibabitkan dengan kes rompakan, pencurian.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Itu yang selalu disebutkan Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]: Belum, belum, saya belum habis, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: *You know, you* tuduh orang pencuri, perompak. *I don't know what you are talking about, man.*

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]: Bukan, bukan tuduh. *This is not*, ini bukan tuduh.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Minta penjelasan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Saya dengar *Youtube* hari-hari.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]: Ini bukan tuduh, ini penjelasan. Saya tidak bagi laluan. Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sentuh perkara ini untuk menjelaskan. Nanti ada peluang masa, yang kawan-kawan sebelah *backbencher* boleh jawab.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Minta penjelasan.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]: Ini perkara besar dan bila disebutkan begitu, pihak Kerajaan Malaysia tidak ambil tindakan apa-apa.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Siapa kata tidak ada ambil tindakan apa-apa? PAC ada buat siasatan. Macam mana boleh kata tidak ada buat apa-apa?

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]: Bila menyebut Kerajaan Malaysia, kita ini rakyat Malaysia. Tidak ada buat apa-apa. Kalau laporan yang dibuat oleh pihak DOJ itu tidak betul, saman DOJ.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: *How can you say that? PAC, there are representatives from your side, dalam PAC.*

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Saya ucap nanti, saya ucap nanti.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: *What?*

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: *What did you do in PAC?*

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *I will answer later.*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: *Answer later. Why didn't you answer at the meeting? Why didn't you answer at the PAC Meeting?... [Dewan riuh]*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Gelang Patah, Yang Berhormat. Yang lain duduk, Yang Berhormat. Yang Berhormat Gelang Patah. *[Dewan riuh]* Kita hormat Yang Berhormat Gelang Patah. Yang Berhormat, Yang Berhormat yang lain duduk diam, Yang Berhormat. Yang Berhormat Segambut, duduk Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Puchong.

Yang Berhormat. Yang Berhormat, sabar Yang Berhormat... *[Dewan riuh]* Kita ini sama rakyat Malaysia. Anak-anak muda kita- Yang Berhormat, Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat! Yang Berhormat, saya nampak Yang Berhormat, saya nampak. Inilah perkara-perkara yang Tan Sri- Yang Berhormat Kapar, janganlah...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu, saya *just* pandang belakang, tengok, lepas itu- tidak ada kena mengena pun. Apa...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, inilah yang saya katakan, kita sudah- Yang Berhormat. Yang Berhormat, kita ada peraturan Yang Berhormat. Anak kita ada dalam Dewan yang akan mewarisi kita, Yang Berhormat, melihat gelagat-gelagat pemimpin-pemimpin negara. Kita pemimpin negara. Pelajar-pelajar, murid sekolah bakal pemimpin negara yang kita hendak lahirkan. Kalaulah peraturan mesyuarat sendiri yang kita langgar, macam mana kita hendak melahirkan anak-anak yang akan mewarisi kita? Yang Berhormat Gelang Patah, Yang Berhormat Gelang Patah pun tahu, tahu hukuman Yang Berhormat. Telah dijatuhkan, enam bulan Yang Berhormat digantung, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Gelang Patah! Yang Berhormat Gelang Patah! Yang Berhormat Gelang Patah, cuba Yang Berhormat ingat, Yang Berhormat. Keputusan telah dibuat Yang Berhormat. Yang Berhormat, jangan kita cabar lagi, kita gunakan kuasa Yang Berhormat di bawah peraturan berikutnya. Oleh sebab kita hendak jalankan persidangan kita dengan aman. Semalam wakil-wakil parti pembangkang sudah berjumpa dengan Speaker, keputusan telah dibuat demi keharmonian Dewan ini.

Yang Berhormat pemimpin, Yang Berhormat. Saya masih lagi memakai pakaian seragam sekolah, Yang Berhormat sudah jadi wakil rakyat, Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Pagoh. Yang lain saya tidak benarkan pencilan dan Yang Berhormat Pagoh sila berhati-hati, jangan berpanjang-panjang isu 1MDB dan 2.6 bilion. Okey.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua tetapi saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, kenapa fobia sangat Yang Berhormat? Ha! Sila.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]: Siapa yang fobia? Saya tidak pernah fobia.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang *cet cet cet* tu fobia lah, dia duduk tetapi menceceh saja, Yang Berhormat. Sila.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]: Saya sudah jelaskan tadi Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Salak tadi, tidak payahlah saya panjangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]: Akan tetapi apa pun, saya kira rang undang-undang ini menyebutkan kalau ada laporan daripada luar negara menyentuh tentang negara kita, individu di Malaysia, ia boleh terpakai. Jadi dalam kes ini, umpama lepas daripada ini, kalaulah dianggap yang dilaporkan di luar negara itu fitnah, maka sebaik mungkin pihak Perdana Menteri ataupun kerajaan ambil tindakan. Saman pihak Amerika, panggil Duta Amerika di Kuala Lumpur.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya minta untuk penjelasan.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]: Tidak, tidak. Saya tidak izinkan lagi Tuan Yang di-Pertua, sudah cukuplah itu. Saya cuma hendak jelaskan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Tidak Yang Berhormat sedap cakap begitu, *you go your way* saja. Macam mana macam itu, tidak...

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]: Memang sedap bercakap. Saya tidak benarkan...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Takkan apa yang berlaku di Amerika, di luar negara itu, kita tiap-tiap kali kita hendak layan saja.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Minta penjelasan.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Hendak suruh Perdana Menteri respons... [Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Ini hari-hari tuduh ini, Perdana Menteri perompak, penyamun, penipu. *This is not the way, you are not that kind of person before. You are not that kind of person. You are better than that. You lower yourself today, you know.*

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Ya, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pasir Salak berapa bulan gantung?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: *I've been watching this. You are not like this before. Why you stoop so low?...* [Dewan riuh]

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Tuan Yang di-Pertua, tidak kisah berapa bulan gantung.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat... [Dewan riuh]

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: *You follow all these people...* [Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: *Double standard.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, ya. Yang Berhormat, tidak dengar kah saya tegur semua? Saya sebut Yang Berhormat, Yang Berhormat itu, tidak dengar kah? Yang Berhormat, tidak payahlah Yang Berhormat jadi Pengerusi, Yang Berhormat. Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat Pagoh, saya hadkan masa lima minit lagi Yang Berhormat. Sila. Tajuk lain Yang Berhormat. Ya, tajuk lain Yang Berhormat.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Kita pindah ke tajuk lainlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, pindah ke tajuk lain Yang Berhormat.

■1530

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Point of order.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ini ialah satu poin agak biasa iaitu Peraturan Mesyuarat 37(1), "*No Member shall interrupt another Member*"... [Dewan riuh] Ini betul, ini biasa, *such a normal thing* tetapi Tuan Yang di-Pertua tidak ambil tindakan apabila Yang Berhormat Pasir Salak bangun *and interrupt* Yang Berhormat Pagoh.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Kenapa?

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ini adalah satu perkara basic... [Dewan riuh]

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Semalam Yang Berhormat Gelang Patah sudah diberi *ruling* suruh keluar, tidak keluar.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang Berhormat Pasir Salak bangun berapa kali. Bangun *and interrupt* Yang Berhormat Pagoh. Peraturan Mesyuarat 37(1).

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Look, apa yang disebutkan oleh pembangkang. *Double standard.*

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Kenapa tindakan, Tuan Yang di-Pertua, tidak diambil?

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Semalam Yang Berhormat Gelang Patah diarah keluar.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Why there is no action on* Yang Berhormat Pasir Salak?

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Gelang Patah *refused to go out until...* [Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukup Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Sana yang *double standard*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Boleh saya habiskan *point of order* saya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya sudah faham Yang Berhormat, saya sudah faham.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya belum habis. Saya *just* hendak habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya sudah faham P.M. 37(1), Yang Berhormat.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya pohon Tuan Yang di-Pertua buat satu *ruling* terhadap Yang Berhormat Pasir Salak berdasarkan Peraturan Mesyuarat 37(1).

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Okey, Yang Berhormat Gelang Patah kena keluar.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ini *ruling* mesti dibuat. *He is disturbing the proceeding in Parliament... [Dewan riuh]*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kalau macam itu, Yang Berhormat Gelang Patah kena patuh. Semalam *ruling* sudah buat, enam bulan kena gantung. Macam budak-budak, peluk tubuh, tidak hendak keluar.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *The Speaker must take action.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *Double standard.*

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya mohon satu *ruling* dibuat terhadap Yang Berhormat Pasir Salak.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *Ruling yang double standard*, tidak boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, buat *ruling* terhadap Yang Berhormat Pasir Salak!!

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tidak boleh, *double standard*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, saya suruh diam. Duduk, Yang Berhormat. Saya faham Peraturan Mesyuarat 37(1).

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ya. So, saya pohon. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, sila duduk. Yang Berhormat sila duduk, Yang Berhormat. Saya sudah sebut tadi. Sila faham adab perbincangan. Sila faham peraturan mesyuarat. P.M. 37(1), 37(2) senang, saya sudah sebut tadi. Saya sudah sebut awal-awal lagi. Sekiranya yang sedang berucap beralah untuk sahabat atau ahli lain untuk mendapatkan pencelahan, barulah saya panggil. Okey. Ini semua *basic*. Saya setuju *basic*, asas.

Yang Berhormat Pagoh, hendak bagi pencelahan atau tidak selepas ini?

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]: Saya tengok siapa hendak minta pencerahan, saya bagi ruang.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey, sila.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]: Biar saya habis sikit.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya...

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]: Tadi masa saya sudah terambil banyak, Tuan Yang di-Pertua, jadi lima minit tidak cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Pagoh.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada yang berdiri, Yang Berhormat. Ada dua yang berdiri. Yang Berhormat Puchong dan juga Yang Berhormat Ketereh, yang mana satu?

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]: Bagi Yang Berhormat Puchong, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Puchong, okey.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat, saya dengar ucapan Yang Berhormat khususnya berkenaan dengan rang undang-undang ini. Saya rasa ini adalah satu perkara yang cukup penting. Saya pohon untuk rujuk kepada seksyen 11, Yang Berhormat Pagoh ya, rang undang-undang ini.

Saya baca, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Ini apa yang dinyatakan, yakni berkenaan dengan kuasa pendakwaan. Seksyen 11, "*Tiada pendakwaan boleh dimulakan bagi satu kesalahan di bawah akta ini kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis pendakwa raya.*" Itu adalah satu perkara yang ditulis di dalam rang undang-undang ini.

Masalahnya, Yang Berhormat Pagoh, seperti Yang Berhormat Pagoh sebut tadi dan kita semua dengar dengan jelas, kita ada laporan yang dibuat di luar negara berkenaan dengan kes 1MDB dan juga berkenaan dengan kes *RM2.6 billion* itu. Apabila kita lihat ada kes yang dibawa di luar negara yang dibawa oleh pihak berkuasa negara itu, ia ada kredibiliti. Akan tetapi kita lihat bagaimana di negara ini pendakwa raya tidak mahu ambil tindakan. Beliau tidak mahu ambil tindakan di sini dan dia...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, benda yang sama.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Pasir Salak, *please keep quiet.*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: *The same thing.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Pasir Salak...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat, peraturan, Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Pasir Salak, *you are a disgrace.*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Bangkitkan perkara yang sama.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Duduk, duduk, duduk.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Ini dia nak peluang untuk bercakap benda yang sama. Ulang, ulang, ulang balik. *To get publicity.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: *That is what your intention is.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *You are stupid person. I don't have to engage with you. Sit down.* Soalan saya...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: *Hey, you think you are so clever?*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Soalan saya...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: *You think you are so clever? What makes you think you are so clever?*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Orang macam ini yang melindungi Ahli Parlimen Pekan. *You are the people that are protecting the pencuri...*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: *Hey, you think you are so clever?*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *You are the people that don't take action.*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: *Come on...*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *That is why* apabila kita lihat kepada rang undang-undang ini, seksyen 11, kalau pendakwa raya yang mengeluarkan berita palsu, siapa ambil tindakan terhadap beliau? Kerana pendakwa raya sahaja yang boleh beri kebenaran...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Ini berulang-ulang benda yang sama... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat. Yang Berhormat, sudah Yang Berhormat. Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Pasir Salak sila duduk. Yang Berhormat Puchong sila duduk, Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Dia yang kacau saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Puchong sila duduk.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Dia ingat dia seorang sahaja yang pandai.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya minta— Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat... *[Dewan riuh]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pasir Salak ini kalau saya sudah bangun berapa kali, sudah kena halau. Yang Berhormat Pasir Salak ini apa cerita?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya ingin teruskan kalau boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Oleh sebab Tuan Yang di-Pertua tidak hendak buat *ruling* terhadap Yang Berhormat Pasir Salak, itu yang mengganggu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Okey, Yang Berhormat Puchong, sila duduk Yang Berhormat.

Oleh kerana Dewan ini tidak mendengar nasihat daripada Speaker...

Seorang Ahli: Bukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat..

Seorang Ahli: Dengar, saya dengar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat. Saya tidak membenarkan sebarang pencelahan. Sila Yang Berhormat Pagoh.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Puchong sila duduk.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, *you have to be fair.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Puchong, sila duduk.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *You have to be fair,* Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Puchong...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Kenapa Tuan Yang di-Pertua pun melindungi? Saya tanya soalan yang bernas.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Puchong, saya...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *I am asking a question on section 11.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Puchong!

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ini rang undang-undang kita kena bahaskan. Ini tugas kita. Yang kacau adalah dari Yang Berhormat Pasir Salak tetapi Tuan Yang di-Pertua... [*Dewan riuh*]

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Halau. Halau dia lah.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Kenapa tak benarkan saya tanya soalan? Ini soalan yang betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Puchong, sila duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Pasir Salak, duduk Yang Berhormat. Okey Yang Berhormat, saya minta semua duduk, Yang Berhormat... [*Dewan riuh*]

Yang Berhormat, saya bersabar, Yang Berhormat. Saya tak nak menggunakan peraturan mesyuarat kuasa saya, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, *you have to be fair.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sepang sila duduk, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Dia yang mulakan segala-galanya ini. *He is the one who started all the problems.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, dia yang mulakan masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sepang sila duduk.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya duduk tapi saya minta Tuan Yang di-Pertua buat *ruling* pada dia lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sepang...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini *stupid Minister. Stupid* punya *Minister*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sepang sila duduk.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Hei, itu jalan pun dah tak betul. Tuhan dah bagi macam itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pasir Salak, cukup Yang Berhormat.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ini Yang Berhormat Batu Kawan pun halau sekalilah. Bising.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Boleh saya teruskan dengan soalan saya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukup, Yang Berhormat. Yang Berhormat Puchong duduk, Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya nak habiskan soalan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Puchong, sila duduk, Yang Berhormat.

Yang Berhormat...

Seorang Ahli: Panggil Pandikar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Bukannya soal panggil Pandikar tak Pandikar. Saya duduk di sini sebagai Speaker. Saya duduk di atas Kerusi Speaker.

Yang Berhormat, saya tak kira selepas ini siapa yang mengganggu, sebelah kanan saya atau sebelah kiri saya, saya akan rehatkan. Yang Berhormat Puchong dah bertanya soalan, sila Yang Berhormat Pagoh. Selepas itu tidak ada pencelahan. Lima minit, Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak ada pencelahan. Sila.

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]: Tuan Yang di-Pertua, saya tak nak respons kepada apa yang Ahli Parlimen Puchong sebutkan tadi tetapi saya setuju dengan pandangan-pandangan yang telah beliau kemukakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, akta ini juga akan menyekat kebebasan media untuk melaporkan berita terutamanya berita yang tidak sehaluan dengan pendirian rasmi kerajaan. Sudah pasti pengendali penerbitan portal berita yang bebas daripada pengaruh kerajaan akan menjadi sasaran akta ini. Mereka tidak lagi bebas untuk menyiarkan berita ataupun pandangan yang bersifat kritikal terhadap kerajaan kerana dibimbangi akan dianggap sebagai berita palsu dan akhirnya didakwa di bawah akta ini.

Bagi saya, akta ini hanya akan meningkatkan lagi kawalan kerajaan ke atas media yang jelas bercanggah dengan janji Kerajaan Barisan Nasional untuk melaksanakan transformasi menyeluruh termasuk menjamin kebebasan media.

Selain itu, seksyen 8(3) rang undang-undang ini menafikan hak seseorang untuk mengetepikan perintah mahkamah yang diperoleh oleh kerajaan berhubung penerbitan berita tidak benar yang menjejaskan atau berkemungkinan menjejaskan ketenteraman awam atau keselamatan negara. Seksyen ini bersifat arbitrari dan amat tidak munasabah kerana ia secara jelas menafikan hak seseorang individu untuk mendapatkan keadilan di mahkamah. Dan seksyen ini pastinya bercanggah dengan prinsip kedaulatan undang-undang dan amalan demokrasi.

■1540

Pembentangan rang undang-undang ini yang dibuat secara tergesa-gesa di ambang Pilihanraya Umum Keempat Belas menunjukkan bahawa kerajaan semakin terdesak untuk mempertahankan kedudukannya. Ini bukanlah suatu amalan yang demokratik. Kuasa kerajaan dan undang-undang tidak boleh digunakan untuk menyekat hak demokrasi rakyat. Banyak kelemahan yang terdapat dalam rang undang-undang ini yang mana pemakaiannya akan menyekat hak kebebasan rakyat untuk bersuara seperti yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Perkara 10(1)(a), Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan tiap-tiap warganegara berhak untuk kebebasan bercakap dan bersuara.

Perkara 10(2)(a) Perlembagaan Persekutuan telah menyebut hak kebebasan bersuara hanya boleh disekat atas sebab kepentingan keselamatan Persekutuan ataupun mana-mana bahagiannya; hubungan baik dengan negara-negara lain; ketenteraman awam atau prinsip moral; dan sekatan-sekatan yang bertujuan untuk melindungi keistimewaan Parlimen atau mana-mana Dewan Undangan atau untuk membuat peruntukan menentang penghinaan mahkamah, fitnah ataupun pengapian apa-apa kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar yang digubal secara arbitrari ini memberikan kuasa yang amat luas kepada kerajaan untuk menyekat hak kebebasan rakyat untuk bersuara melebihi had yang dikatakan dibenarkan oleh Perlembagaan. Justeru itu, saya berpandangan bahawa sepatutnyalah rang undang-undang ini wajar ditarik balik dan tidak diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kinabatangan.

3.41 ptg.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya harap suasana tenang sebab sudah petang. Akta Antiberita Tidak Benar 2018, sebetulnya saya memang dari dahulu, saya memang hendakkan kerajaan- tiga tahun yang lalu, saya sudah berbahas di Dewan ini, saya hendakkan kerajaan mengetengahkan satu akta iaitu dunia pada masa ini dipanggil dunia akhir zaman dan ada ustaz berkata, dahulu-dahulu kita dengar ada satu ayat menyatakan pada suatu ketika dunia akhir zaman, akan datang fitnah dari atas langit. Kita pun bertanya-tanya, apa itu fitnah dari atas langit? Rupa-rupanya media sosiallah fitnah daripada atas langit ini. Memang benar pun dunia sudah akhir zaman.

Dahulu saya menggesa supaya sesiapa juga yang gemar mengeluarkan, menggunakan media sosial sama ada di *Instagram*, *Facebook* dan sebagainya. Kalau di Singapura, dia boleh guna *fake account* ataupun akaun palsu tetapi dia kena *register* atas nama dia juga. Oleh sebab itu apabila dia mengeluarkan berita-berita palsu walaupun nama dia palsu, dia akan dapat *didetect*, akan dapat ditangkap dengan serta-merta.

Akan tetapi, di negara kita ini tidak ada. Saya tengok dalam akta ini pun tidak termasuk. Kenapa kita teragak-agak? Kalau kita lihat bagaimana Indonesia baru minggu lalu, dia luluskan akta hampir serupa iaitu memenjarakan enam tahun dan paling lambat empat tahun kepada mereka yang menyebarkan berita palsu. Di Indonesia tidak pun ada pilihan raya, tetapi dia laksanakan akta ini bagi tujuan menghalang mereka yang suka menyebarkan berita palsu...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya marah ini Yang Berhormat Lenggong, tetapi tidak apa.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya sealiran dan kita berjuang untuk kerajaan mewujudkan akta ini. Ini akta mahu melindungi negara. Apa yang saya hairankan ialah kenapa ada sesetengah pihak dia bimbang dengan akta ini? Ini kerana mudah sahaja, jika kita tidak membuat kesalahan, apa kita takut? Ini akta untuk memelihara rakyat. Apa gunanya kalau negara sudah hancur, sudah dipenuhi dengan fitnah yang akhirnya akan memudaratkan negara?

Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Kinabatangan, kenapa ada sesetengah pihak takut sangat akta ini? Kalau tidak buat salah, tidak perlu takut. Apakah pandangan Yang Berhormat Kinabatangan?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kinabatangan, saya sambung ucapan daripada Yang Berhormat Lenggong. Ini saya rasa akta ini lebih melindungi rakyat. Saya ada beritahu sahabat-sahabat saya berkenaan dengan berita yang tidak benar ini kadang-kadang dibuat oleh orang-orang nakal. Ini satu contoh misalnya, satu kedai, restoran ada orang yang cemburu dengan perniagaan ini, dia sengaja letak bahan-bahan lipas di atas makanan itu sampai restoran itu tutup Tuan Yang di-Pertua.

Satu lagi, ada kes *ex-girlfriend* dia *doctored* gambar isteri si kawan itu, *diviralkan* supaya dia dapat bercerai dengan yang itu. Bayangkan ini. Ini antara dua sahaja, banyak lagi isu-isu yang lebih memihak kepada rakyat yang tercedera dengan perbuatan orang yang nakal-nakal ini. Ini disokong oleh pihak sana, di dalam masa berpolitik ini banyaklah macam-macam isu yang *di-viral*-kan, yang mencetuskan kebencian antara kaum, di antara agama yang sengaja dibuat oleh pihak di sana. Jadi, setuju atau tidak Yang Berhormat Kinabatangan?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Putatan, memang saya bersetuju sebab kita semua melalui proses, kita melalui pengalaman. Banyak yang berlaku. Keluarga bercerai, majikan pecat pekerja disebabkan berita palsu. Saya hairan kenapa puak-puak pembangkang rata-rata tidak bersetuju dengan akta ini. Kalau tidak bersetuju, bermakna puak pembangkang ini memang menjadi kilang memproses berita palsu itu. Ini sahajalah. Ini sebab kalau tidak betul...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Betul *bah* betul.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Kalau kita tidak suka menyebarkan berita palsu, apa yang kita takut? Orang yang takut ini sebab dia suka menyebarkan berita palsu. Jadi saya cuma...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ada yang bangun Yang Berhormat.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, boleh-boleh, sila.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]: Boleh mencelah tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Saya ada satu cerita, tahun lepas Yang Berhormat Seputeh melawat kawasan saya, Kapit. Pergi ke sana, dia buat *posting*, dia bergambar di satu tempat. Dia kata ini KKLW punya jalan, biarlah tidak sempurna, dia membebaskan rakyat. Akan tetapi tempat dia bergambar itu bukan tempat projek KKLW Tuan Yang di-Pertua, itu jalan balak, jalan suasa tetapi dia membuat berita palsu. Ini Yang Berhormat Seputeh.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya setuju Yang Berhormat Kapit. Dia buat di Sabah juga begitu.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Inilah Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: ...Mencetuskan kemarahan antara agama.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan Yang Berhormat Kinabatangan...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Nasib baik ketika itu akta ini belum ada. Kalau sudah ada, memang kena masuklah empat tahun.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat Kinabatangan, saya hendak jawab dia. Terima kasih.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat nanti bahaslah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bukan, bukan, / hendak jawab dia. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan, kawan saya. Apa yang saya letakkan dalam *Facebook* itu memang itu jalan dari Sibu dipandu kereta oleh Yang Berhormat Sibu ke kawasan Kapit, memang jalan itu teruk. Saya bukan JKR, saya bukan *engineer*. Kalau tempat itu bukan di kawasan Yang Berhormat, jelaskanlah. Kenapa marah-marah? Satu tahun masih marah sampai sekarang. Itu memang jalan...

Datuk Alexander Nanta Linggi: Pembohong...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Memang tidak ada jalan...

Datuk Alexander Nanta Linggi: Tuan Yang di-Pertua, ini pun pembohong.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Dari Sibu ke Kapit.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Memang kawasan itu dalam kawasan saya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat, sehingga sekarang...

Datuk Alexander Nanta Linggi: Ini pun pembohong...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Memang tidak ada jalan...

Datuk Alexander Nanta Linggi: Malulah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya rasa malu bagi pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Datuk Alexander Nanta Linggi: Okey, okey...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Seputeh sudah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kerana ini tidak dibetulkan begitu lama...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Lain kali jangan buat bohong.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini bukan berita palsu, ini benar. Ini menunjukkan yang Timbalan Menteri tidak mampu...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Betulkan jalan...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Seputeh duduk.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Buat jalan untuk kawasan...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya mahu minta...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Untuk penduduk di Kapit.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Cukuplah Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih kerana bagi laluan kepada saya.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, terima kasih. Lain kali jangan bohong-bohong.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kepada kerajaan menghalusi lagi akta ini, perketatkanlah. Kalau boleh yang suka mendaftar di *Facebook* selaku akaun palsu ini.

■1550

Kalau tidak boleh tutup pun minta mereka daftar identiti mereka sebab akaun palsu inilah banyak memecahbelahkan unsur-unsur keselamatan negara. Hari ini berleluasa mereka fitnah, fitnah dan terus fitnah- apa macam kita menghalang kalau akaun palsu dia maki hamun, dia cerca kita macam-macam, susah kita hendak membela diri.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Minta laluan.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya rasa dengan adanya berita anti palsu ini, berita palsu ini Yang Berhormat Pagoh boleh membersihkan dirinya apabila ada skandal tuduhan- skandal dengan isteri orang. Dia boleh membersihkan dirinya sebab pemuda PPBM telah meminta supaya- tidak berita palsu ini.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Boleh untuk buat *ruling* ini tidak...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terhadap seorang Ahli Parlimen, peribadi tidak dibenarkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Berita palsu ini, kita bukan percaya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sabar Yang Berhormat. Yang Berhormat, Yang Berhormat sekejap. Saya hendak dengar apa teliti betul-betul apa yang Yang Berhormat Pendang cakap ini, apa?

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Saya sebut bahawa Yang Berhormat Pagoh boleh membersihkan dirinya atas permohonan pemuda-pemuda PPBM tentang skandalnya dengan seorang wanita. Itu sahaja, dia boleh bersihkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sama dengan ayat Yang Berhormat Pagoh minta tadi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Serupa juga Yang Berhormat sila.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Itu biar Menteri yang jawablah. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cuma Yang Berhormat, saya hendak ingatkan kita ada Peraturan Mesyuarat 36(5), seseorang Ahli tidak dibenarkan menyebutkan nama Ahli yang lain Yang Berhormat. Selepas ini berhati-hati Yang Berhormat. Sila.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tidak pernah sebut Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta kalau boleh Yang Berhormat Pendang tarik balik kerana Yang Berhormat Pagoh tidak ada di sini untuk mempertahankan diri, sebab ini adalah *personal* Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat saya sudah sebut. Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat saya sudah buat *ruling* Yang Berhormat, saya sudah kata tadi pertanyaan yang sama Yang Berhormat Pagoh tujukan kepada Yang Amat Berhormat Pekan Yang Berhormat. Okey, sila.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dalam Dewan Tuan Yang di-Pertua ada juga Wakil Rakyat yang tertidur, dia baru bangun, dia tidak sedar.

Saya menggesa kepada kerajaan supaya kalau boleh memasukkan juga iaitu akta macam di Singapura iaitu meminta supaya pengguna-pengguna nama palsu yang pengecut yang pondan ini yang tidak berani mengguna nama dalam akaun *Facebook* mereka harus mendaftar diri. Kita benarkan dia guna akaun palsu tapi dia harus mendaftar identiti dia supaya senang dicari, senang ditangkap, senang dipantau. Dia berani buat dia kena berani tanggung. Jangan dia maki hamun kita, tuduh kita, *upload* gambar, video, macam-macam, dia maki hamun anak, isteri kita tapi kita tidak tahu hantu dari mana.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Kinabatangan, boleh mencelah?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Oleh kerana itu, Yang Berhormat Batu tunggu dulu saya mahu habis. Saya belum pun, baru mukadimah Yang Berhormat Batu. Duduk dulu.

Itu sebab kita meminta...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...kita beri keinginan kan akta seumpama ini sebab negara kita ini negara majmuk berbilang kaum seperti telur di hujung tanduk. Kalau rakyat di bawah bertelagah, berlaku pertelagahan mengakibatkan rasis, agama, budaya dan bangsa. Negara ini akan menjadi negara padang jarak padang tekukur.

Tidak ada yang selamat, Yang Berhormat Batu pun tidak selamat, batu pun sudah menjadi air. Tidak lagi menjadi batu keras.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *You go first and I-* boleh saya pergi dulu Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat Batu lepas itu saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Kinabatangan membahas dalam akta yang betul atau tidak. Ini sebab dalam apa yang disebut walaupun kalau kita setuju pun itu adalah akta multimedia, ia tidak terkandung dalam berita palsu. Berita palsu tidak ada kena-mengena dengan identiti seseorang itu.

Adakah tanpa meminda undang-undang multimedia, kesan untuk menghalang menghantarkan surat layang dan juga fitnah layang itu tidak akan selesai. Adakah Yang Berhormat Kinabatangan sedar akta ini tidak akan menyelesaikan masalah yang telah disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Sedikit sahaja Yang Berhormat Kinabatangan isu yang sama contoh yang tadi- terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Kinabatangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Contoh yang diberi oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi memang tepatlah masalah itu ada, orang buat nama yang samaran bukan nama dia di mana lah *Facebook*, e-mel dan sebagainya.

Akan tetapi, adakah Yang Berhormat Kinabatangan sedar ada *remedy* yang sedia ada dalam akta tadi disebut oleh Yang Berhormat Batu iaitu akta multimedia dan *communication*, dengan izin, di sana kita boleh buat laporan Tuan Yang di-Pertua kepada Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi ini dan minta mereka ambil tindakan walaupun nama samaran itu ada, memang mereka boleh cari.

Mereka tahu mereka ada teknologi itu, mereka akan kenal pasti siapa yang buat itu dan ambil tindakan. Jadi kita tidak perlu akta baru ini yang kita bahas sekarang. Minta penjelasan.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Kinabatangan sikit sahaja.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kedua-dua Yang Berhormat Batu dan Yang Berhormat Subang...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Kinabatangan pencelahan sikit.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sekejap. Saya sudah melalui ini. Saya telah buat laporan polis saya telah membuat dengan MCMC, memakan masa sampai enam bulan. Akhirnya kena rujuk kepada HQ *Facebook*.

Itu sebab saya melalui proses ini saya sudah sedar kita perlu ada akta macam di Singapura. Tidak perlu lagi rujuk mana-mana apabila didapati suatu akaun yang menggunakan akaun palsu, menggunakan nama palsu memfitnah dan sebagainya. Maka kita buat laporan polis, sudah buat laporan polis terus dapat ditangkap dalam 24 jam. Ini yang kita mahu. Kalau kita menunggu satu tahun enam bulan, rasa saya akta sedia ini tidak mencukupi sebab itu akta ini kalau boleh kita sudah orang Sabah kata 'alang-alang sudah' kita masukkan akta ini, masuklah sekali, janganlah lagi berkali-kali.

Kalau hendak buat, buat satu kali biar *proper* biar kita melihat bahawa kita kerajaan Barisan Nasional betul-betul bertanggungjawab untuk membanteras mereka-mereka yang suka menyebarkan berita palsu sebab berita palsu ini...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Kinabatangan. Ya, sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Batu bangun lagi.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Batu lagi.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya kesian dengan Yang Berhormat Kinabatangan sebab berkali-kali mempertahankan inilah undang-undang yang akan hapuskan semua masalah. Akan tetapi sudah berapa kali kita ini berdiri dengan *Anti-Terror Laws* dengan MCMC tapi tidak selesai-selesai. Apa masalahnya kenapa tidak boleh selesai.

Masalah yang tadi sebut kalau *Facebook* tidak ada nama, akta ini tidak mengandungi sebarang butiran yang boleh tangkap orang yang tidak masukkan berita benar dalam akaun *Facebook* dia. Apa yang lebih tepat adakah Yang Berhormat Kinabatangan setuju dengan saya ialah kita pinda akta multimedia ini bukan memperkenalkan satu akta yang *draconian* yang tujuan tadi disebut oleh Yang Berhormat Kinabatangan supaya boleh cepat tangkap orang. Inilah terdedahnya niatnya ialah supaya cepat boleh tangkap orang.

Ini yang adakah Yang Berhormat Kinabatangan kluatir undang-undang disalahgunakan dan akhirnya tidak mencapai matlamat yang disebut tadi.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat mana ada undang-undang boleh menjamin kesalahan tidak berlaku. Akta dadah berbahaya pun hukum sampai mati berapa banyak juga pendedar yang masih mengedar.

Jadi dalam parti Yang Berhormat pun banyak juga masalah yang tidak diatasi oleh peraturan parti. Jadi ini orang kata *very simple question* begini tidak perlulah kita *to raise up*. Ini sebab kita melihat seharusnya akta ini kita lihat untuk kepentingan sesebuah negara bangsa Malaysia. Kalau di Indonesia dia boleh bersetuju kerana untuk keharmonian negara sebab penularan berita palsu ini makin menjadi-jadi. Anak-anak muda yang tidak tahu pokok pangkal dapat baca berita dia akan *viral* kepada orang lain. Dia akan panjangkan kepada *groups* yang lain.

Jadi ini menjadi satu masalah sebab negara kita- percayalah negara ini tanpa ada peraturan, tanpa ada kekangan, kita akan berhadapan dengan satu masalah besar kehancuran sebuah negara.

■1600

Oleh sebab itu saya berkata Kerajaan Barisan Nasional ini kerajaan yang bertanggungjawab. Kita sedia terima risiko. Kita ini bukan akta yang untuk popular tetapi akta ini untuk kepentingan bangsa kita, negara kita. Ini yang penting, bukan macam Yang Berhormat Seputeh fikir parti, fikir parti, hendak jatuhkan kerajaan itu sahaja...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bangun]*

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kita bukan fikir, kita berpolitik bukan untuk esok, bukan untuk lusa...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: ...Kita berpolitik untuk 20, 200 dan 2,000 tahun, untuk anak bangsa kita. Duduk dulu! saya belum kasi berdiri.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua kasi duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kenapa takut.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bagi duduk dia Tuan Yang di-Pertua.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah. Peraturan Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat Seputeh. Sila.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Duduk.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bukan takut, tengok... *[Disampuk][Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya amat berharaplah akta ini diguna pakai untuk membanteras kepada mereka-mereka yang suka menyebarkan berita palsu. Tidak kira siapalah. Akan tetapi apa yang akan dilakukan oleh- itu Yang Berhormat Batu saya kata tadi, bagaimana seorang itu yang menggunakan nama palsu memuat turun berita palsu. Memang dapat dicari tetapi mungkin memakan masa.

Kalau dia didaftar sudah tentu masa yang singkat akan dapat diperoleh. Akan tetapi kalau memakan masa enam bulan, satu tahun baru dapat kita cari siapa orang ini, rasa saya ia akan merugikan waktu dan masa kerajaan. Oleh sebab itu Akta Antiberita Tidak Benar ini penting. Hukuman dia memang pun berat di Indonesia, enam tahun dan empat tahun. Siapa yang didapati menyebarkan berita palsu yang mengakibatkan keporak-perandaan masyarakat, bangsa dan negara.

Demikian juga berita palsu antara- saya juga ingin bertanya kepada Menteri bagaimana akta ini boleh diguna pakai oleh orang-orang perseorangan. Bukan melibatkan kerajaan tetapi mungkin melibatkan individu itu.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Apakah individu juga berhak menggunakan akta ini untuk mengheret seseorang itu ke mahkamah? Sebab mungkin dia fitnah seseorang individu, mungkin tidak berpuas hati dan sebagainya. Maka adakah juga individu itu ada hak mengheret orang memfitnah dia, orang yang memuat turun berita palsu ini terhadap diri dia ke mahkamah. Saya pun mahu tahu sebab banyak yang bertanya kepada saya dan bila. Kalau boleh bermakna ini amat baiklah sebab kita boleh mengurangkan berita-berita yang tidak baik ini. Oleh sebab berita palsu ini banyak menghancurkan orang, sama ada orang perseorangan, menghancurkan hubungan masyarakat, masa depan seseorang, ini tidak baik.

Oleh sebab itu dalam Islam dia kata menyebarkan berita palsu, memfitnah itu hukumnya lebih berat daripada membunuh. Oleh sebab apabila dia menyebarkan berita palsu, memfitnah seseorang dia akan fitnah seluruh keluarga. Jadi itu sebab pada saya, saya memang amat bersetujulah akta ini kita terima dengan sebulat suara sebab ini akan memberikan kita impak masa depan negara. Kepada siapa yang tidak setuju saya memang ada menaruh kepercayaan mereka adalah kumpulan-kumpulan yang suka menyebarkan berita palsu.

Jadi Tuan Yang di-Pertua saya rasa pertanyaan saya kepada Menteri pun sudah jelas, jadi saya dengan ini menyokong akta ini dan kalau boleh kita tambahlah untuk memperkukuhkan akta ini sekali gus untuk membanteras gejala-gejala penyebaran berita palsu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Permatang Pauh.

4.04 ptg.

Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. *Alhamdulillah robbil alamin. Washolatu wassalamu'ala asrofil ambiyaa iwalmursalin. Wa'ala alihi wasohbihi ajma'in.* Selawat dan salam ke atas Junjungan Baginda Nabi Muhammad SAW, pembawa rahmat seluruh alam serta teladan untuk disanjung.

Tuan Yang di-Pertua, saya ini hendak bahas kerana terlebih dahulu saya hendak memberitahu- kata adalah saya dahulu menjadi mangsa berita palsu dahulu. Masa tahun 2004, dalam Pilihanraya Umum Ke-11, saya telah memenangi pilihan raya umum di kala itu tetapi berita nasional- *Berita Perdana* menunjukkan bahawa di bawah *trailer* dekat televisyen itu kata, "*PKR kecundang di kubu kuatnya di Permatang Pauh*"...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Apakah ini tidak berita palsu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Permatang Pauh sekejap Yang Berhormat. Berapa ramai yang berbahas Usul ini? Yang Berhormat saya ingin menghadkan masa mengikut peraturan mesyuarat tidak melebihi 15 minit seorang Yang Berhormat.

Ya, sila Yang Berhormat Permatang Pauh.

Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih. Saya tidak panjang Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Okey.

Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Akan tetapi saya hendak beritahu bahawa saya bila jadi mangsa pada masa itu, tahun 2004 keputusan rasmi yang belum diumumkan oleh SPR pada malam itu tetapi telah disiarkan satu Malaysia bahawa saya sudah kalah di Permatang Pauh. Ini mengundang perasaan bahawa, memberikan kekecewaan kepada semua terutamanya kepada parti kami.

Ini menunjukkan bahawa kalaulah berita palsu ini takrifnya siapa yang mentakrifkan bahawa ini berita palsu? Siapa yang katakan bahawa ini adalah kesalahan? Ini yang kita tentang Tuan Yang di-Pertua, bahawa pentakrifannya begitu luas. Apabila saya pergi dengar Yang Berhormat Pengerang, Menteri yang telah memberikan kami ruang, walaupun dia kata orang yang tidak dijemput pun datang, apa salahnya.

Kalau ini yang dikatakan bil dan salah seorang itu adalah dulunya Perdana Menteri kita, apa salahnya dia datang hadir dengar sama. Kenapa mesti memberikan satu respons sebegitu. Dulu memanglah bos di sebelah sana, tetapi apabila sudah tidak jadi itu macam-macamlah tohmahannya.

Akan tetapi apa yang hendak saya kongsi sini, apa yang ditakrifkan adalah *inexhaustible*. Kalau apa yang dikatakan, ditakrifkan palsu itu *inexhaustible*. Apakah ini akan menjadi satu kebiasaan, siapa yang akan takrifkan, siapa akan membuatkan bahawa ini adalah berita palsu dan siapa yang menjadi mangsa.

Kalaulah saya dulu menjadi mangsa, yang diperbuat oleh kerajaan yang memerintah. Apa jaminan sekarang ini? Akta ini diluluskan dengan tergesa-gesa, dibentangkan dalam Parlimen dan diteruskan macam semalam dan diluluskan dengan tergesa-gesa akta yang begitu penting apabila SPR telah membuatkan—walaupun tidak ada penambahan kerusi tetapi ditukarkan *boundary*. Kenapa? Apa muslihat dan apakah niat di belakangnya. Ini katakan sama hari ini kita hendak bahas tentang akta berita palsu ini. Apakah ini transformasi yang dicanangkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan untuk negara dengan menyekat prinsip hak kebebasan yang telah termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar ini membawa maksud kepada memperkatakan tentang berita yang tidak benar. Dengan mengadakan peruntukan mengenai kesalahan-kesalahan yang tertentu dan langkah-langkah untuk mengekang penyebaran berita tidak benar dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan.

Dalam asas kita menggubal undang-undang, prinsip hak asasi dan asas Perlembagaan Persekutuan haruslah dihormati. Namun demikian kalau kita lihat akta yang digubal pada hari ini jelas dengan telah melanggar prinsip-prinsip Perlembagaan Persekutuan dan norma-norma hak asasi sejagat. Sampai Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) sendiri mengatakan tidak wajar kita luluskan undang-undang pada petang ini dalam sesi Parlimen pada petang ini dan juga memang tidak sepatutnya kita luluskan undang-undang yang begitu meluas, *draconian*, tidak ada tafsiran yang tepat dan boleh disalahgunakan dan boleh menjawab kepada kezaliman.

■1610

Boleh membawa kepada *selective prosecution*. Tafsiran antiberita tidak benar ini terlalu luas dan tidak jelas. Ia akan menyebabkan pelbagai jenis berita mudah ditafsir oleh pihak berkuasa. Siapa yang tafsirkan? AG, sebagai berita yang tidak benar yang akhirnya ia akan menyebabkan rakyat akan mudah dikenakan tindakan kerana terperangkap dengan tafsiran berita palsu yang tidak jelas ini. Siapa? Saya dengan izin hendak tanya, "*Who watches the watchmen?*" Siapa yang memberitahu, memantau mereka yang buat tafsiran ini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita bicarakan soal mana-mana akta di negara kita, ia harus bersifat pada manfaat pada masyarakat dan bersifat mendidik. Namun pada hari ini, akta yang dibentangkan secara jelaslah akta undang-undang *draconian*, bersifat *draconian* malah terdedah kepada penyalahgunaan kuasa terutama daripada pihak pemerintah. Saya balik pada malam itu saya ingat benar 2004, kerusi Permatang Pauh dilakukan begitu dan saya dibawa ke mahkamah. Pada malam itu memanglah televisyen menunjukkan bahawa kita kalah.

Itu adalah satu berita palsu, terang-terang. Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan yang telah disebut beberapa kali telah menjamin hak kebebasan bersuara setiap warga Malaysia. Tidak cukupkah kita ada Akta Hasutan, kita ada Akta Suruhanjaya Komunikasi Multimedia.

Ada sahaja akta tetapi saya tengok banyak juga yang multimedia yang tempek sana along sana along sini, semua merata-rata. Kalau hendak kejar kerajaan tempatan, hendak ambil tindakan, dia kata ini dia bawah SKMM, tidak boleh ambil tindakan.

Kita ada Akta Mesin Cetak, kerajaan menambah lagi akta ini Akta Antiberita Tidak Benar. Kenapa kita perlukan banyak sangat akta? Apakah orang Malaysia ini teruk benar?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua, konsep keadilan adalah batu asas dalam pembinaan negara dengan memastikan segala asas demokrasi dihormati. Dengan izin, "*Justice must not only be done but must also be seen to be done*".

Ahli-ahli Dewan yang dihormati, kenapa undang-undang ini hanya dikemukakan menjelang Pilihanraya Umum Ke-14 walaupun Yang Berhormat Kinabatangan kata di Indonesia sudah dibuat sebelum pilihan raya tetapi kenapa kita kena buat ini dan tidak boleh kata pula 1MDB itu dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa apa kena-mengena dengan 1MDB itu adalah palsu, kenapa?

Satu *white blanket* menyatakan begitu. Akan tetapi selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa DOJ keluaran kenyataan itu adalah bukan *fake news*. Boleh pula tukar-tukar macam itu satu hari, dua hari. Ini tidak lain dan tidak bukan bersifat mala fide dan menakut-nakutkan rakyat. Undang-undang yang digubal seharusnya bersifat bona fide dan mendidik rakyat menjadi manusia yang lebih baik tetapi apa yang kita lihat sekarang undang-undang ini digubal untuk mencengkam dan menindas rakyat.

Tidak cukup lagikah akta-akta zalim yang ada sekarang sedangkan pelbagai akta telah diwujudkan untuk mengekang fitnah dan tohmahan, baik secara bertulis ataupun secara lisan. Akta Antiberita Tidak Benar ini bukan sahaja tafsirnya tidak jelas, malah pemakaian undang-undangnya juga tidak terlalu luas. Menurut fasal 3(1) mana-mana warganegara yang melakukan kesalahan di mana-mana tempat sekalipun boleh didakwa di bawah akta ini seolah-olah kesalahan itu dilakukan di dalam negara.

Ditambah lagi dengan bentuk hukuman yang melampau walaupun dikatakan dadah pun ada hukuman mati tetapi berlaku juga tetapi ini belum lagi *start*. Belum lagi apa-apa, apa yang hendak- dikatakan boleh dipenjarakan 10 tahun dan didenda setengah juta, RM500,000. Saya ingin tahu apakah kewajaran kerajaan menggubal ini secara tergesa-gesa. Sudah dekat hendak habis sudah penggal. Sudah dekat-dekat hendak pilihan raya, adakah kerajaan mengakui bahawa akta yang sedia ada ini mempunyai banyak kelemahan dan kelompangan sehingga memaksa penggubalan akta sezalim ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi peringatan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jika rang undang-undang ini diluluskan dan ia akan menjadi senjata serampang dua mata dan akan menjadikan alat pemerintah untuk mendakwa bukan sahaja mereka didapati bersalah menyebarkan berita tidak benar, namun ia boleh disalahgunakan juga menjadi senjata pemerintah bagi mendakwa pembangkang yang mengkritik dan mendedahkan kebobrokan dan kepincangan mereka yang berkuasa.

Kita perlu Tuan Yang di-Pertua, kita perlukan pembangkang. Kita perlukan antara satu sama lain untuk kita menegur. Kita perlukan kalaulah kita kata pembangkang kata GST tidak baik dan pihak kerajaan sambut dan turunkan dan hendak hapuskan, bagus untuk rakyat. Akan tetapi kalau kita tidak kata apa-apa, ia akan terus, ia akan meningkat Malaysia yang paling kurang GSTnya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, maka di atas prinsip keadilan saya ingin mempertegaskan di dalam Dewan yang mulia ini adalah menjadi tanggungjawab kami di pihak Pakatan Harapan sejurus *insya-Allah* mendapat rakyat untuk memerintah negara ini pada PRU Ke-14, *insya-Allah* kita akan mansuhkan aktanya sekiranya hari ini diluluskan secara tergesa-gesa dengan adanya *simple majority* yang tahu ini akan diluluskan... *[Tepuk]*

Saya ulangi bahawa saya biasa menjadi mangsa berita yang tidak benar. Jadi namun apa yang telah berlaku pada saya mengukuhkan lagi persoalan yang ditimbulkan oleh Penasihat Sosiobudaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim. Kalau kerajaan buat berita palsu macam mana, kalau kerajaan yang dahulunya biasa membuat berita palsu. *It happened to me*, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi ini menunjukkan satu berat sebelah, *selective prosecution*, ini tidak betul. Persoalan ini adalah sememangnya penting dan saya mengambil contoh mantan Ketua Pembangkang, Saudara Anwar Ibrahim telah menyaman Ketua Pegawai Operasi SKMM, Datuk Dr. Mazlan Ismail di atas fitnah yang dilemparkan beliau terhadap Saudara Anwar dan mendiang Kar Ko Sing, fitnah tersebut memang lagi teruk daripada membunuh menjadi berita tidak benar yang telah disiarkan oleh TV3 dan *Utusan Malaysia*. Kes ini masih dalam pertimbangan mahkamah.

Ini saya tidak boleh cakap banyak-banyak takut nanti kata *sub judice* walaupun persempadanan semula boleh tidak ada *sub judice* pula tetapi satu yang lain kes pula. Namun begitu, apa yang saya tekankan di sini adalah Ketua Operasi SKMM suruhanjaya yang telah ditubuhkan di antara tugas utamanya adalah untuk mengawal dan memantau aktiviti komunikasi dan multimedia tetapi pengawal dan pemantau itu dialah yang menabur fitnah. Bagaimana? Bagaimana ini boleh berlaku di Malaysia negaraku yang ku cintai ini? Lalu fitnah itu menjadi berita yang tidak benar yang telah disiarkan oleh media milik parti pemerintah.

Perkara-perkara sebeginilah yang menimbulkan kekhuatiran. Kami khatir bukan sahaja di kalangan kami di pihak pembangkang, malahan seluruh rakyat Malaysia mengenai akta ini. Apakah muslihat sebenar di sebalik undang-undang ini? Kenapa undang-undang ini hanya dikemukakan dengan tergesa-gesa menjelang PRU Ke-14?... *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, kita mestilah ada tafsiran yang lebih jelas. Saya merujuk kepada *Hansard* 21 Mac muka surat 42, Yang Berhormat Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Yang Berhormat Hulu Terengganu mengatakan, apa-apa yang ditimbulkan sekarang berkaitan dengan 1MDB merupakan satu berita palsu. Tuan Yang di-Pertua, *how can?* Macam mana boleh jadi begitu? Saya ada *Hansard* ini.

Sefaham saya apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu membawa maksud berita rampasan kapal *Equanimity* yang mempunyai kaitan dengan 1MDB di Bali itu pun adakah berita palsu.

■1620

Adakah ini maksud Yang Berhormat Hulu Terengganu? Juga kalau sudah diuji dua kali, itu adalah kapal kepunyaan Jho Low. Apakah ini berita palsu? Jadi, kenapa kita buat undang-undang ini? Untuk melindungi siapa? Apakah rakyat Malaysia tidak memerlukan perlindungan? Akan tetapi orang yang tertentu sahajalah yang *special*.

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam bangun, Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Saya ada satu minit. Nak habis dah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Satu minit.

Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Dewan yang mulia ini pernah meluluskan akta zalim - ISA. Apabila ISA diperkenalkan pada tahun 1960, Perdana Menteri masa itu Tunku Abdul Rahman, Timbalan Perdana Menteri- Tun Abdul Razak serta Menteri Dalam Negeri- Tun Dr. Ismail telah memberi jaminan di Parlimen, di Dewan yang mulia ini bahawa akta tersebut akan digunakan secara bertanggungjawab dan hanya terhadap komunis, pengganas dan anasir subversif.

Akan tetapi kita sudah melihat apa yang berlaku. ISA disalahgunakan untuk memenjarakan pengkritik dan seteru politik pemerintah yang berkuasa. Terlalu ramai di kalangan pemimpin politik pembangkang yang dipenjarakan akta yang sepatutnya bertanggungjawab hanya terhadap komunis, pengganas dan anasir subversif. Izinkan saya habis sedikit sahaja lagi.

Alhamdulillah, ISA dimansuhkan tetapi kenapa pula digantikan dengan undang-undang zalim seperti SOSMA, POTA, POCA? Undang-undang tersebut yang diluluskan juga di Dewan yang mulia ini dan bawah akta itu juga Puan Maria Chin ditangkap. Menunjukkan bahawa penyalahgunaan kuasa boleh berlaku dan telah berlaku. Jadi, kalaulah diluluskan akta yang begitu *draconian* pada hari ini dengan meluas tafsirannya, apa jaminan ini tidak akan disalahgunakan oleh mereka yang berkuasa?

Oleh kerana cara-cara hendak buat pun sudah nampak bayang-bayang kenapa akta ini hendak diluluskan. Apakah hendak tutup mulut rakyat dan sesiapa yang berkata walaupun berita benar? Apakah akan ditafsirkan sebagai palsu? Jadi, kita berdepan sekarang dengan undang-undang sezalim ISA, Akta Antiberita Tidak Benar yang bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan, juga bertentangan dengan norma-norma sejagat hak asasi manusia, terdedah kepada penyalahgunaan sang penguasa.

Oleh itu, menjadi tugas dan tanggungjawab kita semua walaupun katanyalah hendak menjaga kedudukan atau jawatan semua. Kita tegaslah, kita Ahli Parlimen, kita wakil rakyat. Kita duduk di Dewan yang mulia ini meluluskan undang-undang, biarlah kita berlaku adil, biarlah kita membuat dengan manusiawi, dengan ikhlas *lillahi taala*. Tanggungjawab kita semua Ahli Dewan semua ini menolak akta yang zalim ini. Tuan Yang di-Pertua, saya menolak rang undang-undang ini. Terima kasih... [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Tinggi.

4.23 ptg.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar ini. Saya ingin berkongsi sedikit fakta yang mungkin kita boleh guna bersama sebab isu fitnah ini dari dahulu sudah beratus-ratus tahun. Izinkan saya memulakan pada tahun 1815, di mana ketika itu ada Perang Waterloo. Di mana di Waterloo semasa itu tidak ada komunikasi yang hebat, Tuan Yang di-Pertua. Komunikasi paling pantas ialah pakai burung merpati ataupun pakai *courier service*.

Jadi, apabila Waterloo berlaku, *courier service* nama dia John Roworth, naik kuda sampai ke *England* memberitahu kepada bos dia Nathan Mayer Rothschild, mengatakan bahawa peperangan ini sebenarnya Napoleon akan kalah pada tangan Wellington.

Apa yang Rothschild buat, dia telah mengarahkan orang dia semua jual saham banyak-banyak, termasuk bon negara *England* dan melakukan *panic selling*. Konon-kononnya *England* kalah. Akan tetapi dua hari kemudian, dia dapat tahu bahawa Napoleon kalah, orang telah *panic selling*, jual murah-murah. Nathan Mayer Rothschild telah beli balik pada harga yang untung banyak, menyebabkan *England* rugi banyak dan terpaksa berhutang kepada Nathan Mayer Rothschild. Akhirnya, dia terpaksa membenarkan buka Bank of *England*. Ini cerita benar. Itu tahun 1815.

Oleh sebab maklumat yang tidak betul, boleh menyebabkan satu negara tergadai. Baru-baru ini, hari ini 21 Mac baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua ialah ulang tahun ke-15 serangan Amerika kepada Iraq. Jangan kita lupa bahawa ketika itu 600,000 rakyat Iraq mati secara langsung, dua kali ganda yang mati selepas itu, 5 juta hilang rumah tangga. Sampai hari ini perkara ini tidak menjadi disebabkan oleh menurut Mark Velasco iaitu *United States Defense Intelligent Agency* berpangkalan di Pentagon.

Beliau ini bertugas untuk memblacklistkan 55 pegawai Iraq yang mesti dibunuh untuk memastikan orang Iraq itu boleh dibunuh dalam masa sekejap. Baru-baru ini pengakuan daripada Mark Velasco, apabila mereka serang Iraq, tidak ada bom pemusnah besar-besaran, tidak ada *tunnel* rahsia yang kononnya menyimpan bahan-bahan sarin ataupun gas-gas beracun. Presiden Bush, hari yang sama serang Iraq telah membuat *announcement* mengatakan Iraq mesti diserang kerana telah mendapat maklumat daripada orang Iraq sendiri mengatakan ada senjata pemusnah besar-besaran.

Orang dalam Iraq sendiri yang cakap. Berita yang pendek, yang sedikit, yang tidak sahah ini telah diguna pakai oleh Bush untuk melesenkan dia menyerang Iraq yang kita tahu hari ini menjadi malapetaka kepada Iraq sebab maklumat palsu, berita tidak benar. Saya menyebut cerita ini sebab saya merasakan kesengsaraan Iraq itu tidak berhenti di situ sahaja. Selepas itu, Libya diserang atas sebab yang sama. Atas sebab berita-berita palsu ini, bukan sahaja fitnah membunuh, sebenarnya fitnah ini, berita palsu ini membunuh secara besar-besaran dan ia berulang kali. Mereka yang bertanggungjawab terlepas daripada keadilan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini ada satu kajian yang dibuat oleh *Massachusetts Institute of Technology* yang dibuat selama 12 tahun, yang telah dilaporkan dalam jurnal sains yang telah dilakukan oleh *Mr. Soroush Vosoughi and Deb Roy of MIT Media Lab; Sinan Aral of MIT Sloan School of Management*.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam bangun, Yang Berhormat.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Saya baru hendak *start*. Sabar dahulu, sekejap Yang Berhormat Shah Alam. Mereka ini telah membuat satu kajian selama 12 tahun dan telah merumuskan dapatan-dapatan yang agak terkejut, yang saya rasa saya hendak kongsi di sini.

Pertama, selepas 12 tahun, jutaan nombor mesej-mesej yang dilalukan melalui *Twitter*. Ini hanya untuk *Twitter* sahaja. Dapatan mereka yang mengejutkan ialah pertamanya dalam kajian 1,600 orang itu, berita-berita palsu akan sampai kepada penerimanya enam kali lebih cepat daripada berita-berita yang benar. Ini satu yang amat memeranjatkan.

Keduanya, untuk berita-berita ini sampai, berita palsu untuk sampai kumpulan lebih besar atau sampai kepada kumpulan berita yang melalui rantaianya ia akan sampai 20 kali lebih laju daripada berita-berita benar. Berita palsu ini 20 kali laju daripada berita benar. Daya tarikan berita-berita palsu ini tiga kali lebih besar daripada tarikan berita-berita benar.

Saya hendak kongsi lagi. Dalam segmentasi yang dibuat oleh kumpulan-kumpulan *research* selama 12 tahun ini, segmen-segmen yang paling terdedah kepada berita-berita palsu, nombor satu ialah berita-berita politik. Nombor dua, berita-berita tentang artis, *urban legends*. Ketiga, berniaga, keempat *terrorism*, kelima sains dan berita-berita yang lain, seterusnya.

Akan tetapi yang pastinya, berita-berita politik adalah satu berita yang paling cepat sampai. Jumlah berita palsu ini 20 kali lebih cepat sampai, mempunyai tiga kali lebih tarikan. Ini adalah disebabkan oleh kehadiran satu media baru yang kita panggil media sosial.

■1630

Kalau dulu pakai kuda, sekarang pakai media sosial. Pernah anakanda saya, Anis bertanya kepada saya, Tuan Yang di-Pertua, lima kah enam tahun dahulu. Dia tanya, "*Papa, betul kah telefon ini dajjal mata satu?*" Saya tak boleh jawab. Akan tetapi bila saya memikirkan semula, ada kebenaran juga kerana tiap-tiap malam kita tidur, esok pagi ada berita-berita yang kita tak tahu daripada mana datangnya dan tak dapat diverifikasikan. Dan sudah tentulah orang macam Yang Berhormat Permatang Pauh, saya, Yang Berhormat Pekan akan terdedah kepada berita-berita yang lebih palsu banyaknya daripada berita-berita yang berunsurkan ilmiah atau berasaskan kebenaran.

Atas sebab itu, kita menggubal dasar undang-undang ini, rang undang-undang ini melihat keperluan semasa. Selepas 200 tahun di zaman Waterloo sampai ke zaman Iraq, sampai ke zaman hari ini, media dah berubah, tuntutan pun lebih mendesak dan kita memerlukan satu kerangka yang boleh jaga semua, semua dalam Dewan ini.

Tak kiralah Yang Berhormat Permatang Pauh kah, Tuan Yang di-Pertua kah, saya kah. Ini bukan disebabkan oleh agenda-agenda yang *localize*, yang kecil tetapi merupakan satu kerangka yang perlu kita buat berasaskan kepada tuntutan perubahan teknologi semasa dan kalau kita tidak berjaya membuat ini, kita sebagai Ahli-ahli Dewan yang mulia ini gagal untuk mengemukakan satu kerangka menjaga kesejahteraan negara kita dan masa depan...

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: *[Bangun]*

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rompin bangun ya. Yang Berhormat Shah Alam juga bangun.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Sila Yang Berhormat Rompin.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Yang Berhormat Kota Tinggi.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Sekejap Yang Berhormat Shah Alam ya, kejam lagi.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dadah adalah satu penyakit yang merosakkan sosial dalam negara kita ini. Berita tidak benar juga tidak ada bezanya dengan dadah. Kalau dibiarkan menular dalam masyarakat, ia akan menyebabkan struktur masyarakat kucar-kacir. Lebih-lebih lagi bagi sebuah negara yang berbilang agama dan bangsa, berita-berita yang tidak benar boleh merosakkan struktur sosial dalam negara kita ini dan ini sangat merbahayalah. Jadi berita tidak benar dengan dadah ini suatu perkara yang hampir sama bahayanya dalam negara kita. Adakah Yang Berhormat Kota Tinggi setuju tentang pandangan ini?

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Dadah memang satu ancaman yang amat sukar untuk kita tangani sampai hari ini pun tapi dengan *emergence* maklumat-maklumat yang palsu, yang tidak benar, yang mengelirukan, ia juga berpotensi menjadikan, seperti saya cakap tadi kalau dadah mati perlahan-lahan, seorang-seorang tapi kalau maklumat palsu ini boleh menyebabkan satu negara habis. Iraq boleh hancur, ramai yang mati. Saya panggil maklumat yang tak betul ini pembunuh massa dan kalau kita tidak buat sesuatu, ia akan jadi pembunuh massa yang bersiri.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Shah Alam bangun.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Ya, Yang Berhormat Shah Alam. Sila, Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Jangan lama sangat ya.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Ringkas sahaja. Apa yang mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Kota Tinggi itu agak menarik ya, tentang soal Waterloo, soal Iraq, soal Libya, tapi saya tak pernah dengarlah mana-mana pihak yang mendakwa sekiranya ada akta berita palsu ini, maka perang Iraq tak akan berlaku, perang Libya tak akan berlaku ya,

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam, terima kasih. Saya faham dah.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Pasal benda itu bukan atas benda macam ini. Ini poin satu sahaja, pertama.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih. Pendek sahaja tadi.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang kedua, yang kedua saya nak tanya begini, Yang Berhormat Kota Tinggi. Tak ada orang yang sokong berita palsu dan *the objection*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *the objection* yang kita timbulkan bukan soal pasal kita sokong berita palsu. Tak ada orang sokong berita palsu. Persoalan yang kita timbulkan ialah bagaimana nak tentukan ianya tidak disalahguna? Berikan definisi yang betul...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih, terima kasih. Okey Yang Berhormat Shah Alam, dah. Saya terima, saya terima.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Yang tepat, yang jelas supaya tak boleh disalahguna.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Okey, dah Yang Berhormat Shah Alam. Cukup, cukup.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *So, answer...*

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Saya dah faham. Okey, Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *So, answer our criticisms*, jawab soalan kita. Jangan bersyarah tentang berita palsu, berita palsu. Tak ada orang suka berita palsu.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Okey, baik. Saya nak jawab, Yang Berhormat Shah Alam mohonlah duduk. Ini *floor* saya. Sudah, sudah.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Berita palsu macam dadah. Semua orang tak nak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Shah Alam. Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Okey Yang Berhormat Shah Alam, sudah. Sudah Yang Berhormat Shah Alam, okey.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tak reti nak berhenti dah. Orang bagi cakap sekejap, dia balun sampai lama-lama.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *How do you prevent misuse? That's the issue.*

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Dah, dah Yang Berhormat Shah Alam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang, dudukkan Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Sepang.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ini pasal dia orang ini tak faham-faham, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Shah Alam, saya terima.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, cukuplah Yang Berhormat Shah Alam.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Shah Alam, terima kasih kerana bagi satu dimensi yang akan saya sentuh sebentar lagi. Itu sebabnya kita berdebat, Tuan Yang di-Pertua, menceritakan *preamble*, senario dia yang berlaku. Kita tahu- Yang Berhormat Shah Alam kata tak sokong berita palsu. Tak apalah kalau Yang Berhormat Shah Alam tak sokong berita palsu. Yang kita nak kekalkan ini ialah persekitaran yang menyebabkan berita palsu itu berlaku dengan *blatant*. Yang itu kita bincang hari ini.

Itu sebab kita nak buat rang undang-undang yang kita tak perlu takut sebab kita pun nak jaga Yang Berhormat Shah Alam juga, kita pun nak jaga Yang Berhormat Permatang Pauh juga. Jadi bagi saya, soalan itu sebenarnya terjawab dengan pelaksanaan rang undang-undang ini. Ini perkara dasar. Kalau tak setuju daripada segi perkara-perkara butiran, tak apalah, kita bincanglah nanti...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam bangun, Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Itu sebahagian, sebahagian daripada undang-undang itu.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Ya, saya tahu. Sabar, sabar.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Definisi itu biar jelas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kota Tinggi tak bagi jalan, Yang Berhormat.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Tak, saya tak izinkan Yang Berhormat Shah Alam bercakap. Saya dah terima pandangan, hormat saya punya *floor time*. Jadi saya kata *preamble* ini menunjukkan bahawa setuju- Yang Berhormat Shah Alam pun setuju- berita palsu ini kita tak sokong. Atas sebab tak sokonglah kita nak buat rang undang-undang ini.

Dan rang undang-undang ini sebenarnya bukan kita sahaja nak buat. Seluruh dunia nak buat sebab ada keperluan mendesak menangani satu media baru yang kalau kita tak jaga akan jadi *monster*, akan memakan diri kita balik. Itu sebabnya kita berbincang. Itu sebab saya baca tentang tadi dapatan-dapatan yang dibuat oleh pakar-pakar daripada MIT. Data ini kalau kita tak nak pakai, terpulang kepada kita tetapi bagi saya, data-data ini amat menarik kerana ia memberi kita satu haluan bagaimana kita nak tuju menangani masalah-masalah ini.

Dah saya kata tadi contoh macam DOJ- Amerika, minta maaf. Amerika ini terbukti bila dia cakap sesuatu itu, kita janganlah ambil percaya semua-semua sebab sah maklumat yang diberi di Iraq itu tak betul. Akhirnya menyebabkan keruntuhan Iraq.

Sama juga sekarang ini, janganlah kita ambil berita-berita yang *Sarawak Report* hantarkah, atau ada orang kita hantar sana jadi laporan dan akhirnya kita gunakan itu kononnya ada satu laporan- bukan dakwaan pun. Laporan baru, dan laporan ini pula yang diketengahkan oleh DOJ yang dulu pun pengarahnya dulu pun bermasalah juga. Dia pun terbabit dengan isu-isu e-mel dengan Clinton. Dia pun terbabit dengan isu-isu dengan perdagangan manusia *across border* Mexico sampai hari ini Donald Trump pun kata dia pun tak pakai, tak pandang orang ini semua. Jadi kalau dia sendiri tak pandang, yang kita nak mengagung-agungkan sangat sebab apa? Itu pertama.

Kedua, kalau kita anggap ini sesuatu yang benar, apa dah jadi dengan Iraq? Jangan kita ajak orang ini masuk nak menghancurkan kita, jangan. Sebagai Ahli-ahli Parlimen, kita kena *protect* negara kita. Undang-undang ini nak *protect* kita dan undang-undang ini untuk anak-anak kita sebab mereka juga yang akan menghadapi masalah kalau kita tak ada program ini...

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Saya nak sebut sikit lagi, minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada beberapa orang bangun, Yang Berhormat.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Masa pendek sahaja.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Yang Berhormat Kota Tinggi, boleh sikit?

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Sikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada 40 saat, 50 saat yang tinggal ya.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa pandangan Yang Berhormat Kota Tinggi tentang berita palsu yang tadi disebutkan oleh Yang Berhormat Kota Tinggi yang dibuat oleh Amerika di mana sekarang ini yang Wikipedia, Wikileaks bila dia mendedahkan berita-berita yang telah pun dipalsukan oleh beberapa buah negara dan agensi, sekarang mereka dah cari dia nak tangkap dia *to shut his mouth*. Apa pandangan Yang Berhormat Kota Tinggi?

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Banyak. Wikileaks, Justo. Semua ini saya tak ada masa nak terang tapi kalau kita percayakan dia, kita sebenarnya tak yakin kepada diri kita dan sistem yang kita ada.

Datuk Khoo Soo Seang [Tebrau]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tebrau, masa dah tak ada dah, Yang Berhormat Tebrau.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Jadi saya rasa tolaklah itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Tinggi tak ada masa, Yang Berhormat Tebrau.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Cuma sikit lagi, sikit lagi nak habis. Tadi banyak saya diganggu. Saya nak minta- dah, sudah kacau, hilang dah. Okey, tak apalah, Tuan Yang di-Pertua, masa pun dah habis. Saya hormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Seorang Ahli: Ya, Yang Berhormat Bukit Gelugor. Kasi hantam.

4.38 ptg.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk saya membahaskan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar ini di mana pada tahap ataupun *at the onset*, saya perlu menyatakan bahawa rang undang-undang ini adalah satu rang undang-undang yang agak *draconian* dan sudah tentunya akan mempunyai satu kesan buruk terhadap *freedom of speech*, Tuan Yang di-Pertua, yang dijamin kepada kesemua kami di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Di dalam rang undang-undang ini, *preamble* nya menyatakan- saya *quote* apa yang dinyatakan dalam rang undang-undang, "*Suatu akta yang memperkatakan tentang berita tidak benar dan perkara yang berkaitan*" dan definisi atau pentafsiran berita tidak benar iaitu "*Termasuklah apa-apa berita, maklumat, data dan laporan, yang sebahagiannya atau keseluruhannya adalah palsu...*" dan seterusnya.

Persoalan yang utama ataupun pertama yang timbul, Tuan Yang di-Pertua, adalah siapakah atau apakah matlamat sebenarnya akta ini? Siapakah akta ini diniatkan untuk melindungi? *Who is this act*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *or this proposed act designed to protect...*

■1640

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: MO1.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Siapakah yang perlu dilindungi oleh akta ini?

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Jho Low.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Kita lihat kepada seksyen 32, saya *quote* apa yang dinyatakan dalam seksyen 3, subseksyen (2) Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, boleh saya membaca dari versi bahasa Inggeris, "*For the purposes of subsection (1), this act shall apply if, for the offence in question, the fake news concerns Malaysia or the person affected by the commission of the offence is a Malaysian citizen*".

Ini adalah penting, penting Tuan Yang di-Pertua oleh sebab apa yang dimaksudkan oleh seksyen ini adalah bahawa seksyen ini akan melindungi antara lain, seorang Warganegara Malaysia. Sekarang kita tahu Tuan Yang di-Pertua, laporan DOJ- *Department of Justice* di Amerika Syarikat, satu dunia tahu. Bukan sahaja Dewan ini, satu dunia tahu siapa itu DOJ. *Election PRU Ke-14* Tuan Yang di-Pertua, dekat.

Dalam PRU Ke-14 itu, saya akan membuat ceramah dan sebagainya sekiranya dicalonkan. Dalam ceramah tersebut Tuan Yang di-Pertua, kita mahu bagi tahu rakyat apa itu 1MDB. Apa masalah skandal 1MDB, terutamanya kita kena bagi tahu siapa itu MO1. Kita kena bagi tahu. *So if we will to look at section 3(2)*, seksyen 3(2) ini melindungi Warganegara Malaysia. So, sekiranya MO1 itu bukannya seorang Warganegara Malaysia, maksudnya dia tidak akan dilindungi oleh seksyen 3(2). Itu pentafsiran saya.

Jadi saya hendak tanya Menteri, adakah MO1 itu seorang warganegara Malaysia yang dilindungi oleh seksyen 3(2) ini? *Who is MO1? I need to know because when I go for ceramah, I need to know if MO1 is protected by section 3(2)*. Kita kena tahu. Kalau saya bincang cakap pasal MO1, mungkin saya ikut Kota Belud, saya bagi tahu orang MO1 itu sebenarnya Yang Amat Berhormat Pekan, adakah Yang Amat Berhormat Pekan dilindungi oleh seksyen 3(2) ini? Ini adalah peluang kepada Menteri untuk memberitahu *once and for all* kepada dunia siapa itu MO1. *Who is MO1? Is MO1 Yang Amat Berhormat Pekan?...*

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Ya.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Confirm it in your reply.*

Seorang Ahli: Yes.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *We need to know.*

Seorang Ahli: Yes.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Is this act*, adakah akta ini matlamatnya untuk melindungi MO1?... *[Disampuk]* Sudah tentunya seksyen 3(2) ini digubal untuk melindungi MO1. Jadi, itu persoalan pertama yang harus dijawab oleh Menteri.

Seperti yang saya katakan tadi Tuan Yang di-Pertua, adalah *common knowledge* di seluruh dunia bahawa *Department of Justice* (DOJ) tersebut sedang menyiasat 1MDB. Saya takkan pergi ke dalam detil-detilnya, tetapi kita perlu menyebut perkaranya. Peguam Negara Amerika Syarikat, Jeff Sessions mengesahkan- saya *quote*, bahawa 1MDB- saya *quote* dalam bahasa asal Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, hati-hati Yang Berhormat. Kita ada *ruling on that*.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *No. I am-* saya hendak mengaitkan dengan akta ini, itu adalah penting *because as far as we are concerned* akta ini digubal untuk melindungi 1MDB.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *He didn't say that. That's your interpretation* Yang Berhormat.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *He didn't say that. That's why I'm debating it.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *But the Minister would answer you.*

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Yes, he will answer me. So that's why, I think it's fair.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Akan tetapi bila menyentuh tentang 1MDB, ada *ruling*. *That's I'm reminding...*

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Boleh Tuan Yang di-Pertua, saya akan *just* menyentuh secara *in passing*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Apa yang dinyatakan kita semua tahu, DOJ itu menyatakan berita buruk berkenaan 1MDB. Saya takkan pergi ke dalamnya, *I won't go into the details*. Akan tetapi *insinuation* ataupun implikasi laporan DOJ tersebut Tuan Yang di-Pertua, adalah bahawa wang 1MDB, wang rakyat telah masuk ke dalam akaun Yang Amat Berhormat Pekan. Itu adalah implikasinya. Itu implikasi laporan DOJ.

Akan tetapi baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, kita dengar daripada CEO 1MDB iaitu Arul Kanda, apa dia cakap? Arul Kanda menyatakan baru-baru ini dalam satu wawancara, *if I'm not mistaken* dengan *Utusan*, di mana beliau menyatakan bahawa, saya quote apa yang dinyatakan, "*I can confirm that 1MDB according to company records and the Public Accounts Committee investigation had never paid a single cent into the Prime Minister's personal account*". Itu yang dinyatakan oleh Arul Kanda.

Jadi DOJ atau Arul Kanda, *one of them must be lying*. Bukan kedua-duanya boleh bercakap benar. Adakah DOJ cakap palsu ataupun Arul Kanda cakap palsu? Persoalannya saya hendak tanya Menteri, dengan penggubalan akta ini, adakah Arul Kanda ditangkap? Adakah Arul Kanda akan disiasat kerana membuat laporan palsu? Ini kerana apa yang dinyatakan adalah jelas bercanggah dengan apa yang dilaporkan oleh DOJ tersebut. *One cannot be, both cannot be correct. One is fake! Is Arul Kanda news fake?* Adakah Menteri akan menjawab soalan ini?

Perkara ini penting Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab kita pergi balik kepada siapa yang menentukan apa itu berita palsu. Seperti yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puchong tadi, saya berkongsi pendapat yang sama. Di dalam akta ini, akta ini memberi kuasa kepada Peguam Negara untuk menentukan atau memulakan prosiding jenayah di bawah akta ini. Itu di bawah seksyen 11. *In other words, that AG, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, in statute proceedings, you have to get his consent before proceedings under this act can be commenced.*

The question adalah persoalan dia, apakah yang akan jadi sekiranya Peguam Negara itu membuat berita palsu? Peguam Negara membebaskan Yang Amat Berhormat Pekan daripada isu 1MDB ini. Itu jelasnya bercanggah dengan DOJ *report*. Sekali lagi ada konflik. Sekiranya Peguam Negara didapati membuat berita palsu, adakah Peguam Negara akan beri kebenaran untuk mendakwa dirinya sendiri? *Will the public prosecutor consent to him being prosecuted*, itu tak masuk akal. *Of course he is not going to do that*. Jadi siapa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Mertajam bangun Yang Berhormat. Yang Berhormat Bukit Mertajam bangun di belakang.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Boleh.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bukit Gelugor. Yang Berhormat Bukit Gelugor, saya hendak tanya Yang Berhormat Bukit Gelugor, daripada penjelasan ataupun fakta-fakta perbahasan, hujah-hujah Yang Berhormat Bukit Gelugor tadi, bolehkah saya simpulkan bahawa akta ini amat mudah disalahgunakan terutamanya apabila jika pemerintah ataupun orang besar dalam kerajaan contohnya Perdana Menteri melakukan kesalahan, mereka bukan melawan tuduhan ataupun dakwaan dengan fakta.

Akan tetapi melawan dakwaan dengan akta dan menggunakan akta itu untuk mendefinisikan fakta bagi melindungi diri. Jadi, *they do not defend themselves or proof themselves right*, dengan izin, melalui dengan hujah-hujah fakta tetapi menggunakan undang-undang untuk mendiamkan kritik. Setujukah Yang Berhormat Bukit Gelugor?

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya setuju Tuan Yang di-Pertua, dengan cadangan Yang Berhormat Bukit Mertajam bahawa akta ini boleh ataupun ada kemampuan berpotensi untuk disalahgunakan. Seperti yang telah pun diakui oleh Menteri sendiri dalam ucapan pembukaannya, terdapat banyak lagi undang-undang alternatif yang sedia ada yang boleh menangani isu-isu yang diniatkan ditangani oleh akta ini. *criminal defamation, civil defamation, MCMC Act*, banyak lagi, *cheating* dan sebagainya.

■1650

Semua ini adalah akta-akta yang menjurus ataupun digubal untuk masalah-masalah seperti ini. Pilihan raya umum adalah dalam masa sebulan, mungkin dua, apakah *urgency* untuk memberi ataupun melaksanakan undang-undang ini sekarang? Adakah undang-undang ini digubal untuk mendiamkan orang daripada menyuarakan ataupun menyoal kekurangan kerajaan semasa Pilihanraya Umum Keempat Belas...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam bangun, Yang Berhormat.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Boleh Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Bukit Gelugor. Adakah Yang Berhormat Bukit Gelugor boleh setuju bahawa ini kemungkinan adalah sebagai tanda *desperation*, begitu terdesak dan tertekan pihak Kerajaan Barisan Nasional apabila semua maklumat-maklumat berhubung dengan salah guna kuasa, rompak harta rakyat didedahkan. Maka mereka khuatir mereka akan kalah pilihan raya, maka akta ini dibentangkan pada saat-saat terakhir untuk menentukan bahawa mereka akan selamat. Ini menunjukkan mereka takut dan mereka sangat-sangat terjejas dan undang-undang ini berkepentingan. Apa pandangan Yang Berhormat Bukit Gelugor?

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang Berhormat Shah Alam, saya bersetuju. Adalah amat jelas *it is obvious* bahawa undang-undang ini adalah diperkenalkan untuk mendiamkan pembangkang membangkitkan isu-isu sensitif terhadap kerajaan terutamanya 1MDB. *We are being silenced and that is the purpose of this act* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya ada satu minit lebih.

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Minta laluan.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya akan akhiri dengan dua isu yang ingin saya timbulkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tasek Gelugor bangun, Yang Berhormat.

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat Bukit Gelugor, minta laluan sikit.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *I only have two minutes*, saya nak dua minit saja.

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Sikit saja, pendek saja.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Dua minit saja, tidak apa nanti ya. Saya cuba habiskan Tuan Yang di-Pertua. Dua perkara yang ingin, saya tanya kepada Menteri sebelum saya akhiri.

Pertama sekali, adakah Menteri akan menggunakan akta ini memandangkan seksyen 3 merupakan memberikannya kuasa *extraterritorial application*. Ia boleh diguna pakai di luar negara. Adakah Menteri, saya hendak tahu jawapan Menteri, adakah akta ini akan digunakan terhadap penerbit-penerbit, penulis-penulis *Wall Street Journal*?

Adakah ianya akan digunakan terhadap DOJ? Adakah kita akan meminta bantuan Interpol untuk pergi tahan Jeff Sessions, Peguam Negara Amerika Syarikat. Adakah kita akan cuba mengekstradisi semuanya balik ke sini untuk didakwa di bawah akta ini. Adakah kerajaan berani berbuat demikian?

Sekiranya tidak berbuat demikian Tuan Yang di-Pertua, itu bermakna apa yang dikatakan DOJ tersebut, *Wall Street* tersebut, *The Economist* tersebut semua itu benar. Semua yang dinyatakan itu benar. Jadi sebelum saya mengakhiri Tuan Yang di-Pertua, memandangkan PRU Ke-14 dekat, saya hendak tanya satu soalan.

Oleh kerana soalan ini adalah penting di dalam kempen semua Ahli Parlimen sekiranya mereka diberi peluang untuk dicalonkan lagi, *simple*. Menteri kena jawab *are the DOJ allegations fake news?* Itu yang perlu dijawab, *confirm it in Parliament*. Sekiranya ianya *fake news*, katakan sedemikian. *If it is not fake news, let us know so that we can all campaign* berdasarkan laporan DOJ tersebut.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, kita mesti menolak rang undang-undang ini demi kepentingan anak-anak dan cucu-cucu kami di masa depan. Dengan itu, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Bagan Serai.

4.54 ptg.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua... [*Mengucapkan sepotong doa*] *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengalu-alukan kehadiran sahabat-sahabat saya, Ketua Bahagian MIC, Ketua-ketua Cawangan Wanita, Pemuda MIC beserta pemimpin-pemimpin masyarakat India dari Parlimen Bagan Serai yang berada di dalam Dewan sekarang ini. Vanakkam... [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, kebetulan dapat peluang berbahas Yang Berhormat di hadapan ketua cawangan.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ya terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa amat bersyukur pada petang yang bersejarah ini untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana bersedia dan berani membentangkan rang undang-undang ini tepat pada masanya. Pada masa dunia diancam, pada masa ancaman yang kita katakan global dan revolusi teknologi komunikasi yang meledak hari ini.

Di masa inilah di mana berita-berita yang tidak benar, berita-berita yang palsu atau boleh kita ertikan, bila sebut berita tidak benar, bila sebut berita palsu, rasa macam tak cukup kuat. Sebenarnya ini adalah berita-berita yang penipu, yang pembohong, yang tak takut tuhan, yang pakai hentam tanpa tanggungjawab memberikan ancaman kepada banyak masalah.

Tuan Yang di-Pertua, kesannya hari ini di saat dunia diancam...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: DOJ, DOJ.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: ...oleh masalah global ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Nak bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Di saat revolusi teknologi komunikasi, hari ini manusia. *I'm just starting, please.*

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: DOJ itu palsu kah benar? Saya tanya lah.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Di saat masa kini di mana manusia dah mula tak takut tuhan. Apa yang saya hendak bentangkan hari ini Tuan Yang di-Pertua bahawa manusia hari ini, manusia yang ada hari ini dah tak peduli dah, macam dah tak ada tuhan, macam dah tak ada agama. Tidak ada agama dalam dunia ini yang membenarkan penipu, pembohong. Tidak ada agama yang membenarkan ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, jangan takut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seputeh diam Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Apa takut? Kalau kita bercakap benar, kalau kita membentangkan perkara yang benar, kalau kita menyebarkan perkara yang hak, apa takut? Jangan katakan undang-undang ini seperti *draconian*, seperti undang-undang yang menyekat kebebasan suara dan salah guna.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Bagan Serai.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Siapa yang salah guna? Siapa yang salah guna? Siapa yang takut suara disekat?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Celahan Yang Berhormat, saya tanya Yang Berhormat Bagan Serai, nak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Bagan Serai, sikit.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Yang di-Pertua, lagi apa yang saya hendak gambarkan hari ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat Bagan Serai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, nak bagi jalan?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Saya tak bagi jalan lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tak bagi jalan.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Setakat ini.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Takut?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kalau Yang Berhormat Bagan Serai jawab, ini juga *performance* untuk pengikut Yang Berhormat Bagan Serai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduklah, duduklah.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Jangan takut Yang Berhormat Bagan Serai, ada MIC tengok Yang Berhormat Bagan Serai bagi laluan. Jangan takut... [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tak bagi jalan, tak payah...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: MIC tengah tengok, bolehkah berdebat kah tak boleh berdebat. Debatlah, kalau takut nanti MIC rasa Yang Berhormat Bagan Serai ini penakut.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Ini ketua bahagian saja, bagilah peluang.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Jangan takut.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sebab saya hari ini, apabila seorang dapat satu perkara dan dia terus percaya. Kita dah berulang-ulang kali dah kata apabila kita terima satu maklumat, jangan terus percaya. Kita siasat dahulu, *tabayyun*, kita siasat dulu betul salahnya. Kalau benar, kalau baik kita sebarkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bagan Serai, rehat sebentar Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kalau benar takut apa, berilah laluan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

4.58 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 5.30 petang dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Isnin, 20 April 2018.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Bagan Serai.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order*.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak, saya hanya perlukan penjelasan.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pembangkang jangan kacau. Nanti ada masa untuk berbahas.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Point of order*.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Duduklah... *[Dewan riuh]*

Beberapa Ahli: *Point of order*.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Yang di-Pertua, saya sedang mengatakan tentang bagaimana...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Bagan Serai, sabar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Point of order, which point of order* Yang Berhormat?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang lain duduk, yang lain duduk.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya hanya nak mengesahkan sama ada perbahasan untuk rang undang-undang ini akan ditunda ke hari Isnin ataupun dihabiskan hari ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ia akan berbangkit ketika 5.30 nanti ya.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Minta maaf, *I didn't hear you.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kita akan sambung bahas.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Sambung hari Isnin, baik terima kasih.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih, terima kasih, itu yang kita nak pastikan, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kapar tadi itu?

■1700

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, soalan yang sama terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Bagan Serai.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi apa yang saya katakan tadi apabila berita yang tidak tentu kesahihannya disebarkan dan menyebabkan kebencian dan menyebabkan tidak faham dan menyebabkan perselisihan maka inilah yang akan merosakkan keluarga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang lain duduk Yang Berhormat. Hendak bagi jalan Yang Berhormat Seputeh? Hendak bagi jalan? Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tidak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan. Duduk Yang Berhormat Seputeh. Yang lain itu duduklah

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kenapa tidak, saya hendak sokong pandangan Yang Berhormat Bagan Serai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seputeh duduklah *very simple*. Dia tidak bagi jalan duduklah.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Bagan Serai jangan takut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bayan Baru duduklah Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Yang di-Pertua, ancaman yang akan menggugat ini.

Seorang Ahli: Ancaman apa?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ancamannya dari segi keselamatan negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seputeh duduk.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Dari segi ekonomi. Kita sudah dengar tadi pembahas-pembahas bercakap. Dari segi sosial, rosak rumah tangga, rosak keluarga, hilangnya persahabatan dan juga boleh mengancam negara...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Ancaman daripada DOJ, daripada FBI, daripada USA. Ancaman daripada pihak mana, Indonesia?

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Seri Jailani bin Johari]: Yang Berhormat Segambut, duduklah.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Undang-undang yang sudah sedia ada Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, Akta Komunikasi dan Multimedia yang telah wujud sejak tahun 90-an tidak dapat mengawal segala-galanya.

Justeru itu kepentingannya diwujudkan Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar ini sangat-sangatlah terdesak sekarang ini. Jadi sebab itu saya ulang sekali lagi tindakan kerajaan mewujudkan rang undang-undang ini membawa dalam perbahasan ini adalah sangat-sangat baik.

Tuan Yang di-Pertua, denda RM500,000 dan juga 10 tahun yang dikenakan dan juga beberapa perkara lagi. Denda tentang orang yang menyimpan berita yang menyokong dengan duit dan sebagainya adalah bertepatan. Sebab apa sebab untuk memberi kegerunan dan menakutkan orang sebab jangan buat perkara-perkara ini. Kalau manusia hari ini sudah tidak takut tuhan, sudah tidak sayang kawan-kawan dia, sudah tidak sayang sesama insan maka undang-undang perlu dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya membawa beberapa contoh bagaimana benda ini boleh menjadikan masalah. Kita ingat baru-baru ini ada cerita makanan di McDonald's yang dikatakan tidak halal. Itu tersebar daripada satu pergi kedua, pergi ketiga, pergi keseribu dan satu Malaysia dengar. Semua orang kata jangan pergi McDonald's, kalau pergi McDonald's kita makan haram. Yang selama ini kita makan macam mana?

Jadi apabila dikeluarkan kenyataan, buat kajian didapati berita ini tidak benar. Ini boleh merosakkan umpamanya perpaduan. Ini juga boleh merosakkan ekonomi. Ada orang yang terkesan disebabkan berita-berita yang tidak betul ini.

Oleh sebab manusia hari ini tidak pandai tapis lagilah. Sebab dia suka menjadi pemberita pertama. Hari ini kita lihat dengan sosial media hari ini ada orang jadi doktor, ada orang jadi ustaz, ada orang jadi *lawyer*, ada orang jadi macam-macam. Saya pernah tengok orang yang sebarkan berita tentang pentingnya solat, dia sendiri tidak sembahyang. Saya pernah tengok sebab saya kenal orang itu. Jadi saya hairan, terkejut- dia sebarkan berita. Jadi kita dapat berita, itu baguslah- berita itu bagus.

Akan tetapi, apa yang saya perkatakan hari ini berita-berita palsu, berita-berita yang tidak benar ini, berita-berita yang saya katakan menipu, membohong ini boleh merosakkan institusi keluarga, boleh merosakkan sesebuah negara. Hari itu kita dengar satu cerita. Ingat tidak cerita yang dikatakan ada tertulis kalimah Allah pada tapak kasut Bata. Pernah dengar cerita ini. Itu tersebar, orang kata Bata tidak guna, Bata jahat, Bata ini, Bata, Bata. Akan tetapi, apabila keluar kenyataan tidak benar. Bagaimana pula? Ini terkesan lagi pada masalah pada seseorang yang lain hari itu.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, apabila ada orang keluar dekat sana mengatakan Kerajaan Malaysia berhutang begitu banyak yang boleh menjadikan negara kita negara bankrap. Ini satu fitnah, ini satu kenyataan yang tidak benar dan ini tidak betul sebab ini mengelirukan rakyat. Bukan kita buat rang undang-undang ini sebab pilihan raya.

Akan tetapi, kita semua akan menghadapi pilihan raya tidak lama lagi dan berita-berita macam inilah belum pula orang jahat macam ini keluar pergi sana bagi tahu benda-benda yang salah. Kerajaan kita berhutang, peratus KDNK hanya melepasi lima peratus lebih dan kerajaan kita mampu membayar pada tanggungan 12 *percent* setiap tahun.

Sebenarnya kalau kita melihat negara-negara maju yang lain berhutang jauh lebih banyak. Jadi kata-kata negara berhutang, negara akan bankrap, susah rakyat, rakyat derita, tukar kerajaan inilah yang saya katakan berita tidak benar dan penipu dan membohong dekat luar sana.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu, tidak kiralah sama ada pilihan raya atau tidak pilihan raya tetapi bertepatan, kebetulan kita menghadapi pilihan raya. Memanglah rang undang-undang ini sangat-sangat penting untuk diluluskan supaya manusia yang tidak faham ini, manusia yang tidak ada peringatan ini dapat menghentikan kerja-kerja ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar bangun hendak jalan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tidak, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan Yang Berhormat Kapar. Duduk.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *Sorry*, Yang Berhormat Kapar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduk, duduk.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Bagan Serai tidak boleh. Tidakkannya jaguh dengan MIC Bagan Serai sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar duduk Yang Berhormat Kapar.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Kita masih ingat lagi, selepas PRU-13, Kerajaan Barisan Nasional, selepas pembangkang kalah untuk menawan Putrajaya, apa cerita? Seramai 40,000 pengundi hantu Bangladesh datang mengundi dan dikatakan ada tempat-tempat yang bekalan elektriknya putus di tempat mengira undi. Ini berita betul atau berita palsu? Ini berita betul atau berita tipu?

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan jahat ini, kenyataan tidak betul ini, penipu, pembohong ini telah mengelirukan rakyat, telah menimbulkan bibit-bibit benci rakyat kepada kerajaan yang telah menang pada masa itu. Inilah yang boleh menyebabkan huru-hara dan rosaknya sesebuah negara.

Itu sebab saya katakan Tuan Yang di-Pertua, Bagan Serai menyatakan bahawa undang-undang ini adalah tepat pada waktunya dan tepat pada masanya dan tepat pada orang-orangnya yang ada dekat sini hari ini.

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Bagan Serai.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sebab itu, negara-negara lain seperti kita dengar *Singapore*, cerita *Singapore- Singapore* sudah buat. Kita dengar Jerman sudah buat pun kajian sudah buat. Indonesia sudah buat...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *Singapore* belum lagi..

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ada buat kajian- ya lah, kajian sudah buat. Duduklah. Hei! Duduklah.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Hah, belum lagi. Minta penjelasan, tidak akanlah hendak tunjuk kuat dengan MIC, Bagan Serai sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar duduk. Yang Berhormat Kapar duduk.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tidak boleh, tidak berani ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduklah Yang Berhormat Kapar.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Duduk, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduklah Yang Berhormat Kapar.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Tuan Yang di-Pertua, itu sebab saya hendak ulang sekali lagi. Undang-undang ini adalah undang-undang yang tepat pada masa yang kita bahaskan dan undang-undang ini adalah undang-undang yang perlu sebab saya hendak ingatkan sekali lagi ledakan telekomunikasi hari ini, ledakan *social media* hari ini telah datang dengan mengejut sekali, dengan begitu cepat sekali sehingga hari ini orang terima berita terus hantar. Anak muda hari ini berjalan dengan *social media*, berjalan tidak berhenti-henti. Kita lihat di mana-mana sahaja orang akan pegang *handphone* ini ada yang berjalan berlaga dengan dinding sebab sibuk, khusyuk dengan benda ini lagi.

Sebenarnya, *social media* ini satu benda yang nikmat yang Allah bagi, yang tuhan bagi nikmat supaya kita dapat cari ilmu tepat, supaya kita dapat belajar cepat, supaya kita dapat segala-galanya cepat supaya kita dapat buat kerja kita tetapi, telah disalahgunakan. Apabila kita menyalahgunakan sesuatu perkara seperti berita tidak benar, seperti berita tipu ini. Itulah yang dikatakan azab, itulah yang dikatakan kufur nikmat yang menyebabkan banyak rosak bencana hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ulang sekali lagi, pembangkang tidak payahlah takut, orang takut ini orang yang buat salah sahaja. Orang yang berani ini orang yang betul. Jangan risau keluarlah kempen tak apa, ceritalah apa hendak cerita tapi cerita benda yang benar. Jangan cerita benda yang tipu, jangan buat berita-berita yang tidak benar yang menghasut rakyat, yang menipu rakyat tanpa fakta-fakta yang telah dibuktikan.

Itu sebab Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kering sudah tekak ini sebenarnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Lepas ini boleh minum air Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Saya tidak boleh minum air hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali saya hendak ulang bahawa banyak kisah-kisah yang kita dapat lihat yang terjadi dalam negara kita hari ini. Kita dengar hari itu kalau ada cerita satu ketika dulu orang sebarkan hospital kurang darah, habis kelam-kabut semua orang. Satu cerita orang ceritakan di mana kalau tidak silap saya di Miri, merebaknya H1N1. Orang sudah tidak pergi, siapa berani pergi sebab apa orang sudah takut. Akan tetapi, sebenarnya benda itu tidak ada.

Jadi sebab itulah semangat hendak sebarkan berita ini, berita yang tidak tentu lagi adalah salah sebenarnya. Jadi sudah tentulah kalau dengan nawaitu yang jahat – hari ini masalahnya nawaitu jahat. Tadi saya hendak ulang hari ini masalah dengan hubungan dengan tuhan, masalah hubungan dengan manusia sudah rosak. Bila kita dapat berita kita cipta berita-berita yang salah, kita tohmah, kita fitnah, kita *viral*-kan menyebabkan rosak manusia hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini bertepatan dengan waktunya, Bagan Serai menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepang.

5.09 ptg.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk juga turut sama berbahas mengenai akta ataupun rang undang-undang yang bagi saya tidak perlu pun.

■1710

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendengar tadi beberapa orang daripada Ahli Parlimen Barisan Nasional bercakap, saya kasihan sebenarnya. Oleh sebab nampak sangat mereka tidak begitu fahamlah tetapi dia cakap macam faham. Akan tetapi sebenarnya tidak faham.

Saya hendak beri contoh, ada tadi dua orang Ahli Parlimen Barisan Nasional daripada Lenggong dan juga daripada- yang terbaru daripada Yang Berhormat Bagan Serai. Dia kata kalau kita tidak salah, buat apa hendak takut. Sebenarnya akta ini- saya hendak cakap ini akta-akta yang zalim ini orang yang tidak salah yang paling takut. Oleh sebab apa, takut disalahgunakan dan dia yang kena. Kalau sudah tentu salah, buat apa hendak takut. Selalunya di Malaysia ini, orang yang tidak salah yang selalu kena sebab itu kita sebagai orang yang tidak salah, memang kita tidak akan takut. Oleh sebab ia akan disalahgunakan.

Pada 8 Jun 2012, seorang dipanggil *award winning journalist* nama dia Mark MacKinnon dia adalah ketua biro di Beijing, akhbar *The Globe and Mail*. Dia menulis satu artikel yang bertajuk, "*A 21st-century checklist of the new autocrats*". Dia meletakkan kategori autokrat ini kepada empat kategori. Salah satu kategorinya ialah dipanggil *false democrat*. *False democrat* itu termasuk- yang dimasukkan dalam itu ialah, tidak lain tidak bukan ialah Ahli Parlimen Pekan, yang diletakkan sebaris dengan Hosni Mubarak. Sebaris dengan pemimpin daripada pemimpin yang zalimlah, termasuk juga Hun Sen. Jadi, *false democrat* ini telah pun menjadi satu *tagline* di peringkat antarabangsa ke atas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Sekarang ini kita ada satu undang-undang yang diperkenalkan oleh *false democrat* berkaitan dengan *false news*, berkaitan dengan benda berita palsu. Jadi macam mana kita hendak percaya undang-undang yang daripada *false democrat* akan boleh membendung benda-benda palsu. Seperti mana yang diujahkan sebelum ini oleh rakan saya, sebenarnya kita tidak perlu undang-undang ini sebab kita sudah ada undang-undang yang mencukupi sudah. Baik undang-undang jenayah ataupun undang-undang sivil.

Saya hendak beri contoh undang-undang jenayah tadi. Kita ada Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, tadi diterangkan seksyen 8A(1). Izinkan saya membacakan seksyen 8A(1). Seksyen 8A(1) mengatakan, "*8A(1), Jika dalam apa-apa hasil penerbitan ada disiarkan dengan niat jahat apa-apa berita yang tidak benar...*". So, perkataan tidak benar dinyatakan dalam seksyen itu.

Jadi seksyen ini membenarkan sama ada pencetak, penerbit, penyunting dan juga penulis berita dan kalau bersalah mereka boleh dikenakan hukuman sampai tiga tahun penjara dan denda juga RM20,000. Jadi hendak kata kita tidak sokong ini- bukan masalah sokong, kita ada undang-undang. Buat apa hendak buat undang-undang lagi? Apabila ada undang-undang baru bermakna ada kerja baru. Ada kerja baru bermakna ada kos yang baru. Itu yang persoalannya.

Keduanya, kita juga ada undang-undang berkaitan dengan dipanggil Akta 558. Akta 558 ini berkaitan dengan undang-undang komunikasi, akta komunikasi. Seksyen 211(1), tiada pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan boleh memberikan kandungan yang sukar, lucah, palsu. So, sudah ada perkataan palsu di situ. So, apa yang kita perlukan lagi undang-undang ini? Itu dari segi undang-undang jenayah.

Kita ada juga seksyen 420 berkaitan dengan tipu. Kita ada juga undang-undang berkaitan seksyen 500, berkaitan dengan fitnah. Fitnah ini boleh kita kenakan ke atas orang kata kita fitnah orang mati, boleh kena. Seperti mana yang berlaku kepada Presiden Parti Amanah yang didakwa memfitnah orang mati dan kita menang kes itu. Kita juga ada undang-undang *malicious falsehood* Kita juga ada undang-undang sivil. Kalau kita fitnah, kita boleh saman orang dapat ganti rugi, dapat permohonan maaf. Kita juga ada undang-undang berkaitan dengan *malicious falsehood* ini ialah berkaitan dengan penipuan yang berniat jahat.

Jadi kita sudah ada *sufficient law*, sudah ada undang-undang yang mencukupi untuk hendak menyelesaikan masalah berita palsu ini. Tadi sebab itulah kami menentang sekeras-kerasnya penerbitan ataupun kewujudan undang-undang baru.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar bangun Yang Berhormat. Yang Berhormat Kapar.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sikit sahaja Yang Berhormat Kapar ya sebab masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sepang. Saya ingin membangkitkan dua soalan secara ringkas. Pertama sekali adalah hujah-hujah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sepang telah membuktikan bahawa wujud undang-undang yang sedia ada. Adakah ini bermaksud undang-undang yang sedia ada tidak diguna pakai secara terperinci dan tidak digunakan untuk mengatasi masalah-masalah yang wujud? Ini adalah isu teknikal, itu yang pertama.

Kedua adalah tadi saya nampak Yang Berhormat Bagan Serai bercerita tentang agama dan sebagainya. Saya setuju dengan bab bahagian agama tetapi apabila seseorang itu difitnah, bukankah jikalau seseorang itu difitnah, bukankah dia ada tanggungjawab untuk membersihkan nama dia. Dalam ajaran apa-apa agama pun saya rasa dia ada tanggungjawab untuk membersihkan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kapar dan saya minta supaya ucapan beliau dijadikan sebahagian daripada ucapan saya. Cuma saya hendak kata Yang Berhormat Kapar, sebenarnya memang kalau sekarang ini pun sudah berlaku, banyak kes saman-menyaman berkaitan fitnah ini. Saya sendiri adalah seorang peguam yang banyak kendalikan kes fitnah. Begitu juga Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Puchong. Jadi kita memang kata orang *as a matter of routine*. Kita mengendalikan kes-kes ini. Jadi sudah ada undang-undang sudah.

Persoalannya yang menjadi masalah Yang Berhormat Kapar, ada orang di sebelah sana yang difitnah tidak mahu saman. Contohnya Ahli Parlimen Pekan, pernah dituduh oleh akhbar Perancis, akhbar *Economist*, akhbar *Newsweek*...

Seorang Ahli: Tempo.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Tempo*. Semalam akhbar daripada Thailand, *The Nation*. Jadi ini sebab akhbar-akhbar yang kalau benda ini tidak betul samanlah. Kalau tidak ada duit, kami akan buat tabung. Tabung Pekan. Apa masalah?...
[Ketawa]

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Sepang.

Seorang Ahli: Tabung kemanusiaan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tabung kemanusiaan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Sepang, boleh?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Boleh tetapi sikit sahaja. Tidak, saya— orang bodoh-bodoh jangan lama-lama ya.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Satu minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ya, ya. Okey Yang Berhormat Baling.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tidak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sepang. Tadi Yang Berhormat Sepang sebutkan berkaitan dengan Yang Berhormat Pekan, berkaitan dengan kes kalau hendak tabung apa semua ini tabung Pekan. Tolong jangan lupa masuk tabung Pagoh. Yang Berhormat Pagoh ini dengan kes bini dengan bini orang itu. Itu pun, kes itu pun kena lapor juga, kena ambil. Jadi kalau Yang Berhormat Sepang hendak lawan, Yang Berhormat Sepang hendak bela Yang Berhormat Pagoh, Yang Berhormat Sepang bela semualah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey, okey. Sudah dapat sudah okey. Terima kasih kepada sahabat saya daripada Baling. Sebenarnya Yang Berhormat Baling, bagi kami yang paling penting Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dulu sebab dia perlu membersihkan nama dia dulu.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Dia boleh jadi Timbalan Perdana Menteri sebab jangankan *double standard* lah Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Akan tetapi dia lari sudah, dia sudah tidak suka dengan Barisan Nasional.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *Gentle* Yang Berhormat Sepang. Tidak, Yang Berhormat Sepang kena *gentle*-lah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Samalah, Menteri dan Perdana Menteri pun.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya hendak teruskan. Saya hendak teruskan, jangan ganggulah.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Sepang sebagai tokoh agamawan, bercakap mestilah berlandaskan... [*Berucap dalam bahasa Arab*] Kalau tidak faham, saya beritahu...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [*Berucap dalam bahasa Arab*]

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ya, betul. Cakap betul-betul.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [*Berucap dalam bahasa Arab*]

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Cakap bagi orang faham.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Faham orang cakap fasal agama.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Janganlah *one-sided* Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Please* lah.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Janganlah *one-sided* Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *You don't talk about the religion. You are stupid person.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah, sudah... [*Dewan riuh*]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Belajar agama di mana ini?... [*Dewan riuh*]

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Janganlah separuh-separuh. *One-one sided* tidak boleh Yang Berhormat Sepang.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *Relax, relax* Yang Berhormat Baling *relax*. *Relax* Yang Berhormat Baling, duduk.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Berdosa Yang Berhormat Sepang. Nanti Allah marah Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *You have no right or no credibility at all.*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tidak baik tidak apa, tetapi Yang Berhormat Sepang kena betul. Tidak baik Yang Berhormat Sepang berdosa, nanti Allah marah Yang Berhormat Sepang lagi sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Baling ini, Yang Berhormat Pekan buat silap...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya ini Yang Berhormat Baling, sudah beritahu berapa kali sudah. Saya ini hatta saya mati pun saya akan lawan Barisan Nasional. Saya tidak ada masalah dengan...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Masalah *you are most welcome* Yang Berhormat Sepang. *You are most welcome*. Mari lawan saya di Baling pun saya mengalu-alukan. Silakan Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Eh! Eh!...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Akan tetapi janganlah cakap takbur, janganlah cakap Yang Berhormat Pekan... *[Tidak jelas]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Baling, dengar Yang Berhormat Baling. Dengar Yang Berhormat Baling.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tidak boleh.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Baling, saya minta Yang Berhormat Baling sediakan satu pentas. Kita *debate*.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ini demokrasi.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kita *debate*. Kita *debate and then compete*.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ini sistem demokrasi. Ya, Yang Berhormat Sepang jangan tidak baik.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *I am willing to debate with you and then compete... [Dewan riuh]*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Sepang hendak mula mukadimah pun bersangka buruk, niat tidak baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Macam mana cakap pasal Pekan. Tidak boleh.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey, saya hendak katakan bahawa kita sudah ada undang-undang yang mencukupi. Jadi tidak perlu pun undang-undang ini. Undang-undang ini kalau diluluskan, ia akan jadi- *definitely* akan menjadi, yang menjadi mangsanya adalah rakyat bawahan. Oleh sebab itu dikatakan tadi oleh Yang Berhormat daripada Puchong, daripada Bukit Gelugor. Dia mengatakan bahawa contohnya, ada berkaitan undang-undang *provision* mengenai Peguam Negara. Sedangkan kalau Peguam Negara sendiri yang terlibat dalam penipuan, siapa yang hendak dakwa dia? Jadi ini menunjukkan satu *consent* yang memang *legitimate*, yang sah.

Oleh sebab itu saya ingin menyatakan kepada pihak kerajaan supaya kita mestilah, janganlah terlalu banyak undang-undang. Undang-undang ini sebenarnya kalau terlampau banyak di negara kita ini, ia bukan satu simbol kebaikan. Ia panggil satu simbol menunjukkan negara ini bagi orang ramai dianggap sebagai negara yang zalim.

■1720

Oleh sebab mana-mana negara pun kalau dia zalim, dia perlukan undang-undang yang banyak. Dia tidak cukup- dia rasa undang-undang ini tidak cukup hendak *protect* dia, sebab itu dia asyik tambah undang-undang. Jadi ini yang berlaku dalam Barisan Nasional. Tidak ada undang-undang yang mencukupi, dia tambah, tambah, tambah sebab dia rasa tidak cukup undang-undang membela kezaliman dia.

Sebab itu saya ingin menyatakan, jangan ingat apabila kamu membuat undang-undang ini, kamu akan selamat. Sebenarnya undang-undang mungkin satu hari menghantui kamu pula. Bayangkan kalau PH menang selepas ini, undang-undang dilaksanakan, orang yang pertama kena tangkap ialah kamu. Jadi kamu jangan ingat kamu selamat.

Akan tetapi sebab itu...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *Ish, ish, ish* takburnya. Ya Allah ya tuhan ku takburnya manusia yang bernama Ahli Parlimen Sepang ini. Bertaubatlah kamu, bertaubatlah kamu- ya Allah takburlah, riak lah kamu ini, *astaghfirullah haladzim*.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Allah, ampunkan kau.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Hei Yang Berhormat Baling tidak payah cakap pasal riak, pasal takbur, tidak payahlah. *Please* lah, *don't talk about religion* lah. Saya dengar ini geli tahu...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ya Allah sombongnya ya Allah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: ...Saya dengar ini gelilah. Tahu tidak, geli? *You* ini cakap pasal *religion* ni, saya geli dengar.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tadi cara cakap itu...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: ...*You* pergilah.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kamu akan kalah...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *I don't want to hear you at all lah.*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: ...Kamu ini tuhan kah? Yang boleh tahu kamu kalah, menang. Kamu tidak akan tahu balik rumah ini, kita dua ini belum tentu lagi hidup esok lagi tahu. Hendak cerita pasal pilihan raya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kalau saya Tuhan, saya tidak akan jadikan kamu, nasib baik saya tidak jadi Tuhan. Kalau saya jadi Tuhan, daripada awal saya tidak jadikan kamu, menyusahkan orang sahaja. Akan tetapi sebab saya tidak Tuhan, Tuhan jadikanlah juga orang macam kamu supaya orang lain nampak inilah yang patut kita lawan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang 'kamu' itu tidak payahlah Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kalau saya Tuhan, sudah lama saya tidak jadikan kamu, sudah lama saya hapuskan sebab itu *I'm not God*. Jadi saya hendak kata beginilah...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ya Allah ya tuhan ku, kau ampunkanlah dosa-dosa Yang Berhormat Sepang, Kau selamatkanlah beliau ya Allah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Amin ya Allah.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: ...Kau jauhilah beliau daripada...

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Amin.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: ...Daripada mala petaka ya Allah, Kau kasihanilah dia ya Allah...

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Kabulkanlah ya Allah.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: ...Kau ampunilah dosanya ya Allah...

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ya Allah selamatkanlah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ya Allah selamatkanlah Tabung Haji. Selamatkanlah Tabung Haji, haji sahaja yang ada tabung sudah tak ada. Selamatkan Tabung Haji daripada orang-orang seperti Yang Berhormat Baling yang jaga, memang negara hancur. Jadi saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Kuala Nerus bangun...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi Yang Berhormat, Yang Berhormat Kuala Nerus?

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Sepang minta sedikit.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Siapa, siapa tadi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Nerus.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Kuala Nerus.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Nerus, kawan lama.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Kuala Nerus- ini PAS, PAS saya minta saman- Nik Abduh tolong saman orang yang sebar berita itu yang paling penting. Jangan cakap ini berita palsu juga.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Sepang minta laluan secara beradablah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Siapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Memang tidak ada adab. Orang minta secara betul, secara baik. Apa macam ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat Kuala Nerus.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Minta maaf atas sebutan kasar tadi. Yang Berhormat Sepang, cuma saya tertarik apabila ada perdebatan secara keras tadi membabitkan isu agama. Apabila kita menyebut kalau saya Tuhan, saya akan buat begini. Saya rasa tidak cantik, tidak manis...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Betul, betul.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: ...Kerana Allah Taala bersifat Maha Pengasih, Maha Penyayang. Mungkin kesilapan kerana kita sedang berdebat mungkin kita betulkan balik...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Tarik balik.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: ...Fakta agama yang dilihat oleh ramai orang, itu nasihat tulus daripada saya tanpa sebarang niat jahat terhadap Yang Berhormat Sepang, sahabat saya yang saya sayang. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Saya sokong, saya sokong.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Nerus. Yang Berhormat Kuala Nerus sebab itu saya menggunakan perkataan kalau...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Kalaupun tidak boleh, tidak boleh.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya pun tahu...

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Kalaupun tidak boleh.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Kalaupun tidak boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Allah Taala, kalaupun tidak boleh.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat Kuala Nerus hendak betulkan dia kena betulkan Yang Berhormat Baling juga kerana Yang Berhormat Baling kata, "*Kamu ingat kamu Tuhan kah?*" So, mana boleh kita kata kalau kita orang Islam, kita boleh kata bahawa ada manusia yang anggap dirinya sebagai Tuhan. Itu pun perlu diperbetulkan. Bukan sekadar...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Agama bukan logik.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Apabila cabaran ataupun teguran yang dibawa oleh Yang Berhormat Kuala Nerus dijawab oleh Yang Berhormat Sepang, kita tegur Yang Berhormat Sepang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Sepang, bertaubatlah Yang Berhormat Sepang.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Akan tetapi memang tidak sepatutnya dikemukakan oleh Yang Berhormat Baling pun asalnya memang kena tegur juga.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Tarik, tarik balikkah.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Tidak boleh cakap macam itu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Sepang, bertaubatlah kamu.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Barulah adil.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey terima kasih kepada...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Mana boleh kalau, tidak boleh kalau.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Sepang minta izin...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Apa Yang Berhormat Arau?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Tidak boleh kalaupun tidak boleh kalau agama, taubat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: You lagi tidak boleh pakai. Lagi tidak boleh pakai.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Tarik balik.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Eh! Buka songkoklah. Pakai songkok ingat alim kah?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Sepang...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Eh! Kalau pakai songkok ingat alim kah?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Jangan takbur pasal agama Yang Berhormat Sepang, tarik balik.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *No, saya cakap saya, I'm clear.*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Saya setuju dengan Yang Berhormat Kuala Nerus.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Kita kena maafkan Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *I'm clear.*

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: ...Sebab Yang Berhormat Sepang baru lepas kecederaan di kepala.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *... I don't want to withdraw.*

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: ...Jadi ada mungkin ada skru-skrus yang tidak betul.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Saya minta dia bertaubat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya tidak akan *withdraw* sebab saya cakap perkataan kalau...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Kuala Nerus betulkan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Qualified* kalau...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Tidak boleh. Kalau Tuhan, tidak boleh dihubungkan...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Eh! Siapa kamu yang kata tidak boleh ini?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Eh! Siapa kamu?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Who are you? Who are you?*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Siapa kamu?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *You are not qualified* lah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: ...Kamu ingat kamu pandai agama.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Please* lah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Kuala Nerus *please*, tolong betulkan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Kuala Nerus tidak boleh pakai, kamu lagi tidak boleh pakai...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Tidak, saya sokong Yang Berhormat Kuala Nerus.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Kuala Nerus ini saya tidak akan hormat dia, minta maaf. Walaupun dia ahli agama, saya tidak akan hormat sebab apa, saya tahu. Saya kenal dia. Minta maaf. Lagilah Yang Berhormat Arau, lagilah saya tidak hormat.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Tidak apa, saya minta izin...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Baik Tuan Yang di-Pertua, saya cakap ramai orang ganggu.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Kuala Nerus, saya minta izin sedikit.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: ...Ramai orang minatlah, saya pun pelik kenapalah...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: *[Menyampuk]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: ...Menunjukkan saya bercakap berita benar bukan berita palsu sebab tu ada orang minat. Kalau saya bercakap berita palsu mesti orang tidak berminat. Sebab saya bercakap berita benar ramai orang minat.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Kuala Nerus.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Hei! Bangunlah Yang Berhormat Menteri, cakap belakang-belakang. Tadi ada seorang Menteri daripada...

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Sepang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat sebentar Yang Berhormat

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tadi ada seorang Menteri daripada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat, kenapa jam tidak bergerak?

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Saya minta izin Yang Berhormat Sepang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kenapa jam tidak bergerak?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Itu saya peliklah. Saya ada masa lagi ini.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Kuasa Tuhan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Sepang...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya dengar...

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Sepang, minta izin.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Sepang saya dengar rendah diri...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Nampak dia kacau, saya tidak bagi pun.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Saya tidak kacau, saya dengan rendah diri minta tarik balik perkataan...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *I'm not going to withdraw*, faham tidak? Saya tidak akan tarik balik. Faham tidak? Saya cakap bahasa Inggeris tidak faham, saya cakap bahasa Melayu lah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Semoga Allah...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya tidak akan tarik balik sebab saya tidak cakap saya Tuhan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Semoga Allah...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: ...Saya cakap kalau, kalau, jikalau...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Of course* lah takkanlah...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Makhluq tidak boleh sama dengan Tuhan...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Come on* lah....

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Mana boleh makhluq sama dengan Tuhan. Kalaupun tidak boleh. Tarik balik, bertaubat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Can you give* dalil kalau tidak boleh.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Semoga Allah...

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Saya bagi dalil Yang Berhormat Sepang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Boleh, boleh saya bagi dali.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Saya bagi dalil Yang Berhormat Sepang. Bagi saya bercakap. Saya bagi dalil.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Bertaubat.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Saya bercakap...
[*Dewan riu*]

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Jangan takut Yang Berhormat Sepang, bagilah.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: ...hadis Nabi...

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Untuk kebenaran.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Rasulullah SAW....

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *Astaghfirullahaladzim*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya hendak bagi jalan Yang Berhormat? Kuala Nerus.

Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]: Syaitan, kembalilah ke pangkal jalan.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Saya minta dengan baik, bagilah peluang saya...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Yang Berhormat Sepang, istighfar lah Yang Berhormat Sepang.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Sebab dia sebut nama saya.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Yang Berhormat Sepang, istighfar. Ikut Yang Berhormat Kuala Nerus berdoa dengan Yang Berhormat Kuala Nerus... [Dewan riuh]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *I'm not going to withdraw...* [Dewan riuh]

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: ...Perkataan kalau saya Tuhan, saya minta tarik balik... [Dewan riuh]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *I'm not going to withdraw.*

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Yang Berhormat Sepang, bertaubatlah Yang Berhormat Sepang... [Dewan riuh]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *...Please lah. I know what I...*

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: ...akidah Islam, bersandarkan Islam... [Dewan riuh]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kepala otak kamu diamlah! Diamlah.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: ...Hadis Nabi Muhammad SAW, saya bersedia.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kepala otak kau diam.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Saya bersedia, silakan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya geram betullah dengan orang-orang menjual agama macam dia ini.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Saya minta dengan cara baik.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini orang jual agama ini...

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Ini bersandar dengan akidah Islam, saya berikan dalil. *You* cabar bagi dalil, saya bagi dalil tidak apa. Saya bagi dalil al-Quran yang hadis Nabi SAW...

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Tariklah Yang Berhormat Sepang, mana boleh kita membuat perbandingan macam itu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *...Can't withdraw, saya akan...*

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Saya bagi dalil, *you* minta bagi dalil, saya bagi dali....

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *...I'm willing to stand with my statement.* Kalau saya Tuhan, saya tidak akan jadikan orang macam Baling.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: *You* minta dalil, saya...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sebab saya bukan Tuhan. *I'm not God. Who I am to say I am God?*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: *You said* kalau...

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Saya minta Yang Berhormat Sepang menarik balik. Ini ialah ucapan beliau terhadap akidah Islam.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan tarik balik. Lagi daripada Yang Berhormat Kuala Nerus. Ini saya tidak akan tarik balik... [Dewan riuh]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Who are you?* Bahasa Arab...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Ini orang agama...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Eh! *Arabic* kecoh, bini saya pun *Arabic* ...

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Ya, sebutlah di sini...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Don't talk to me about religion, please* lah.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Saya boleh bagi dalil.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Beritahu Ahli Parlimen Marang...

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Mulut jangan lantanglah...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kalau kamu ada *religion* datang Parlimen, jangan minta...

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: ...Yang Berhormat Sepang menarik balik ucapan, 'kalau saya Tuhan'.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: [*Menyampuk*] [*Dewan riuh*]

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Saya tidak akan duduk, sehingga di tarik balik.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey.

Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]: Yang Berhormat Sepang, kembalilah ke pangkal jalan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya tidak akan tarik balik, saya minta maaf. Selepas ini hendak main isu, mainlah.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya Yang Berhormat Sepang menarik balik kenyataan yang bertanggungjawab mengelirukan Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: ...Mengelirukan Dewan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *I don't care, you can say anything.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat. Tugas saya cuma...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya ingat yang keliru Kuala Nerus sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya cuma masuk selepas...

Tuan Budiman bin Mohd Zohdi [Sungai Besar]: Selepas masuk PAN...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: ...Kalau ada perkataan *unparliamentary* Yang Berhormat. Jadi yang dikatakan itu ia tidak termasuk dalam peraturan mesyuarat. Akan tetapi biarkan itu menjadi sebahagian daripada pendirian Yang Berhormat Sepang Yang Berhormat ya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana Tuan Yang di-Pertua lebih faham walaupun Tuan Yang di-Pertua bukan orang Islam lebih faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya cuma...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: ...I'm not...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Bukan soal itu, soal saya adalah *unparliamentary word in Parliament*.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Kenapalah dapat Islam, itu rasis.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jelaskan, saya tidak pernah langsung menyatakan saya Tuhan, saya kata kalau. Sebab yang membangkitkan isu ini Yang Berhormat Baling.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Ucapan kalau itu tidak boleh.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Baling yang mulakan bukan saya.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masa sudah habis Yang Berhormat. Masa sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya merumuskan boleh saya rumuskan? Saya merumuskan bahawa ini adalah undang-undang palsu ini adalah undang-undang daripada kerajaan palsu diperkenalkan oleh Ahli Parlimen palsu daripada Barisan Nasional untuk hendak tangkap orang-orang yang menyebarkan berita benar.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Eh! Dilantik rakyatlah. Buat palsu, kamu yang palsu. Dilantik rakyatlah. Apa ini?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: ...Berita benar jadi ancaman.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Kamu yang palsu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini hakim palsu ini.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Apa ini?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Hakim palsu.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Hoi bodoh! Aku dilantiklah, bodoh!

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Apa ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepang habis sudah.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Kamu pandai-pandailah, mulut macam longkang, macam ini pemimpin Islam apa macam ini? Bodoh punya orang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepang sudah habis. Ada lagi yang hendak berbahas?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: ...Hakim palsu tidak naik pangkat... *[Dewan riuh]* Saya hendak buat, pemalas ini, pemalas. Hakim tidak naik pangkat ini.

Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Eh! *Lawyer* engkau jadi malas lah ini. *Lawyer* yang malas ini, apalah!

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Bertaubatlah Yang Berhormat Sepang, bertaubat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: *Humbly* bertaubat.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Sambung Isnin.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua, minta siapa hendak berbahas?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kalau kita akan panggil hari Isnin nanti Yang Berhormat ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, 2 April 2018.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang]